

**PERSEPSI PENGUNJUNG TERHADAP KOLEKSI PAMERAN DI
GALERI PUSAT WARISAN KAJANG, SELANGOR**

NUR FATNI ADLINA BINTI MOHD FAZULI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2025



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERSEPSI PENGUNJUNG TERHADAP KOLEKSI PAMERAN DI GALERI PUSAT
WARISAN KAJANG, SELANGOR**

Oleh:

NUR FATNI ADLINA BINTI MOHD FAZULI

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

☒

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

☐

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



NUR FATNI ADLINA BINTI

MOHD FAZULI

Tarikh: 25/2/2025

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan

bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

Tandatangan Penyelia Utama

Dr. Ainul Wahida binti Radzuan
Senior Lecturer
Department of Heritage Studies
Faculty of Creative Technology and Heritage
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16300, Kelantan, Malaysia

DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN

Tarikh: 25/2/2025

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan selamat sejahtera. Syukur ke hadrat Ilahi atas limpahan rahmat dan kurnia-Nya yang memberikan saya kekuatan, ketabahan, serta peluang untuk menyempurnakan Projek Penyelidikan ini dengan jayanya. Kajian ini juga merupakan salah satu syarat wajib bagi pelajar Universiti Malaysia Kelantan dalam memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian bagi sesi 2025.

Dengan penuh penghargaan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan, atas segala bimbingan, nasihat, serta dorongan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini. Sokongan dan komitmen beliau amat saya hargai, dan saya mendoakan agar segala usaha beliau sentiasa diberkati.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan buat ahli keluarga saya, khususnya ibu tersayang, Zuraida Binti Mat, serta seluruh keluarga yang sentiasa memberikan sokongan moral dan dorongan sepanjang perjalanan akademik ini. Selain itu, saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan atas bantuan, perkongsian idea, dan motivasi yang diberikan secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, penghargaan tulus ikhlas ditujukan kepada semua informan dan responden yang sudi meluangkan masa serta berkongsi maklumat bagi melengkapkan kajian ini. Sumbangan anda semua amat bermakna dan saya mendoakan agar segala urusan kalian sentiasa dipermudahkan.

PERSEPSI PENGUNJUNG TERHADAP KOLEKSI PAMERAN DI GALERI PUSAT WARISAN KAJANG, SELANGOR.

ABSTRAK

Galeri Pusat Warisan Kajang merupakan sebuah galeri persendirian yang mempamerkan koleksi-koleksi berkaitan sejarah dan warisan masyarakat tempatan di Kajang dan Hulu Langat. Pemeliharaan koleksi adalah penting bagi memastikan generasi akan datang dapat mengenali sejarah setempat dengan lebih mendalam. Walau bagaimanapun, koleksi pameran dan ruang pameran di galeri ini masih terhad dan kurangnya aktiviti interaktif boleh menjejaskan pengalaman pengunjung. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi memahami persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang dan mengenal pasti langkah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama, iaitu mengenal pasti koleksi pameran yang terdapat di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor, mengkaji persepsi pengunjung terhadap ruang pameran dan menganalisis langkah-langkah penambahbaikan yang perlu dijalankan terhadap koleksi pameran di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran melalui soal selidik, temu bual, dan pemerhatian. Teknik pensampelan bertujuan digunakan bagi menemu bual dua orang informan dan teknik pensampelan rawak mudah digunakan untuk mendapatkan 110 orang responden. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif menggunakan frekuensi, skor purata, dan sisihan piawai, manakala data kualitatif dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengunjung mempunyai persepsi yang positif terhadap koleksi yang dipamerkan, tetapi terdapat keperluan untuk menambah baik aspek penyampaian maklumat dan pengalaman interaktif di galeri. Beberapa tema utama telah dikenal pasti, iaitu jenis-jenis koleksi yang dipamerkan, persepsi terhadap koleksi pameran, promosi dan kerjasama sosial yang dilakukan oleh galeri, harapan dan cabaran yang dihadapi oleh galeri, serta cadangan penambahbaikan. Kajian ini mencadangkan supaya teknologi digital seperti realiti terimbuh (AR) dan realiti maya (VR) digunakan dalam pameran, selain memperluaskan ruang pameran dan memperkenalkan aktiviti kebudayaan interaktif. Oleh itu, dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak pengurusan galeri dalam mempertingkatkan daya tarikan serta fungsi Galeri Pusat Warisan Kajang sebagai pusat pemeliharaan warisan yang lebih berkesan.

Kata kunci: Galeri Pusat Warisan Kajang, galeri persendirian, koleksi pameran, pemeliharaan warisan, persepsi pengunjung.

VISITORS' PERCEPTION ON THE EXHIBITION COLLECTION AT GALERI PUSAT WARISAN KAJANG, SELANGOR

ABSTRACT

The Galeri Pusat Warisan Kajang is a private gallery that displays collections related to the history and heritage of the local community in Kajang and Hulu Langat. The preservation of these collections is crucial to ensuring that future generations can gain a deeper understanding of local history. However, the exhibition collection and display space in the gallery remain limited, and the lack of interactive activities may affect visitors' experiences. Therefore, this study aims to comprehend visitors' perceptions of the exhibition collection at the Galeri Pusat Warisan Kajang Gallery and to identify measures for improvement that can be implemented. This study has three main objectives: to identify the exhibition collections available at the Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor, to examine visitors' perceptions of the exhibition space and to analyse the necessary improvement measures for the exhibition collection at the Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor. A mixed-method approach was employed, utilising surveys, interviews, and observations. The sampling technique was used to interview two informants, while the simple random sampling technique was employed to obtain 110 respondents. Quantitative data were analysed descriptively using frequency, mean scores, and standard deviation, while qualitative data were analysed thematically. The findings indicate that visitors have a positive perception of the exhibited collections; however, there is a need to enhance information delivery and interactive experiences within the gallery. Several key themes were identified, including the types of exhibited collections, perceptions of the exhibition collection, gallery promotions and social collaborations, expectations and challenges faced by the gallery, and suggestions for improvement. This study recommends incorporating digital technologies such as augmented reality (AR) and virtual reality (VR) into exhibitions, expanding exhibition spaces, and introducing interactive cultural activities. Therefore, the findings of this study are expected to assist the gallery management in enhancing the appeal and function of the Galeri Pusat Warisan Kajang as a more effective heritage preservation centre.

Keywords: Galeri Pusat Warisan Kajang, exhibition collections, heritage preservation, private gallery, visitors' perception.

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix
BAB SATU: PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1-3
1.1 Latar belakang Kajian	4-5
1.2 Permasalahan Kajian	5-6
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Lokasi Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	9-10
1.9 Struktur Projek Penyelidikan	10
BAB DUA: KAJIAN LITERATUR	11
2.0 Pengenalan	11
2.1 Definisi Muzium	11-12
2.2 Definisi Galeri	12-13
2.3 Definisi Warisan	13-14
2.4 Jenis-jenis Galeri	14
2.5 Pengurusan Galeri	15
2.6 Koleksi Pameran	15-16
2.7 Definisi Pengunjung	17
2.8 Kerangka Teori/ Aplikasi	17
2.8.1 Teori Persepsi	18-19
2.9 Rumusan	19
BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN	20
3.0 Pengenalan	20
3.1 Pendekatan Kajian : Kaedah Campuran	20-21
3.2 Rekabentuk Kajian	21-22
3.2.1 Kajian Kuantitatif: Kajian Kes	22
3.2.2 Kualitatif: Tinjauan	22
3.3 Kaedah Kajian	23
3.3.1 Kaedah Kualitatif	23-24
3.3.2 Kaedah Kuantitatif	24-25
3.4 Sumber Data Kajian	25
3.4.1 Data Primer	25
3.4.2 Data Sekunder	25-26

3.5 Pensampelan	27
3.5.1 Pensampelan Kualitatif	27-28
3.5.2 Pensampelan Kuantitatif	28-29
3.6 Analisis Data	29
3.6.1 Analisis Kajian: Analisis Deskriptif	30-31
3.6.2 Analisis Kajian: Analisis Tematik	31-35
3.7 Limitasi Kajian	35
3.8 Rumusan	36
BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN	37
4.0 Pengenalan	37
4.1 Demografi Responden	37
a. Peringkat Umur Responden	38
b. Jantina Responden	39
c. Bangsa Responden	39-40
d. Status Perkahwinan Responden	40
e. Negeri Bermastautin Responden	41-42
f. Jenis Pekerjaan Responden	42-43
g. Taraf Pendidikan Responden	43-44
4.2 Jenis-Jenis Koleksi Yang Dipamerkan Di Galeri Pusat Warisan Kajang	44-47
4.3 Sumber Koleksi Yang Terdapat Di Galeri Pusat Warisan Kajang	48-49
4.4 Persepsi Pengunjung terhadap Galeri Pusat Warisan Kajang	49-66
a. Pengetahuan Responden Terhadap Kewujudan Galeri Pusat Warisan Kajang	50-51
b. Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi Di Galeri Pusat Warisan Kajang (Seksyen 1)	51-54
c. Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi Di Galeri Pusat Warisan Kajang (Seksyen 2)	55-57
d. Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi Di Galeri Pusat Warisan Kajang (Seksyen 3)	58-61
e. Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi Di Galeri Pusat Warisan Kajang (Seksyen 4)	61-63
f. Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi Di Galeri Pusat Warisan Kajang (Seksyen 5)	64-66
4.5 Cabaran Kewangan Yang Dihadapi Oleh Galeri Pusat Warisan Kajang	67-68

4.5.1 Cabaran Ruang Pameran dan Kekurangan Tema di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor	68-69
4.6 Promosi Dan Kerjasama Yang Dilakukan Oleh Galeri Pusat Warisan Kajang	70-72
4.7 Kerjasama Persatuan, Komuniti, dan Universiti bersama Galeri Pusat Warisan Kajang	72-73
4.8 Perancangan Penambahbaikan Oleh Pihak Galeri Pusat Warisan Kajang	73-75
4.8.1. Perancangan Pembukaan Café Di Galeri Pusat Warisan Kajang	76-77
4.9 Harapan Galeri Pusat Warisan Kajang	77-79
4.10 Rumusan	79
BAB LIMA: KESIMPULAN DAN CADANGAN	80
5.0 Pengenalan	80
5.1 Rumusan Kajian	80-83
5.2 Dapatan Utama	83-84
5.3 Cadangan	84-86
RUJUKAN	87-94

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
Rajah 1.1: Galeri di Pusat Warisan Kajang	3
Rajah 1.2: Peta Lokasi Galeri Pusat Warisan Kajang	8
Rajah 3.1: Analisis Deskriptif Bacaan Skor Purata (<i>Mean</i>), Sisihan Piawaian (<i>Standard Deviation</i>) Dan Frekuensi	31
Rajah 4.1: Pameran Koleksi	47
Rajah 4.2: Ruang Pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang	68
Rajah 4.3 : Hasil Kerjasama bersama Universiti	71

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
Jadual 3.1: Informan Temu Bual	29
Jadual 3.2: Transkripsi Temu Bual	32
Jadual 3.3: Proses Pengekodaan	33
Jadual 3.4: Proses Pencarian Tema	33
Jadual 3.5: Susunan Tema...	34
Jadual 4.1: Peringkat Umur Responden	38
Jadual 4.2: Jantina Responden	39
Jadual 4.3: Bangsa Responden	39
Jadual 4.4 Status Perkahwinan Responden	40
Jadual 4.5: Negeri Bermastatutin Responden	41
Jadual 4.6: Jenis Pekerjaan Responden	42
Jadual 4.7: Taraf Pendidikan Responden	43
Jadual 4.8: Pengetahuan Pengunjung	50
Jadual 4.9: Pameran Koleksi di Seksyen 1	51-52
Jadual 4.10: Pameran Koleksi di Seksyen 2	55
Jadual 4.11: Pameran Koleksi di Seksyen 3	58
Jadual 4.12: Pameran Koleksi di Seksyen 4	61
Jadual 4.13: Pameran Koleksi di Seksyen 5	64

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Galeri merupakan institusi penyaluran maklumat yang mempamerkan karya seni bagi memenuhi kehendak artis dan peminat seni. Seseengah galeri mengutamakan aspek seperti lokasi, suasana, ciri bangunan, infrastruktur dan kebolehan dalam memberikan pengalaman yang bermakna. Pernyataan ini disokong oleh Hornby (1995) di mana galeri ditaktifkan sebagai “a room or building of showing works of art” yang bermaksud galeri ialah bilik atau bangunan yang menunjukkan karya seni. Menurut Harris (2006) pula, galeri merujuk kepada tempat untuk orang awam berinteraksi dengan pengumpul seni seperti artis melalui pameran. Ruang awam boleh digunakan untuk mempamerkan karya seni, mempamerkan aktiviti awam seperti karya-karya dari orang awam. Satya et al. (2022) menyatakan bahawa galeri berfungsi sebagai platform komunikasi antara seniman dan pemilik koleksi melalui aktiviti promosi, pengembangan pasaran seni, pemeliharaan serta pengenalan karya seni budaya, pembangunan perniagaan dan keusahawanan, serta pemangkin sektor pelancongan.

Pemilik galeri terdiri daripada individu, artis, koleksi, syarikat atau organisasi yang bukan untung. Seseengah galeri dimiliki secara persendirian oleh pengumpul seni atau peminat yang menggunakannya untuk mempamerkan koleksi peribadi, mempromosikan hasil kerja atau sejarah tertentu. Hal ini dapat dibuktikan melalui Abas et al. (2017) dalam kajiannya di mana DYMM Sultan Azlan Shah adalah pemilik Galeri Sultan Azlan Shah dan telah dirasmikan sebagai Galeri Sultan Azlan Shah yang menjadi tempat pameran barangan peribadi dan dipertontonkan kepada masyarakat. Oleh itu, galeri yang dimiliki oleh individu atau persendirian ini banyak ditubuhkan sekitar tahun 1960-an sehingga kini. Menurut Zain, I. (1991), Galeri Seni Samat pula dianggap sebagai salah satu galeri swasta yang berjaya pada era 1960-an. Galeri diakui sebagai penentu arah seni yang berpengaruh dan dicapai melalui sokongan menyeluruh sejak awal penubuhannya.

Sejajar dengan arus kemajuan dan globalisasi, galeri terus berkembang berpaksikan nilai sejarah dan koleksinya. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Johar (2008), bilangan galeri di Malaysia khususnya di kawasan bandar telah meningkat

dengan ketara. Lebih 70 galeri beroperasi di seluruh negara dan peranan galeri adalah memelihara warisan seni tempatan. Mat Isa (2022) dalam penulisannya menjelaskan bahawa perkembangan seni moden di Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor, seperti kemunculan dan kewujudan galeri seni persendirian di negara ini. Menurut beliau juga, pada peringkat awal, Pulau Pinang adalah lokasi utama galeri bagi sektor industri kreatif ini. Ini kerana, galeri-galeri di Malaysia mula menunjukkan kaedah pameran seni dan mula berkembang semasa 1930-an pada era Kolonial British di Pulau Pinang. Selain itu, galeri seni persendirian turut memberikan sumbangan besar dalam kemajuan seni moden di Malaysia. Peranan penting dalam mendukung kerjaya pelukis dapat dilihat melalui pelbagai aktiviti yang diatur oleh galeri seni swasta. Industri kreatif bermula dengan dua galeri yang ditubuhkan oleh pelukis pelopor pada zaman Kolonial British di Pulau Pinang, dan perkembangan selanjutnya seiring dengan Kuala Lumpur yang semakin dikenali sebagai pusat ekonomi dan pentadbiran negara iaitu perkembangan galeri seni di Malaysia, khususnya pada zaman selepas era Kolonial British, turut berkembang bersama dengan kemajuan Kuala Lumpur sebagai pusat utama ekonomi dan pentadbiran negara. Kuala Lumpur, sebagai ibu negara Malaysia, mengalami pertumbuhan pesat dalam sektor ekonomi, politik, dan sosial, yang menyebabkan bandar ini menjadi tumpuan utama bagi pelbagai aktiviti, termasuk seni dan budaya. Oleh itu, galeri-galeri seni turut berkembang dan semakin dikenali di Kuala Lumpur, bertepatan dengan peranannya sebagai pusat ekonomi dan pentadbiran, yang membantu memperkukuh perkembangan industri seni dan mempromosikan karya seni tempatan. Pada masa tersebut, sebanyak lapan galeri telah dikenal pasti aktif dalam bidang melukis yang turut menyokong pembangunan seni tempatan. Jamal (2007) menyatakan bahawa pembentukan galeri seni swasta di Malaysia bermula sekitar tahun 1940-an. Pada waktu itu, Yong Mun Sen, yang dikenali dengan nama asalnya Yen Lan dan hidup dari tahun 1896 hingga 1962 telah memulakan Galeri Seni Mun Sen di Pulau Pinang. Selain itu, Chuah Thean Teng, seorang pelukis batik yang lahir pada tahun 1914 dan meninggal pada tahun 2008 juga telah menubuhkan sebuah galeri seni swasta di Pulau Pinang.

Manakala, menurut Tan (1994) pameran seni atau galeri di Malaysia telah bermula sejak awal 1920-an. Ooi Hwadi merupakan pelukis tempatan pertama mengadakan pameran solo, yang berlangsung di Pulau Pinang pada 1927. Sejak akhir-akhir ini, banyak galeri baru dibuka dan dirasmikan bagi petunjukan pameran karya-karya seni. Menurut Bernama (2024), pameran di Galeri Shah Alam yang dirasmikan

oleh Yang Berhormat Datuk Borhan bin Aman Shah, selaku Ahli Undangan Negeri Selangor, menonjolkan karya-karya seni utama yang mencerminkan pelbagai tema sesuai dengan arus perkembangan zaman. Dalam ucapannya, Yang Berhormat Datuk Borhan bin Aman Shah menegaskan bahawa pameran ini menawarkan peluang kepada pengunjung untuk menghargai sebanyak 52 hasil seni yang bertemakan kehidupan masyarakat Malaysia. Beliau turut menekankan bahawa pameran ini memperkenalkan empat kategori utama karya, termasuk gabungan tema luas, naratif sosiobudaya, penerokaan rohani, karya 2D dan 3D, serta media baharu, yang merupakan hasil daripada pemilihan yang ketara terlebih dahulu. Seni 2D dan 3D sering menjadi tarikan bagi pengunjung terutama golongan muda.

Galeri ini telah diwujudkan untuk menyokong pelaksanaan pelbagai program seni yang dapat memberi impak positif kepada masyarakat. Pernyataan ini disokong oleh Axelsen & Arcodia (2004) di mana “Special events at art galleries and art museums are often run to complement the institution’s programme, and include festivals, musical concerts, workshops, open days, gala days, demonstrations, and artists’ talks.”

Pernyataan diatas bermaksud, acara khas di galeri seni dan muzium seni sering diadakan sebagai tambahan kepada program institusi tersebut. acara-acara khas yang diadakan di galeri seni dan muzium seni bukan sekadar pelengkap kepada program sedia ada, tetapi juga merupakan elemen penting dalam pengembangan budaya masyarakat. Acara-acara tersebut termasuk festival seni, konsert muzik, bengkel, hari terbuka, hari gala, demonstrasi, dan ceramah oleh seniman, yang secara langsung meningkatkan keterlibatan pengunjung terhadap seni dan budaya. Oleh itu, Mason et al. (2017) menyatakan bahawa muzium atau galeri seni bukan sekadar berperanan sebagai pusat pemeliharaan warisan seni, malah ia juga berfungsi sebagai daya tarikan budaya yang berupaya mempertingkatkan kesedaran serta mencetuskan minat terhadap pendidikan. Hal ini menekankan bahawa galeri seni memiliki potensi yang amat besar untuk memberi manfaat bukan sahaja kepada pengunjung, tetapi juga kepada komuniti setempat, serta kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan dan pemeliharaan galeri tersebut.



Rajah 1.1: Galeri di Pusat Warisan Kajang, Kajang

Sumber: Kajian Lapangan (2024)

1.1 Latar Belakang Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan Galeri di Pusat Warisan Kajang. Menurut Azmi et al. (2023) dalam penulisannya, penghijrahan orang Cina pada tahun 1870-an menyumbang kepada penubuhan reka bentuk tradisional yang menggambarkan pengaruh budaya Cina di bandar Kajang. Konsep seni bina bandar Kajang merupakan gabungan pengaruh Cina dan Eropah. Reka bentuk bangunan kolonial dipengaruhi oleh penjajahan British dapat dilihat di seluruh kawasan komersial Pekan Kajang dengan bangunan dibina pada tahun 1920-an dan 1930-an.

Melalui penulisan Kamarudin, K (2019) menjelaskan bahawa Lee Kim Sin atau pengarah Galeri Pusat Warisan Kajang menyatakan Pusat Warisan Kajang telah diasaskan oleh Persatuan Cina Hulu Langat pada tahun 2000 dan terletak di daerah Kajang lama berhampiran Putrajaya. Pusat Warisan Kajang mencerminkan nilai sejarah dan warisan bangunan bandar purba yang masih berdiri hari ini, dan memaparkan lebih daripada 300 artifak dan dokumen sejarah. Bandar ini mempunyai sejarah dan warisan berusia 200 tahun yang patut diterokai. Seterusnya, melalui penulisan Hussein, H (2019), Galeri Pusat Warisan Kajang ini menyimpan rekod dan artifak bersejarah yang penting termasuk pameran koleksi yang dijaga dengan baik seperti perabot vintaj, buku-buku antik, dan peralatan perlombongan bijih timah yang digunakan pada tahun 1900-an yang telah disumbangkan oleh masyarakat setempat.

Penubuhan Pusat Warisan Kajang merupakan satu langkah penting ke arah meningkatkan dan memperkukuh kesedaran tentang warisan budaya dan sejarah Kajang. Hal ini kerana menurut Zainudin, H., dan Yapp (2019), usaha yang diambil

oleh Pusat Warisan Kajang telah berjaya mempopularkan pelancongan warisan di Kajang, dan seterusnya memberi inspirasi kepada penyertaan dan kerjasama dengan universiti dan komuniti setempat.

1.2 Permasalahan Kajian

Galeri dan muzium mempunyai dua fungsi yang berbeza. Galeri seni berfungsi sebagai ruang perdagangan seni, manakala muzium tidak menitikberatkan aktiviti jual beli kerana tujuannya adalah untuk mempamerkan barang-barang lama yang mempunyai nilai sejarah. Menurut Harris (2005), galeri berfungsi sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti sosial seperti bengkel seni, pameran interaktif, pertunjukan dan persembahan, program pendidikan dan sebagainya. Namun, hubungan antara galeri, perpustakaan, arkib dan muzium tidak boleh dinafikan kerana kesemuanya perlu bekerjasama dan berinteraksi dalam pengumpulan, penyimpanan, pemeliharaan, pemprosesan, dan paparan atau persembahan koleksi kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, terdapat galeri dan muzium persendirian yang kurang mendapat perhatian daripada badan-badan kerajaan.

Sharom et al. (2023) menyatakan bahawa kurang kerjasama dengan agensi pelancongan menjadikan Galeri Arkeologi USM kurang popular. Oleh itu, penglibatan organisasi luar dalam pengurusan pelancongan adalah dialu-alukan untuk mempengaruhi pengurusan galeri. Usaha ini penting untuk merancang idea dan hala tuju yang boleh meningkatkan minat dan bilangan pengunjung serta berkongsi ilmu. Pengunjung dari pelbagai negara dapat membantu galeri untuk meningkatkan jumlah pengunjung. Oleh itu, adalah penting bagi Galeri Arkeologi USM memilih organisasi yang boleh memberi impak positif untuk pembangunan jangka panjang.

Selain itu, kekurangan dana menjadikan pameran galeri atau muzium kurang interaktif. Menurut Alexander (2019), kebanyakan muzium dan galeri bergantung kepada pembiayaan kerajaan, derma, dan pendapatan daripada penjualan tiket. Kekurangan dana telah menjejaskan pemeliharaan koleksi, pameran, dan program pendidikan. Nur'Aeni et al. (2019) turut bersetuju dengan menyatakan bahawa muzium merupakan institusi yang tidak mengaut keuntungan dan sering menghadapi kekangan kewangan. Oleh itu, usaha perlu dipertingkatkan dalam mempromosikan muzium sebagai alat pendidikan dan daya tarikan pelancong.

Di samping itu, kekurangan maklumat pada pameran di muzium dan galeri boleh menjejaskan kefahaman pengunjung. Salleh (2022) menyatakan bahawa satu isu kritikal yang dihadapi oleh muzium di Malaysia ialah ketidaktepatan maklumat dan kualiti huraian objek yang kurang baik, termasuk penggunaan bahasa yang salah atau ketiadaan penerangan sepenuhnya. Kekurangan ini menghalang peranan muzium dalam berkhidmat bukan sahaja sebagai ruang pameran tetapi sebagai cara yang pantas untuk orang ramai meneroka dan memahami sejarah, peristiwa dan idea tentang masyarakat dan negara mereka. Kekurangan ini adalah penting untuk ditangani bagi meningkatkan keupayaan muzium dan galeri untuk menyampaikan pengetahuan secara berkesan kepada pengunjung melalui pameran yang mempunyai maklumat yang lengkap dan menarik. Pengurusan muzium dan galeri memainkan peranan yang sangat penting dalam penyusunan koleksi seni sama ada dalam bentuk lukisan, karya seni, dan pelbagai aspek lain dan seterusnya menyumbang kepada kualiti pengalaman pengunjung di ruang pameran.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka dengan lebih mendalam peranan galeri dalam membentuk identiti masyarakat Kajang serta mengenal pasti strategi yang berkesan dalam meningkatkan kualiti penyampaian maklumat. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mencadangkan langkah penambahbaikan yang dapat memperkukuhkan fungsi galeri sebagai pusat pemeliharaan warisan dan pendidikan kepada masyarakat.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian terhadap persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor ini mempunyai tiga persoalan kajian iaitu:

1. Apakah koleksi pameran yang terdapat di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor?
2. Bagaimanakah persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor?
3. Apakah langkah-langkah penambahbaikan yang perlu dijalankan terhadap koleksi pameran yang disediakan di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor?

1.4 Objektif Kajian

Kajian terhadap persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor ini mempunyai tiga objektif iaitu:


1. Mengenal pasti koleksi pameran yang terdapat di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor.
2. Mengkaji persepsi pengunjung terhadap ruang pameran di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor.
3. Menganalisis langkah-langkah penambahbaikan yang perlu dijalankan terhadap koleksi pameran di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran serta jenis koleksi yang terdapat di Galeri Pusat Warisan Kajang, di samping meneliti peranan galeri dalam meningkatkan penambahbaikan terhadap koleksi dan pengalaman pengunjung. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kaedah campuran (Mixed Method), yang merangkumi aspek kualitatif dan kuantitatif. Bagi pendekatan kualitatif, kaedah temu bual dan pemerhatian langsung digunakan untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai tanggapan pengunjung serta keadaan koleksi. Sementara itu, pendekatan kuantitatif melibatkan tinjauan soal selidik bagi menganalisis tahap kepuasan serta cadangan pengunjung terhadap galeri. Kaedah temu bual melibatkan dua orang individu, manakala seramai 110 orang pengunjung dipilih untuk menjawab soal selidik.

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori persepsi, yang bertujuan untuk memahami secara lebih mendalam bagaimana pengunjung memerhati, mentafsir, dan memahami objek serta koleksi pameran yang terdapat di Galeri Pusat Warisan Kajang.

1.6 Lokasi Kajian



Rajah 1.2: Peta Lokasi Kajian Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor.

Sumber: Peta Google

Rajah 1.2 menunjukkan peta kajian iaitu lokasi Galeri Pusat Warisan Kajang yang terletak di nombor bangunan 44, Jalan Mendaling, Bandar Kajang, 43000 Kajang, Selangor. Galeri ini berhampiran dengan pengangkutan awam iaitu Mass Rapid Transit (MRT) laluan Kajang iaitu stesen Stadium Kajang yang memberi kemudahan untuk pengunjung datang ke bandar Kajang dan khususnya ke Galeri Pusat Warisan Kajang. Kedudukan ini Galeri Pusat Warisan Kajang sangat strategik kerana terletak di tengah-tengah bandar Kajang. Tambahan pula, terdapat banyak pengangkutan awam yang boleh memudahkan pengunjung untuk datang ke Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya bertumpu di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor. Fokus utama kajian adalah terhadap koleksi pameran yang terdapat di galeri ini serta persepsi pengunjung yang telah melawatinya. Borang soal selidik telah diedarkan kepada pengunjung yang hadir ke Galeri Pusat Warisan Kajang, dan maklum balas diterima daripada 110 responden sahaja bagi memperoleh data mengenai persepsi mereka terhadap koleksi pameran serta pengalaman lawatan mereka di galeri ini.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan kerana Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor terletak di tengah bandar raya Kajang, Selangor. Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor menawarkan satu daya tarikan yang menarik dengan barisan bangunan lama di Jalan Mendaling, Jalan Tengah, Jalan Besar, dan Jalan Tukang yang sebelum ini merupakan pekan lama Kajang. Kajian ini penting kepada pihak berkepentingan berikut:

1.8.1 Individu

Penyelidikan berkenaan tanggapan pengunjung terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor, amat penting dalam memperluaskan pemahaman individu serta memastikan galeri warisan berfungsi sebagai pusat pengumpulan penemuan saintifik yang berkaitan dengan sejarah, artifak, aktiviti pembelajaran, dan pendidikan. Selain itu, ia dapat meningkatkan minat orang ramai untuk melawat pameran sejarah di bandar yang berkenaan.

1.8.2 Masyarakat

Masyarakat setempat mendapat manfaat daripada kajian ini melalui bangunan lama yang menyediakan pameran koleksi, pameran artifak atau peninggalan warisan Kajang di galeri ini yang mampu menarik masyarakat untuk berkunjung di samping dapat mengetahui pelbagai koleksi pameran barangan lama yang terdapat di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor. Seterusnya, masyarakat boleh mempelajari tentang sejarah pelbagai tempat yang ada di Kajang termasuklah makanan tradisi, etnik dan sebagainya yang dipamerkan di Galeri Pusat Warisan Kajang.

1.8.3 Institusi

Kepentingan kajian ini kepada institusi pendidikan adalah ia dapat berfungsi sebagai sumber rujukan yang bermanfaat kepada pelajar, terutamanya dalam mencari bahan ilmiah yang berkaitan. Selain itu, kajian ini juga memberi manfaat kepada golongan belia, khususnya mereka yang berminat untuk menjalankan penyelidikan

berkaitan muzium atau galeri, dengan menyediakan maklumat dan bahan bacaan yang boleh dijadikan panduan.

1.9 Struktur Projek Penyelidikan

Projek penyelidikan ini terdiri daripada lima bab. Bab pertama menerangkan pengenalan kajian dengan memberikan latar belakang serta menumpukan perhatian kepada kajian mengenai persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang. Bab kedua pula merangkumi kajian literatur yang bertindak sebagai sokongan dalam menjalankan projek penyelidikan ini, dengan merujuk kepada kajian terdahulu berkaitan persepsi pengunjung terhadap pameran di muzium dan galeri. Bab ketiga menghuraikan pendekatan yang digunakan bagi mendapatkan data daripada pengunjung melalui kaedah temu bual, selain memperincikan kaedah analisis data yang sesuai dalam menilai persepsi mereka. Bab keempat membentangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada informan sepanjang proses temu bual dijalankan, di samping menyusun beberapa subtopik yang membantu dalam memastikan ketepatan data bagi mencapai objektif kajian. Akhir sekali, bab kelima merumuskan dapatan utama yang diperoleh sepanjang kajian ini serta mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan pengalaman pengunjung dan memperkukuh daya tarikan koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang.

Kajian mengenai persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang dilaksanakan kerana kepentingannya dalam memahami pandangan pengunjung terhadap nilai serta keberkesanan koleksi yang dipamerkan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji cara pengunjung menilai dan menghayati koleksi seni dan sejarah yang terdapat di galeri tersebut. Walaupun galeri ini mempamerkan koleksi yang berfokus kepada warisan tempatan, persepsi pengunjung terhadap pameran ini memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberkesanan galeri dalam menyampaikan maklumat serta meningkatkan kesedaran budaya kepada masyarakat. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pandangan berguna kepada pihak pengurusan galeri dalam usaha memperbaiki dan memperkaya pengalaman pengunjung, sekaligus memastikan warisan budaya terus terpelihara dan dihargai oleh generasi akan datang.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab dua menghuraikan secara lebih mendalam tentang pandangan pengunjung terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor. Bab ini menerangkan definisi muzium dan galeri warisan sebagai asas dalam memahami kajian ini. Selain itu, bab ini juga menerangkan jenis-jenis galeri, pengurusan galeri, jenis-jenis pameran dan koleksi pameran. Akhir sekali, bahagian ini membincangkan pengaplikasian teori persepsi dalam memahami persepsi pengunjung di dalam kajian ini.

2.1 Definisi Muzium

Muzium adalah tempat pameran yang boleh memberikan pengalaman yang berharga. (Hooper-Greenhill, 2007). Pameran boleh memberikan rasa gembira kepada pengunjung walaupun sukar untuk menguruskannya. Barangan yang dipamerkan melalui pameran di muzium dapat membangkitkan rasa ingin tahu dan memberi inspirasi serta idea baharu kepada pengunjung. Goode (1895) mendefinisikan muzium sebagai *“An institution for the preservation of those objects which best illustrate the phenomena of nature and the work of man, and utilization of these to increase knowledge and for the culture and enlightenment of the people.”*

Petikan di atas menerangkan bahawa muzium merupakan sebuah institusi yang bertujuan untuk memelihara objek-objek yang dapat menggambarkan fenomena alam dan hasil kerja manusia. Selain itu, muzium juga berperanan dalam menggunakan objek-objek tersebut untuk meningkatkan pengetahuan serta untuk memperkaya budaya dan menerangi pemikiran masyarakat. Dengan kata lain, muzium tidak hanya sebagai tempat penyimpanan, tetapi juga sebagai tujuan pendidikan dan penyebaran ilmu kepada orang ramai, manakala muzium didefinisikan oleh Majlis Muzium Antarabangsa atau International Council of Museum (ICOM), (2022) sebagai:

is a not-for-profit, permanent institution in the service of society that researches, collects, conserves, interprets and exhibits tangible and intangible heritage.

Open to the public, accessible and inclusive, museums foster diversity and sustainability. They operate and communicate ethically, professionally and with the participation of communities, offering varied experiences for education, enjoyment, reflection and knowledge sharing.

Petikan di atas menerangkan bahawa muzium merupakan institusi tetap yang tidak berasaskan keuntungan, berperanan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat serta boleh diakses oleh orang ramai. Matlamatnya adalah untuk mempamerkan bukti kewujudan manusia serta memperoleh, memulihara, menyelidik, berkomunikasi dengan persekitaran dahulu bagi tujuan pendidikan, keseronokan dan pembelajaran.

Menurut Hooper-Greenhill (2000), muzium dan galeri memainkan peranan penting dalam menyediakan ruang untuk melihat pelbagai pandangan terhadap budaya yang baru ditemui. Muzium dan galeri berfungsi sebagai ruang terbuka untuk berdialog dan perbincangan mengenai pelbagai budaya kepada pengunjung. Muzium dan galeri dapat mencabar pemikiran serta memberi inspirasi kepada kreativiti dan inovasi selain berfungsi sebagai sumber pembelajaran yang berharga. Institusi permuziuman juga dapat membantu memperkayakan pengetahuan dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang sejarah, seni dan budaya.

2.2 Definisi Galeri

Di Malaysia, galeri merupakan sebuah bilik untuk menempatkan aktiviti seperti pameran, jualan atau kedua-duanya. Galeri menempatkan dan mempamerkan karya seni (Harris, 2006; Hunt, 1975) yang dihasilkan oleh penggiat seni. Menurut Harris (2006), galeri merupakan kawasan untuk memaparkan aktiviti awam, kawasan awam yang kadangkala digunakan untuk keperluan khas seperti acara atau aktiviti yang memerlukan penyesuaian ruang atau kemudahan, seperti seminar, bengkel, atau acara khas yang melibatkan tetamu atau situasi tertentu, yang memerlukan suasana atau peralatan khusus yang tidak digunakan dalam pameran biasa.

Menurut Hunt (1975) pula galeri boleh ditakrifkan sebagai lokasi yang menghubungkan artis dengan masyarakat melalui koleksi visual yang dipamerkan. Di samping itu, Tempo (2013) menyatakan bahawa terdapat perbezaan di antara galeri dan muzium. Galeri ialah tempat untuk membeli dan menjual seni, manakala muzium hanyalah tempat atau ruang mempamerkan artifak yang jarang ditemui dan penting dari

segi sejarah. Bahan-bahan yang dipamerkan di dalam galeri mempunyai nilai warisan yang penting dalam kehidupan masyarakat. Masyarakat dapat mempelajari dan menghargai sejarah serta budaya melalui artifak yang dipamerkan. Pameran tersebut membolehkan generasi muda mengenali dan memahami warisan nenek moyang selain membantu mengekalkan identiti budaya. Selain itu, artifak berperanan sebagai alat pendidikan dan penyelidikan terutamanya dalam memberi peluang kepada pencipta kajian iaitu penyelidik atau individu yang menjalankan penyelidikan atau kajian, seperti ahli akademik, pelajar, atau penyelidik professional untuk mengkaji serta mendalami sejarah, teknologi, serta seni dari zaman dahulu. Dengan cara ini, pameran galeri bukan sahaja menghidupkan kembali sejarah tetapi juga mengukuhkan rasa kebanggaan dan kepunyaan dalam kalangan masyarakat.

2.3 Definisi Warisan

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), warisan merujuk kepada sesuatu yang diwarisi secara turun temurun. Warisan juga adalah harta peninggalan atau harta pusaka. Berdasarkan definisi tersebut, warisan yang diterima daripada generasi yang sebelumnya dianggap sebagai harta peninggalan dan pusaka. Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005), istilah "warisan" merujuk kepada pelbagai elemen penting termasuk Warisan Kebangsaan, tapak, objek, dan warisan kebudayaan di bawah air, sama ada berdaftar atau tidak. Warisan Kebangsaan meliputi tapak, objek, atau individu yang diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Sementara itu, "warisan kebudayaan" merangkumi harta, struktur, atau artifak kebudayaan yang utama kepada cara hidup rakyat Malaysia. Warisan kebudayaan di bawah air pula merujuk kepada kesan kewujudan manusia yang telah berada di bawah air selama sekurang-kurangnya 100 tahun, seperti tapak, struktur, atau objek prasejarah yang mempunyai nilai kebudayaan, sejarah, atau arkeologi.

Manakala, UNESCO dalam Konvensyen Warisan Dunia (1972) mendefinisikan "warisan" sebagai peninggalan daripada masa lampau, apresiasi terhadap tinggalan pada masa kini, serta sesuatu yang disampaikan kepada generasi mendatang, merangkumi warisan kebudayaan dan semula jadi yang memiliki nilai keunggulan sejagat. Matlamat penubuhan Konvensyen Warisan Dunia adalah untuk mengenal pasti, melindungi, dan memelihara sumber kehidupan, perlindungan dan penghargaan dengan membentuk kerjasama dengan negara anggota dari seluruh dunia (UNESCO, 1972).

Sarji (2006) turut menyatakan bahawa peranan warisan adalah untuk menyampaikan amalan budaya, pengetahuan, dan nilai sesebuah tinggalan barangan antik yang dipelihara dan mampu merentas generasi. Beliau berpendapat bahawa warisan berfungsi sebagai asas kepada identiti negara dalam memupuk semangat kekitaan.

2.4 Jenis-jenis Galeri

Galeri mempunyai beberapa jenis galeri pameran yang dibezakan mengikut tujuan dan fungsinya. Galeri dalam muzium adalah ruang khas dalam mempamerkan koleksi objek sejarah dan tidak melibatkan urusan jual beli kerana fungsi utamanya adalah untuk pendidikan dan pemuliharaan Tempo (2013). Galeri seni kontemporari adalah milik persendirian dan bersifat komersial, terbuka kepada orang ramai dengan kemasukan percuma. Jenis galeri Vanity pula ia membenarkan aktiviti dalam galeri, termasuk pendidikan dan penciptaan karya seni. Seterusnya, galeri seni bina memberi tumpuan kepada karya seni bina, memaparkan keunikan reka bentuk. Akhirnya, galeri komersial iaitu galeri yang berorientasikan keuntungan melalui penjualan seni namun tanpa faedah kerjasama daripada kerajaan.

Swastika Poppy Sari (2011) menyatakan bahawa perbezaan jenis galeri berdasarkan pameran boleh dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu galeri seni tradisional yang biasanya terletak di ruang lorong, dan galeri seni moden yang dipamerkan di ruang yang lebih kontemporari. Berdasarkan sifat pemilikan, galeri seni boleh dikategorikan kepada galeri seni persendirian yang dimiliki oleh individu, galeri seni awam yang dimiliki oleh kerajaan, serta gabungan kedua-duanya. Dari segi kandungan pameran, terdapat galeri seni primitif, klasik, dan moden yang masing-masing memberi fokus kepada karya seni dari kategori yang berbeza, iaitu seni primitif, klasik, dan moden. Seni primitif merujuk kepada karya seni yang berasal dari budaya atau zaman dahulu, biasanya berkaitan dengan masyarakat tradisional atau pra-sejarah. Seni klasik pula merujuk kepada karya seni yang berasaskan tradisi seni tinggi, seperti yang dihasilkan dalam zaman Yunani, Rom, atau Renaisans. Manakala seni moden pula merujuk kepada karya seni yang dihasilkan dalam zaman moden yang mencerminkan perkembangan, eksperimen, dan perubahan dalam gaya dan teknik seni sejak abad ke-19 hingga sekarang.

2.5 Pengurusan Galeri

Abdullah. R (1998) mendefinisikan pengurusan sebagai aktiviti yang melibatkan perancangan, penganjuran, mengawal, memimpin serta penyertaan ahli organisasi untuk mencapai matlamat bersama.

Manakala, definisi pengurusan yang dikemukakan oleh Azmi (2001) menyatakan bahawa pengurusan ialah proses merancang, memimpin, mengatur, dan mengurus kerja yang dilakukan oleh ahli dalam sesebuah organisasi, serta penggunaan sumber dalam organisasi, untuk memenuhi objektif dan sasaran yang telah ditetapkan.

Selain itu, bagi pengurusan galeri, Lord, G. D & Lord, B (2009) menyatakan bahawa tujuan pengurusan muzium atau galeri adalah untuk memudahkan keputusan yang membawa kepada pencapaian misi muzium, memenuhi arahan, dan merealisasikan matlamat dan objektif kajian. Pengurusan yang tidak berkesan ialah apabila keputusan yang dibuat gagal mencapai matlamat. Hal ini bermakna pihak pengurusan tidak dapat menjaga dan memelihara koleksi dengan baik, tidak dapat menarik pengunjung, atau tidak berjaya menyampaikan nilai sejarah dan budaya koleksi kepada pengunjung. Pendek kata, pengurusan yang tidak berkesan menyebabkan muzium atau galeri gagal memenuhi peranan dan tanggungjawab utamanya terhadap koleksi dan pengunjung. Oleh itu, pengurusan galeri perlu dijalankan secara sistematik berdasarkan dasar yang jelas untuk memenuhi keperluan koleksi.

2.6 Koleksi Pameran

Koleksi dianggap harta peribadi dan mempunyai nilai tersendiri berdasarkan minat individu. Sebagai contoh, sejarah, geografi, bahan, dan lukisan membawa individu untuk mengekalkan budaya tertentu (Rozell, 2014). Selain itu, Menurut Abdul (2015), koleksi artifak lama memiliki nilai sejarah serta nilai sejsrah dan harus dijaga dengan baik melalui penyelenggaraan yang rapi. Muzium, galeri dan organisasi yang menyimpan pelbagai jenis koleksi seperti artifak, karya seni, buku dan pakaian mempunyai kepentingan individu.

Widuri (2012) menyatakan bahawa pameran berfungsi sebagai medium untuk memenuhi keinginan manusia dalam memerhati, mempelajari, mendalami, dan memahami maklumat yang terkandung dalam objek yang dipamerkan. Dengan kata lain, pameran merujuk kepada susunan dan persembahan objek yang bertujuan

menyediakan suasana atau persekitaran yang membolehkan pengunjung merasai dan memahami objek atau maklumat yang dipamerkan. Secara amnya, pameran merangkumi pelbagai bentuk penyampaian maklumat, termasuk penyampaian secara visual, statik, dinamik, dan demonstrasi. Penyampaian visual melibatkan penggunaan elemen yang dapat dilihat, seperti gambar, video, grafik, dan seni visual, yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat dan menarik perhatian pengunjung. Manakala pameran statik merujuk kepada objek yang tidak bergerak atau berubah, seperti lukisan, patung, atau panel maklumat yang tetap pada tempatnya, memberikan peluang kepada pengunjung untuk mengamati dan merenung dengan teliti. Pameran dinamik pula melibatkan persembahan yang mengandungi pergerakan atau perubahan, seperti tayangan video, animasi, atau pemasangan seni interaktif yang berubah. Elemen-elemen ini dapat menarik perhatian pengunjung dengan cara yang lebih aktif dan interaktif. Demonstrasi pula merujuk kepada penyampaian maklumat melalui aksi atau persembahan langsung, seperti demonstrasi sains, persembahan kebudayaan, atau pertunjukan seni, yang membolehkan pengunjung melihat proses atau teknik tertentu secara langsung, seterusnya memberikan pemahaman yang lebih mendalam.

Menurut Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (2022), terdapat pelbagai jenis pameran di galeri, termasuk pameran tetap dan pameran sementara. Pameran tetap diadakan secara berkala dan melibatkan penyusunan semua jenis koleksi secara berterusan, dengan pendekatan pembentangan dan organisasi yang khusus untuk menyediakan maklumat secara umum mengenai pameran dan pendidikan. Pameran sementara pula dilaksanakan mengikut keperluan dan dalam konteks aktiviti tertentu, dengan subjek yang berbeza-beza. Tujuan utama pameran sementara adalah untuk memberikan maklumat umum serta hiburan kepada pengunjung. Pada masa yang sama, perbadanan ini juga mengatur pameran khusus yang mudah alih, menekankan aspek sejarah, budaya, warisan, dan alam semula jadi.

2.7 Definisi pengunjung

Pengunjung merupakan manusia yang datang ke tempat baharu mengikut had masa. Menurut Urry (2002), pengunjung atau pelawat merujuk kepada "sesiapa yang mengembara ke sesuatu tempat dan tinggal kurang daripada setahun tanpa niat untuk tinggal dengan lebih lama.". Definisi ini menekankan jangka masa pengunjung yang melawat ke sesebuah tempat adalah sementara berbanding penduduk yang menetap di kawasan tersebut. Selain itu, menurut Smith (2006), pelawat sebagai "seseorang yang memasuki ruang sosial yang terhad untuk tempoh masa yang terhad" Ini menyerlahkan konsep memasuki ruang sosial atau budaya yang berbeza.

Dalam konteks muzium, (Ismail, 2015) pengunjung merujuk kepada individu yang datang untuk mengunjungi dan berinteraksi dengan pameran serta koleksi yang dipamerkan di muzium. Mereka boleh terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat, termasuk pelajar, penyelidik, pelancong, serta orang awam yang berminat untuk memperoleh pengetahuan atau pengalaman berkaitan sejarah, budaya, dan seni.

2.8 Kerangka Teori/ Aplikasi

Kajian ini menggunakan teori persepsi. Menurut Newman (1983), persepsi ialah "... process in which sensory experiences are organised and made meaningful." Petikan ini bermaksud bahawa persepsi adalah proses di mana rangsangan deria diatur dan diberi makna. Dalam konteks ini, persepsi merujuk kepada cara individu memerhatikan, memahami, dan menafsirkan rangsangan deria untuk membentuk pandangan dan pemahaman tentang dunia di sekeliling.

2.8.1 Teori Persepsi

Teori persepsi merujuk kepada kajian penerimaan neurologi dan prinsip-prinsip psikologi yang diterapkan dalam memahami komunikasi visual. Teori ini meneliti cara otak menerima, memproses, dan menggunakan informasi yang diterima (Juanes et al., 2014). Persepsi ialah proses memberi makna kepada maklumat yang diterima melalui rangsangan (Sumanto, 2014). Rangsangan merujuk kepada semua input yang diterima oleh deria, terutamanya deria penglihatan, yang menangkap imej objek, peristiwa, atau hubungan. Maklumat ini kemudiannya dihantar ke otak untuk diproses melalui pemerhatian dan tafsiran yang kompleks serta menghasilkan gambaran yang bermakna tentang dunia.

Hassan dan Ahmad (1996) pula menyatakan bahawa persepsi melibatkan penangkapan imej visual oleh mata dan tafsiran serta pemberian makna. Proses ini bergantung kepada pengalaman, pengetahuan sedia ada, dan konteks rangsangan yang diperolehi. Dua individu mungkin melihat objek yang sama tetapi mentafsirnya secara berbeza berdasarkan latar belakang budaya, pendidikan dan pengalaman hidup mereka. Oleh itu, persepsi adalah subjektif dan unik kepada setiap individu, membentuk proses berdaya saing yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor psikologi dan sosial.

Max Wertheimer, Wolfgang Köhler, dan Kurt Koffka adalah pengasas teori persepsi Gestalt pada tahun 1912, yang mendominasi bidang psikologi (Wertheimer, 1938). Teori ini menekankan bahawa manusia secara semula jadi cenderung untuk melihat keseluruhan sebelum memberi perhatian kepada bahagian-bahagian yang membentuk keseluruhan. Gestalt menyatakan bahawa persepsi manusia tidak boleh dikurangkan kepada bahagian deria sahaja, tetapi melibatkan proses organisasi dan makna yang kompleks. Teori Gestalt adalah salah satu teori utama dalam teori persepsi yang menonjol dengan menekankan bahawa keseluruhannya lebih besar daripada jumlah bahagiannya. Prinsip ini penting kerana ia menggariskan cara manusia menyusun maklumat deria ke dalam corak yang bermakna, dan bukannya melihat bahagian secara berasingan.

Penerokaan yang memfokuskan kesedaran persepsi mengikut teori Gestalt mampu menghasilkan impak positif dalam jumlah pengunjung, penambahbaikan pameran, dan maklum balas di Galeri Warisan Kajang, Selangor. Daripada definisi persepsi yang telah diberikan, persepsi dilihat sebagai satu proses di mana individu

menilai rangsangan daripada pancainderanya, menukarkannya kepada idea dan akhirnya membentuk pendapat tentang situasi atau peristiwa yang sedang berlaku.

2.9 Rumusan

Secara keseluruhan, bab dua ini membincangkan pelbagai aspek berkaitan muzium, galeri, dan warisan budaya. Ia merangkumi definisi muzium dan galeri sebagai tempat pendidikan dan pemeliharaan koleksi yang berharga. Peranan pengurusan dalam memastikan kelestarian dan keberkesanan pameran turut ditekankan. Selain itu, bab ini menekankan jenis-jenis galeri yang berbeza, serta kepentingan koleksi pameran dalam memberikan pengalaman kepada pengunjung. Tambahan pula, bab ini menggambarkan cara pameran dan pengurusan galeri memainkan peranan penting dalam memelihara warisan budaya dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap sejarah dan seni.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang metodologi kajian yang digunakan bagi mengkaji persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor. Pendekatan kajian bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi memenuhi matlamat kajian atau kaedah untuk mendapatkan maklumat daripada pengunjung atau responden yang boleh bekerjasama memberi maklum balas dan perspektif mengenai koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor. Selain itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes, dengan kaedah pengumpulan data merangkumi temu bual, pemerhatian, dan tinjauan bagi pendekatan kuantitatif. Sumber data yang digunakan terdiri daripada data primer dan data sekunder. Bagi persampelan, kaedah kualitatif menggunakan pendekatan bertujuan (*purposive sampling*), manakala kaedah kuantitatif menggunakan *convenience sampling*. Analisis data pula dilakukan secara analisis deskriptif untuk data kuantitatif dan analisis tematik bagi data kualitatif. Semua pendekatan ini diterangkan secara terperinci bagi memastikan kajian dijalankan secara sistematik dan menyeluruh.

3.1 Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan campuran, yang merangkumi kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kedua-dua kaedah ini diterapkan bagi memperoleh data dan maklumat yang diperlukan berkaitan dengan tajuk kajian, iaitu persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor.

Menurut Hamzah (2010), kaedah campuran menitikberatkan pengumpulan bukti daripada pemerhatian kualitatif yang tidak berpusat pada data statistik. Banyak kajian dalam bidang ini menghasilkan interpretasi dan maklumat yang menjelaskan proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih berorientasikan kepada bukti mengenai perilaku manusia dengan menggunakan pandangan atau pendapat umum terhadap tindakan sosial.

Creswell (2014) menjelaskan pendekatan kualitatif ialah kaedah kajian yang bertujuan untuk memahami masalah sosial dari manusia dengan lebih mendalam. Pendekatan ini melihat sesuatu masalah dari sudut pandangan yang luas dan menyeluruh serta menggunakan perkataan untuk menggambarkan pengalaman dan pandangan dari informan kajian. Dalam kaedah kualitatif, kajian ini bertujuan untuk memperoleh pandangan yang jelas dan terperinci daripada informan, iaitu individu yang ditemu bual atau dijadikan subjek kajian secara mendalam. Pendekatan ini dilaksanakan dalam persekitaran semula jadi, iaitu di lokasi sebenar tempat informan berada, tanpa sebarang campur tangan pihak luar. Hal ini membolehkan pengumpulan data yang lebih sahih dan tepat. Pendekatan kualitatif dipilih sebagai metodologi utama dalam kajian ini kerana ia memerlukan penglibatan langsung daripada pengasas galeri dan kurator galeri, yang merupakan pihak berkepentingan utama dalam bidang yang dikaji.

Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif untuk mencapai objektif kajian. Pendekatan kajian ini dijalankan dengan lebih teliti bagi mengumpul data dan memenuhi objektif kajian. Menurut Grix (2004), kaedah kuantitatif mempunyai ciri-ciri tersendiri yang melibatkan tiga fasa utama iaitu pertama, mencari pembolehubah yang berkaitan dengan konsep yang dikaji, fasa kedua, memanipulasi dalam penyelidikan dan ketiga, mengukur pembolehubah tersebut untuk mendapatkan data yang tepat. Menurut Grix juga, penyelidikan kuantitatif menekankan aspek kesahan, kebolehppercayaan, dan objektiviti.

Oleh itu, pendekatan kajian dijalankan secara campuran iaitu penggunaan kaedah kaedah kualitatif dan kuantitatif.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), istilah reka bentuk merujuk kepada perancangan yang melibatkan elemen seperti corak, bentuk, atau susunan tertentu yang menggambarkan struktur atau ciri-ciri sesuatu binaan atau objek. Marican (2006) pula menjelaskan bahawa reka bentuk kajian merupakan proses perancangan terperinci mengenai pelaksanaan sesuatu penyelidikan. Ia berfungsi sebagai garis panduan dalam memperoleh jawapan bagi setiap persoalan serta mencapai objektif kajian yang telah digariskan. Menurut Creswell dan Plano Clark (2011), reka bentuk kajian memainkan peranan penting dalam menentukan kaedah yang bersesuaian dengan keperluan penyelidikan, melibatkan empat komponen utama iaitu pengumpulan,

analisis, tafsiran, dan pelaporan data. Oleh itu, pemilihan reka bentuk kajian yang bersesuaian adalah penting dalam menjalankan suatu kajian. Oleh itu, kajian ini menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu kaedah campuran. Reka bentuk kaedah kualitatif melibatkan rekabentuk kajian kes, sementara kaedah kuantitatif dijalankan melalui survei atau tinjauan.

3.2.1 Kajian Kualitatif: Kajian Kes

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Menurut Ibrahim et al. (2020), kajian kes tertumpu pada proses pengenalan serta analisis menyeluruh terhadap satu kes atau beberapa kes. Reka bentuk ini melibatkan pelbagai kaedah pengumpulan data seperti temu bual, pemerhatian, analisis dokumen, dan analisis artifak. Analisis data bagi kajian kes ialah dengan membuat deskripsi kepada kes tunggal dan kenal pasti tema yang timbul daripada beberapa kes.

Dalam kajian ini, kajian berbentuk kajian kes digunakan untuk mengenalpasti koleksi pameran dan menganalisis langkah-langkah penambahbaikan yang perlu dijalankan terhadap koleksi pameran yang disediakan di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor.

3.2.2 Kajian Kuantitatif: Tinjauan

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), tinjauan merujuk kepada perbuatan mengkaji atau menilai sesuatu dengan tujuan untuk memperoleh maklumat atau pandangan umum. Proses ini dijalankan untuk memahami situasi atau pendapat orang ramai, yang seterusnya menjadi asas dalam membuat keputusan atau analisis lanjut. Reka bentuk ini dilaksanakan melalui penggunaan instrumen soal selidik sebagai kaedah utama pengumpulan data. Kajian ini telah dijalankan di lapangan dengan mengumpul maklumat secara langsung daripada responden yang terlibat. Dalam kajian ini, kajian berbentuk tinjauan digunakan untuk mengkaji persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran yang terdapat di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merujuk kepada strategi atau metodologi yang diaplikasikan dalam usaha memperoleh maklumat serta mengumpul data yang berkaitan dengan topik kajian ini. Oleh itu, kedua-dua kaedah kajian digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai jenis-jenis koleksi, persepsi pengunjung mengenai koleksi pameran dan langkah-langkah penambahbaikanyang perlu dijalankan terhadap koleksi pameran yang disediakan di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah-kaedah berikut untuk mencapai objektif tersebut:

Kaedah Kualitatif

Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam kaedah kualitatif seperti berikut:

3.3.1 Temu Bual

Kaedah yang digunakan bagi pendekatan kualitatif ialah temu bual. Ibrahim et al. (2020) menjelaskan bahawa temu bual boleh dilaksanakan secara individu atau dalam bentuk perbincangan kumpulan fokus (Focus Group Discussion). Temu bual individu amat sesuai untuk mendapatkan pandangan, pengalaman, kepercayaan, dan motivasi informan, manakala perbincangan kumpulan fokus (PKF) pula menggunakan pendekatan pengumpulan data yang membolehkan penghasilan data yang lebih terperinci. Seterusnya, Mason (2019) berpendapat iaitu kaedah temu bual perlu menjalani latihan untuk memastikan bahawa proses temu bual dapat berjalan dengan lancar. Dalam pada itu, terdapat tiga jenis temu bual iaitu struktur, separa berstruktur dan tidak berstruktur. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur di mana informan bebas menjawab soalan yang dipersoalkan. Dalam kajian ini, pendekatan temu bual separa berstruktur telah digunakan untuk memperoleh maklumat yang tepat dengan tujuan kajian dari para informan. Sebagai tambahan, interaksi secara langsung dengan pengasas galeri serta pembantu tadbir Galeri Warisan Kajang, Selangor juga dilakukan untuk mengumpul data tentang koleksi-koleksi yang dipamerkan di galeri tersebut.

3.3.2 Pemerhatian

Berdasarkan Jasmi (2021), pemerhatian boleh dikategorikan kepada empat jenis, iaitu pemerhatian (Observer), pemerhatian langsung (Direct Observation), pemerhatian dengan penglibatan (Participant Observation), dan pemerhatian tanpa penglibatan (Non-Participant Observation), yang merujuk kepada pemerhatian tanpa interaksi secara langsung. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian langsung, termasuk melakukan pengiraan jumlah pengunjung yang hadir ke Galeri Pusat Warisan Kajang serta meneliti koleksi pameran yang dipamerkan di galeri tersebut.

Kaedah Kuantitatif

Kaedah yang digunakan dalam mengumpul data kuantitatif adalah seperti berikut:

3.3.3 Tinjauan

Kajian ini melibatkan tinjauan yang dijalankan bagi menganalisis objektif kedua dan ketiga, iaitu mengkaji persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor serta menganalisis peranan pihak galeri dalam usaha menambah baik koleksi pameran di lokasi yang sama. Tujuan tinjauan ini adalah untuk memahami pandangan pengunjung yang pernah melawat galeri tersebut serta menilai peranan pihak galeri dalam meningkatkan mutu koleksi pameran yang dipamerkan, berdasarkan maklum balas yang diperoleh melalui soal selidik. Menurut Chua (2011), penyelidikan sains sosial melalui soal selidik merupakan instrumen kajian yang dibentuk soalan untuk mengumpul maklum balas dari responden untuk ditukarkan kepada data kajian. Kajian ini memilih penggunaan soal selidik iaitu membuat soalan tinjauan bagi mendapatkan maklumat dari pengunjung. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden secara bersemuka dan secara atas talian iaitu melalui borang kaji selidik 'Google Form' secara tidak rawak dan khusus kepada responden atau pengunjung galeri.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik dan kaedah temu bual untuk memperoleh maklumat bagi mencapai objektif kajian. Borang soal selidik yang digunakan telah dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merangkumi aspek demografi yang melibatkan latar belakang

responden, manakala Bahagian B menumpukan kepada persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor. Bahagian B seterusnya dipecahkan kepada lima seksyen, iaitu Seksyen 1: Perusahaan Ekonomi Tradisional, Seksyen 2: Peralatan Teknologi Tradisional, Seksyen 3: Dokumentasi dan Manuskrip Sejarah, Seksyen 4: Warisan Budaya dan Perdagangan Tradisional, dan Seksyen 5: Pemetaan Budaya Kajang. Di samping itu, instrumen soal selidik ini mengaplikasikan skala Likert lima mata untuk mengukur persepsi pengunjung terhadap koleksi bahan yang dipamerkan. Pendekatan ini bertujuan memastikan data yang diperoleh adalah sahih dan membantu dalam menganalisis pandangan responden secara terperinci. Melalui edaran borang soal selidik ini, objektif kajian akan tercapai. Dengan ini, edaran borang soal selidik ini akan diutamakan kepada para pengunjung yang telah mengunjungi galeri Pusat Warisan Kajang bagi mengetahui persepsinya.

3.4 Sumber Data Kajian

Pendekatan yang digunakan dalam pengumpulan data memainkan peranan yang besar dalam melaksanakan sesuatu kajian. Hal ini demikian kerana tujuan utamanya adalah untuk mencari dan mengumpul data secara sistematik berdasarkan reka bentuk dan objektif kajian. Kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu data primer dan data sekunder.

3.4.1 Data Primer

Menurut Abdul Rahman et al. (2022), data primer merujuk kepada jenis data yang dikumpulkan secara langsung daripada sumber asal, seperti melalui temu bual, tinjauan, atau pemerhatian. Data ini diperoleh tanpa melalui perantara. Dalam penyelidikan ini, kaedah tinjauan serta temu bual telah digunakan bagi tujuan pengumpulan data yang berkaitan dengan persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran yang terdapat di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor.

3.4.2 Data Sekunder

Menurut Abdul Rahman et al. (2022), data sekunder merujuk kepada data yang telah dikumpul dan tersedia daripada kajian terdahulu, yang kemudiannya dibenarkan untuk digunakan dalam penyelidikan lain. Dengan kata lain, data sekunder adalah data

sejarah yang telah dikumpulkan pada masa lalu. Sebagai contoh, sebuah kajian yang mengumpul data untuk projek tertentu, dan kemudian berkongsi data tersebut agar ia boleh dimanfaatkan dalam kajian-kajian seterusnya oleh penyelidik dari generasi lain. Oleh itu, kajian ini menggunakan sumber data sekunder yang diperoleh melalui:

A. Kajian Perpustakaan

Perpustakaan ialah sesuatu tempat yang menempatkan banyak bahan bacaan ilmiah dan bahan pustaka yang lain merangkumi tempat berkumpul, berbincang yang memberi manfaat kepada masyarakat. Oleh itu, perpustakaan bersifat menyeluruh kerana terdapat banyak perpustakaan yang berada di sekitar tempat tinggal untuk mencari maklumat kajian.

B. Kajian Internet

Internet merupakan sebuah rangkaian penghubung dan sistem yang boleh memberikan maklumat dengan masa yang singkat dan berfungsi tanpa batas di seluruh dunia untuk mendapatkan dan menyebarkan maklumat kajian.

C. Jurnal

Kajian ini juga mencari sumber daripada jurnal sebagai sumber rujukan bagi memenuhi objektif dan persoalan untuk menyiapkan kajian ini. Jurnal merupakan satu sumber yang bermanfaat dalam sesebuah kajian kerana dapat dijadikan rujukan dan maklumat yang bermanfaat. Jurnal turut mempunyai kesahihan bagi melengkapkan sesebuah kajian.

D. Surat Khabar Online

Kajian ini juga menggunakan surat khabar atas talian bagi membantu melaksanakan kajian ini. Hal ini demikian kerana, surat khabar talian seperti berita semasa yang diterbitkan adalah sahih dapat dijadikan maklumat sebagai sokongan dalam kajian ini. Sebagai contoh, sokongan bagi menyokong pernyataan masalah yang sedang dikaji. Oleh itu, surat khabar atas talian amat membantu dalam kajian ini.

3.5 Pensampelan

Menurut Chua (2011), proses pensampelan merujuk kepada tindakan memilih sebilangan individu daripada keseluruhan populasi bagi dijadikan responden dalam sesuatu penyelidikan. Dengan kata lain, pensampelan melibatkan pemilihan sekumpulan individu bagi memperoleh maklumat, menjalankan pemerhatian, serta merumuskan kesimpulan berkaitan dengan populasi yang diwakili oleh sampel tersebut.

3.5.1 Pensampelan Kuantitatif

Kajian ini menggunakan teknik pensampelan mudah (convenience sampling) dan pensampelan rawak mudah (random sampling) dalam pengumpulan data. Menurut Teddlie dan Yu (2007), pensampelan bertujuan melibatkan tiga strategi utama, iaitu teknik persampelan perwakilan atau perbandingan, teknik persampelan istimewa/unik, dan teknik persampelan berurutan. Untuk kaedah kuantitatif dalam proses pengumpulan data bagi borang soal selidik, kajian ini dijalankan dengan tujuan mengenal pasti persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran yang terdapat di Galeri Pusat Warisan Kajang Seramai 110 orang responden telah mengambil bahagian dalam soal selidik ini, di mana borang soal selidik diedarkan melalui aplikasi Whatsapp, Telegram, Facebook, serta Instagram. Di samping itu, satu QR Code turut disediakan dan dipaparkan di Pusat Warisan Kajang bagi memudahkan pengunjung mengimbas serta menjawab soal selidik secara dalam talian. Pendekatan ini bukan sahaja mempercepatkan proses pengumpulan data, malah turut membantu meningkatkan kadar penyertaan pengunjung dalam kajian ini.

Sebelum penyediaan set borang soal selidik, satu tinjauan awal telah dilaksanakan di Galeri Pusat Warisan Kajang bagi memperoleh maklumat mengenai jumlah populasi kehadiran pengunjung dalam tempoh lima bulan, iaitu dari Ogos hingga Disember. Hasil daripada tinjauan tersebut menunjukkan bahawa jumlah pengunjung sepanjang tempoh tersebut adalah seramai 400 orang. Berdasarkan data ini, pengiraan telah dibuat menggunakan *Sampling Calculator*, dan jumlah responden yang diperlukan untuk melengkapkan borang soal selidik adalah seramai 197 orang.

A. Saiz Populasi: Kaedah Kuantitatif

Kajian ini menentukan saiz populasi dengan menggunakan kalkulator saiz sampel untuk mengira jumlah responden yang diperlukan. Data pengunjung Galeri Warisan Kajang di Selangor diperoleh terlebih dahulu daripada kakitangan galeri sebagai asas pengiraan populasi. Berdasarkan maklumat tersebut, saiz populasi telah dianalisis menggunakan kalkulator saiz sampel untuk menentukan bilangan responden yang mencukupi bagi mendapatkan persepsi yang sesuai berkaitan kajian ini.

Hasil analisis menunjukkan terdapat sebanyak 400 pengunjung dalam tempoh lima bulan kajian dijalankan. Berdasarkan pengiraan, seramai 197 responden diperlukan untuk menjawab borang soal selidik. Namun demikian, hanya 110 responden berjaya memberikan data yang lengkap melalui tinjauan yang dijalankan.

3.5.2 Pensampelan Kualitatif

Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purpose sampling*). Menurut Rusli et al. (2019), pensampelan bertujuan (*purpose sampling*) iaitu pemilihan informan dibuat bertujuan menjawab tujuan dan objektif kajian yang dikemukakan. Dalam pendekatan pensampelan bertujuan, pemilihan informan dilakukan dengan mengikut ciri-ciri yang berkaitan dengan matlamat kajian, seperti yang dinyatakan oleh Scherbaum dan Shockley (2015).

Kajian ini menggunakan teknik *purpose sampling* untuk mendapatkan maklumat dan keputusan dengan lebih tepat. Temu bual awal telah dijalankan bersama informan pertama yang merupakan pengasas galeri, diikuti oleh informan kedua yang berperanan sebagai kurator serta pembantu tadbir galeri pada hari-hari tertentu. Oleh itu, kajian ini telah melaksanakan temu bual dengan dua orang informan, iaitu pengasas serta pembantu tadbir, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3.1

Jadual 3.1: Informan Temu Bual

Sumber : Kajian Lapangan, 2024

Kod	Jawatan	Anggaran tempoh bekerja
Informan 1	Pengasas galeri Pusat Warisan Kajang	21 Tahun
Informan 2	Pembantu Tadbir galeri Pusat Warisan Kajang	10 Tahun

Jadual 3.1 menunjukkan senarai informan yang telah ditemu bual dalam kajian ini bagi memperoleh maklumat yang diperlukan untuk menjawab objektif pertama, iaitu mengenal pasti koleksi pameran yang terdapat di dalam galeri Pusat Warisan Kajang dan objektif ketiga pula adalah menganalisis langkah-langkah penambahbaikan yang perlu dilaksanakan terhadap koleksi pameran di galeri Pusat Warisan Kajang.

3.6 Analisis Data

Pengumpulan dan analisis data merupakan komponen yang amat penting dalam proses penyelidikan, kerana ia melibatkan pemprosesan serta tafsiran data yang diperoleh. Babbie (2020) mentakrifkan analisis data sebagai "proses memperincikan, menyemak, dan mentafsir data untuk mengenal pasti corak, hubungan, dan makna." Takrifan ini menjelaskan bahawa analisis data bukan sekadar pembentangan angka, tetapi turut merangkumi usaha untuk mengenal pasti makna yang tersirat di sebalik data tersebut.

Dalam penyelidikan kuantitatif, proses analisis data dilaksanakan melalui pengumpulan dan pemprosesan data bagi tujuan menguji hipotesis. Bagi kajian ini, analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis deskriptif, yang merupakan pendekatan utama untuk menganalisis data yang diperoleh melalui pendekatan kuantitatif.

3.6.1 Analisis Kajian: Analisis Deskriptif

Menurut Ibrahim et al. (2020), analisis deskriptif bertujuan untuk mendapatkan frekuensi atau peratusan maklumat berkaitan latar belakang responden yang telah dikumpulkan. Dalam kajian penyelidikan, analisis deskriptif lazimnya diletakkan pada permulaan bab hasil bagi membentuk profil responden. Analisis ini juga digunakan untuk mengenal pasti tahap pembolehubah yang dikaji dan menjawab objektif kajian. Data deskriptif boleh dipersembahkan dalam bentuk jadual atau rajah, dengan variasi dalam persembahan data digalakkan untuk menunjukkan kemahiran analisis dalam sesebuah kajian. Analisis ini dipilih untuk mengetahui persepsi yang dikaji iaitu melalui responden yang terdiri daripada pengunjung galeri warisan Kajang. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi dua bahagian: Bahagian A, yang memfokuskan kepada latar belakang responden, dan Bahagian B, yang merangkumi lima seksyen iaitu Perusahaan Ekonomi Tradisional, Peralatan Teknologi Tradisional, Dokumentasi dan Manuskrip Sejarah, Warisan Budaya dan Perdagangan Tradisional, serta Pemetaan Budaya Kajang. Analisis deskriptif digunakan dalam proses pengumpulan data daripada populasi kajian, di mana penyelidik menyusun kembali data, menghuraikan, serta menyusun jadual hasil dapatan dengan menggunakan perisian Microsoft Excel. Data yang diperoleh dianalisis melalui pengiraan skor purata (mean), sisihan piawai (standard deviation), serta kekerapan. Secara keseluruhannya, kajian ini menyajikan gambaran komprehensif mengenai persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang melalui analisis yang sistematik dan terperinci. Semua data yang diperoleh daripada analisis deskriptif telah diproses dengan menghasilkan bacaan skor purata (Mean), sisihan piawai (Standard Deviation), serta frekuensi (Rajah 3.1).

Rajah 3.1 Analisis Deskriptif Bacaan Skor Purata (*Mean*), Sisihan Piawaian (*Standard Deviation*) Dan Frekuensi

3.6.2 Analisis Kajian: Analisis Tematik

Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik digunakan dalam kajian ini untuk memahami dan menyusun makna serta pengalaman berkaitan dengan topik kajian. Kaedah ini membolehkan peneliti mengenali, mengatur, dan menyampaikan pandangan secara sistematik mengenai pola makna yang muncul dari set data. Oleh itu, kaedah analisis tematik digunakan kerana ia selaras dengan penerapan data kualitatif. Selain itu, analisis tematik ini merangkumi beberapa peringkat, antaranya ialah proses transkripsi, pengekodan, pembentukan tema, penyusunan tema, penyediaan laporan, serta akhirnya, pelaksanaan proses triangulasi.

A. Transkripsi

Menurut Braun dan Clarke (2006), proses ini bermula dengan mendengar rakaman audio atau menonton video. Ia boleh membantu kajian ini dalam memahami dan mengenali data yang telah terkumpul secara aktif iaitu data yang terkumpul melalui pembacaan dan pengulangan pembacaan teks seperti transkrip temu bual dengan informan. (Jadual 3.2)

Jadual 3.2: Transkripsi Temu Bual bersama Informan

TRANSKRIP TEMU BUAL INFORMAN	
TAJUK: PERSEPSI PENGUNJUNG TERHADAP KOLEKSI PAMERAN DI GALERI PUSAT WARISAN KAJANG	
Informan 1 Nama: Lee Teng Tarikh: 16 Ogos 2024 Masa: 4:30 petang - 5:30 petang	
	Transkrip ibuan
B (Mr Lee)	Hello, selamat petang?
A (Fatma)	Hello, Mr Lee kan?
B (Mr Lee)	Ya ya saya.
A (Fatma)	Baiklah saya kemakan dari dulu ya, nama saya Nur Fatma Adlina binti Mohd Ezazi, pelajar Universiti Malaysia Kelantan yang sedang buat kajian dekat Galeri Warisan Kajang ni untuk final year project sebab dah nak masuk tahun akhir.
B (Mr Lee)	Oh ya baik, nanti bagi saya googleform saya ada contact.
A (Fatma)	Tarik ada data pengunjung ke, data pengunjung yang pernah datang?
B (Mr Lee)	Data pengunjung takde, tapi seengah kita ada contact jadi kita boleh whatsapp untuk isi google form.
A (Fatma)	Okay baik. Saya ada 3 objektif utama yang pertama iaitu mengenal pasti koleksi seni pameran yang terdapat di galeri warisan Kajang, Selangor, seterusnya, mengkaji persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di galeri warisan Kajang, Selangor, dan menganalisis peranan pihak galeri dalam penambahbaikan koleksi pameran di galeri warisan Kajang, Selangor. Itu tiga objektif saya lah.
B (Mr Lee)	Jepi pusat warisan kajang ni bukan kearah gallery art and craft tetapi dia lebih kepada artifak atau koleksi warisan yang lama dari komuniti kajang dan bukit langat.
A (Fatma)	Kemapa ia dipanggil pusat atau boleh dikenali sebagai galeri juga?

B. Pengekodan

Langkah seterusnya dalam proses analisis kajian adalah pelaksanaan kaedah pemprosesan data secara sistematik melalui penggunaan pengekodan. Dalam konteks analisis data, kod berfungsi sebagai unit asas yang mempermudah proses pengenalpastian dan pelabelan data yang diperoleh. Menurut Braun dan Clarke (2006), dengan penerapan kod, kajian ini dapat menyusun data secara lebih teratur dan memberikan penjelasan yang lebih mendalam mengenai kandungan data dalam bentuk deskriptif. (Jadual 3.3)

Jadual 3.3: Proses Pengekoden

Transkrip Temu bual

Informan 2

Nama: Lee Ni

Tarikh: 3 November 2024

Masa: 2:30 petang- 3:30 petang.

	Transkrip Bualan	Kod
A (Fatmi)	Okay kita mula ya. Saya pelajar dari UMK buat kajian tentang Persepsi Pengunjung terhadap koleksi di galeri Pusat Warisan Kajang. ok kita teruskan dengan objektif tiga, menganalisis peranan pihak galeri dalam penambahbaikan koleksi pameran di galeri Pusat Warisan Kajang. Ok sebelum tu saya nak tahu sedikit latar belakang awak.	
B (Lee Ni))	Saya Lee Ni, sa saya caretaker lah setiap ahad jadi kalau datang sabtu orang lain, jadi ahad saya yang tolong lah, jadi saya sebagai volunteer untuk jaga tempat ni setiap ahad.	Caretaker
A (Fatmi)	Ouh ini galeri ayah awak kan?	
B (Lee Ni))	Aa ya dia yang wujudkan la tapi bukan dia punya.	
A (Fatmi)	Ouh ok, yang saya tahu, semua ni adalah sumbangan dari komuniti kajang kan?	
B (Lee Ni)	Haah	
A (Fatmi)	Ouh so koleksi-koleksi dekat sini, apa yang awak rasa boleh ditambahbaik, yang boleh dipamerkan?	
B (Lee Ni)	Kalau dari alatnya yang fizikal setakat ini sangat banyak lah, kerana ruang kita pun terhad jadi, barang actually kamu boleh nampak aa, banyak sangat tapi kita takda tempat untuk tambah lagi. Ada lagi satu itu mesin, getah di bawah, ia terlalu besar dia tak dapat angkat atas, jadi setakat ini mungkin sudah okay tapi mungkin untuk masa depan, kita masih nak tambah lagi lah.	Ruang terhad. Perancangan tambah baik
A (Fatmi)	Ouh ok, adakah anda mempunyai cadangan untuk menambah lebih banyak lagi, atau tema tertentu dalam koleksi?	
B (Lee Ni)	Untuk barang fizikal mungkin sekarang takda tema kerana kita takda buat perubahan la tentang tempat kajang tapi yang boleh ditambah mungkin infografik tentang barang.	

C. Pencarian Tema

Pada tahap ini, proses analisis mula terbentuk. Penggunaan tema dalam analisis tematik adalah langkah yang sentiasa berubah. Braun dan Clarke (2006) menyatakan bahawa kajian ini dapat menghasilkan dan merumuskan tema daripada kajian yang dijalankan. (Jadual 3.4)

Jadual 3.4 : Proses Pencarian Tema

Informan 2

Nama: Lee Ni

Tarikh: 3 November 2024

Masa: 2:30 petang- 3:30 petang.

	Transkrip Bualan	Tema
A (Fatmi)	Okay kita mula ya. Saya pelajar dari UMK buat kajian tentang Persepsi Pengunjung terhadap koleksi di galeri Pusat Warisan Kajang. ok kita teruskan dengan objektif tiga, menganalisis peranan pihak galeri dalam penambahbaikan koleksi pameran di galeri Pusat Warisan Kajang. Ok sebelum tu saya nak tahu sedikit latar belakang awak.	
B (Lee Ni))	Saya Lee Ni, sa saya caretaker lah setiap ahad jadi kalau datang sabtu orang lain, jadi ahad saya yang tolong lah, jadi saya sebagai volunteer untuk jaga tempat ni setiap ahad.	Kurator Pusat Warisan Kajang
A (Fatmi)	Ouh ini galeri ayah awak kan?	
B (Lee Ni))	Aa ya dia yang wujudkan la tapi bukan dia punya.	
A (Fatmi)	Ouh ok, yang saya tahu, semua ni adalah sumbangan dari komuniti kajang kan?	Sumbangan
B (Lee Ni)	Haah	
A (Fatmi)	Ouh so koleksi-koleksi dekat sini, apa yang awak rasa boleh ditambahbaik, yang boleh dipamerkan?	
B (Lee Ni)	Kalau dari alatnya yang fizikal setakat ini sangat banyak lah, kerana ruang kita pun terhad jadi, barang actually kamu boleh nampak aa, banyak sangat tapi kita takda tempat untuk tambah lagi. Ada lagi satu itu mesin, getah di bawah, ia terlalu besar dia tak dapat angkat atas, jadi setakat ini mungkin sudah okay tapi mungkin untuk masa depan, kita masih nak tambah lagi lah.	Jenis koleksi
A (Fatmi)	Ouh ok, adakah anda mempunyai cadangan untuk menambah lebih banyak lagi, atau tema tertentu dalam koleksi?	
B (Lee Ni)	Untuk barang fizikal mungkin sekarang takda tema kerana kita takda buat perubahan la tentang tempat kajang tapi yang boleh ditambah mungkin infografik tentang barang.	Tema Pusat Warisan Kajang

D. Susun Tema

Pada peringkat ini, kajian akan memeriksa data yang telah dikumpul dari informan. Braun dan Clarke (2006) menegaskan bahawa penilaian kualiti adalah penting untuk memastikan data dikumpulkan dan disimpan dengan teliti sepanjang kajian. (Jadual 3.5)

Jadual 3.5: Susunan Tema

ANALISIS TEMU BUAL
GALERI PUSAT WARISAN KAJANG

BIL.	TEMA/KOD	BUTIRAN
1.	<u>Profil Demografi</u>	<u>Umur, Jantina, Bangsa, Status Perkahwinan, Negeri Bermastautin, Jenis pekerjaan, Taraf Pendidikan</u>
2.	<u>Waktu Kedatangan Pelawat</u>	<u>Sabtu dan Ahad</u>
3.	<u>Pusat Warisan Kajang</u>	<u>Jenis koleksi Sumber koleksi Ruang+ Rekabentuk Pencegayaan Penjagaan Koleksi</u>
4.	<u>Cabaran</u>	<u>Kewangan Ruang Pameran Kurang Tema Susunan</u>
5.	<u>Promosi dan Kerjasama</u>	<u>Universiti Komuniti Persatuan Media Sosial</u>
6.	<u>Perancangan</u>	<u>Tema Café Tambahan Ruang Harapan</u>

F. Menghasilkan Laporan

Pada proses yang akhir, kajian ini membuat laporan akhir berdasarkan data yang diperolehi. Menurut Braun dan Clarke (2006), penulisan ini disusun secara menyeluruh serta menerapkan kaedah penyelidikan kualitatif bagi memastikan laporan yang dihasilkan lebih mendalam dan menyediakan maklumat yang lengkap berdasarkan analisis kajian ini.

G. Triangulasi

Triangulasi merujuk kepada proses menggabungkan pelbagai sumber data, metodologi, serta teori dalam menganalisis sesuatu kajian yang dilaksanakan. Menurut

Chua (2014), kaedah triangulasi melibatkan pemerhatian serta analisis terhadap sesuatu perkara dari pelbagai perspektif bagi memperoleh gambaran yang lebih lengkap, jelas, dan tepat.

3.7 Limitasi Kajian

Sepanjang tempoh kajian ini dijalankan, pelbagai cabaran telah dihadapi. Antara cabaran utama ialah ketiadaan maklumat berkaitan jumlah pengunjung di galeri, di samping kekurangan sokongan serta kurangnya kerjasama daripada responden dalam melengkapkan borang soal selidik. Di samping itu, perbezaan latar belakang etnik dalam kalangan populasi turut menimbulkan kesukaran dalam aspek komunikasi serta kerjasama semasa menjawab soalan-soalan soal selidik. Oleh yang demikian, kajian ini mengalami keterbatasan dari segi jumlah responden dalam proses pengumpulan data kuantitatif. Hanya sebanyak 110 responden berjaya diperoleh, sedangkan pengiraan saiz sampel populasi menerusi Sampling Calculator menunjukkan keperluan untuk mendapatkan seramai 197 responden. Sebagai alternatif, soal selidik telah diedarkan di sekolah-sekolah berdekatan lokasi kajian dan *QR Code* turut dipaparkan untuk diimbas oleh pengunjung yang datang ke Galeri Pusat Warisan Kajang. Walau bagaimanapun, pemerhatian yang dilakukan iaitu galeri hanya buka pada hari Sabtu dan Ahad. Jumlah pengunjung yang diperoleh setiap minggu untuk mendapatkan responden didapati tidak begitu ramai. Meskipun *QR Code* telah disediakan, pengunjung tetap tidak memberikan kerjasama untuk mengimbas dan menjawab soal selidik tersebut.

Selain itu, pengumpulan data kualitatif turut menghadapi beberapa kekangan disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah galeri persendirian yang hanya beroperasi pada hujung minggu serta kekurangan tenaga kerja di pihak galeri. Oleh kerana itu, hanya dua orang informan yang berjaya ditemu bual. Kaedah temu bual ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji pameran koleksi di Pusat Warisan Kajang dan menganalisis langkah-langkah penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh pihak galeri terhadap pameran tersebut. Walau bagaimanapun, hanya dua individu, iaitu pengasas dan pembantu tadbir galeri Pusat Warisan Kajang, yang dapat ditemu bual dalam proses pengumpulan data melalui sesi temu bual.

Akhir sekali, kekangan dari segi jarak antara lokasi kajian dan tempat belajar turut mempengaruhi kekurangan jumlah responden yang diperoleh. Hal ini kerana

pemerhatian untuk mendapatkan pengunjung sebenar galeri Pusat Warisan Kajang menjadi lebih sukar disebabkan oleh jarak lokasi yang jauh.

3.8 Rumusan

Secara keseluruhan, metodologi kajian telah dipilih untuk digunakan dalam kajian ini. Metodologi tersebut merangkumi kaedah pengumpulan data dan maklumat melalui perbincangan yang dijalankan semasa kajian. Bab tiga ini turut memberi tumpuan kepada pendekatan campuran yang menggabungkan teknik kajian kualitatif dan kuantitatif. Dalam kajian ini, kaedah secara temu bual dan pengedaran borang soal selidik telah digunakan, di samping pengumpulan bagi data primer dan sekunder.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab empat membincangkan hasil dapatan kajian berkaitan persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran yang terdapat di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor. Berdasarkan analisis data kualitatif serta kuantitatif yang dikumpulkan, sebanyak enam tema utama telah dikenal pasti. Tema-tema yang diteliti meliputi latar belakang demografi responden, koleksi pameran yang dipamerkan di dalam galeri, persepsi pengunjung terhadap galeri, pelaksanaan aktiviti yang dijalankan bagi menarik minat pengunjung, cabaran yang dihadapi oleh pihak galeri, serta penambahbaikan koleksi pameran melalui usaha pemeliharaan dan penerapan elemen inovasi. Dapatan kajian ini diperoleh melalui sesi temu bual dan soal selidik yang dijalankan bersama para pengunjung serta pihak pengurusan galeri.

4.1 Demografi Responden

Bahagian ini memberikan penerangan tentang demografi responden yang merangkumi pelbagai aspek, termasuk umur responden, jantina responden, bangsa responden, status perkahwinan responden, negeri bermastautin responden, jenis pekerjaan responden, dan taraf pendidikan responden. Semua data yang diperoleh melalui kajian soal selidik telah disusun dan dianalisis bagi mengenal pasti corak serta hubungan antara faktor demografi dengan persepsi terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang.

Data demografi membantu dalam memberikan pandangan kepada persepsi pengunjung dan memberikan gambaran lebih mendalam mengenai latar belakang pengunjung galeri. Kesemua maklumat responden yang terdapat dalam borang tinjauan atau soal selidik adalah seperti berikut:

a. Peringkat Umur Responden

Jadual 4.1: Peringkat Umur Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Umur	Bilangan	Peratus
20-29	59	53.6%
30-39	30	27.3%
40-49	16	14.5%
50-59	4	3.6%
60 tahun ke atas	1	1%
Jumlah keseluruhan	110	100%

Merujuk kepada Jadual 4.1, borang kajian soal selidik telah menetapkan lima kategori peringkat umur, iaitu 20 hingga 29 tahun, 30-39 tahun, 40-49 tahun, 50-59 tahun, serta 60 tahun dan ke atas. Sebanyak 59 orang responden, bersamaan (53.6%), berada dalam lingkungan umur 20-29 tahun, manakala 30 responden atau (27.3%) berumur antara 30 hingga 39 tahun. Selain itu, seramai 16 responden, iaitu (14.5%), tergolong dalam kumpulan umur 40-49 tahun. Seterusnya, hanya 4 responden (3.6%) berumur antara 50 hingga 59 tahun, manakala seorang responden sahaja (1%) berada dalam kategori umur 60 tahun dan ke atas. Oleh yang demikian, pengunjung galeri Pusat Warisan Kajang lebih didominasi oleh golongan muda berusia 20-29 tahun berbanding responden berumur 30 tahun ke atas. Faktor utama yang menyumbang kepada situasi ini adalah kerana dapatan hasil tinjauan dan temu bual mendapati bahawa majoriti pengunjung dalam lingkungan umur 20-an merupakan pelajar institusi pengajian tinggi berdekatan yang mengunjungi galeri tersebut.

b. Jantina Responden

Jadual 4.2: Jantina Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	67	60.9%
	Perempuan	43	39.1%
Jumlah Keseluruhan		110	100%

Merujuk kepada Jadual 4.2, jumlah keseluruhan responden adalah seramai 110 orang (100%), dengan pecahan sebanyak 67 orang responden lelaki (60.9%) dan selebihnya, iaitu seramai 43 orang (39.1%), merupakan responden perempuan. Hasil dapatan ini memperlihatkan bahawa jumlah responden lelaki adalah lebih ramai berbanding jumlah responden perempuan.

c. Bangsa Responden

Jadual 4.3: Bangsa Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Bangsa	Bilangan	Peratus
Melayu	71	64.5%
Cina	29	26.4%
India	10	9.1%
Lain-lain	0	0%
Jumlah keseluruhan	110	100%

Jadual 4.3 menunjukkan jumlah bilangan serta peratusan responden berdasarkan bangsa. Dalam borang kajian soal selidik, terdapat empat kategori bangsa yang

disenaraikan, iaitu Melayu, Cina, India, dan lain-lain. Seramai 71 (64.5%) orang responden terdiri daripada bangsa Melayu, diikuti oleh 29 (26.4%) responden berbangsa Cina, manakala bangsa India mencatatkan seramai 10 (9.1%) responden. Namun, tiada (0%) responden daripada kategori bangsa lain yang telah mengisi borang soal selidik yang diedarkan.

d. Status Perkahwinan Responden

Jadual 4.4: Status Perkahwinan Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Status	Bilangan	Peratus
Bujang	66	60%
Berkahwin	43	39.1%
Suami meninggal	1	0.9%
Jumlah Keseluruhan	110	100%

Berdasarkan Jadual 4.4, bilangan responden yang berstatus bujang adalah lebih ramai berbanding mereka yang telah berkahwin, dengan jumlah responden bujang seramai 66 orang (60%), sementara responden yang sudah berkahwin mencatatkan seramai 40 orang (39.1%). Sementara itu, bagi kategori lain-lain, hanya seorang responden (0.9%) yang menyatakan bahawa suami telah meninggal dunia. Oleh yang demikian, berdasarkan data yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa individu bujang lebih cenderung untuk mengunjungi galeri berbanding mereka yang telah berkahwin.

e. Negeri Bermastautin

Jadual 4.5: Negeri Bermastautin

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Negeri	Bilangan	Peratus
Wilayah Persekutuan	7	6.36%
Perlis	3	2.73%
Kedah	1	0.91%
Pulau Pinang	1	0.91%
Perak	1	0.91%
Kelantan	8	7.27%
Terengganu	3	2.73%
Selangor	80	72.73%
Pahang	2	1.82%
Negeri Sembilan	2	1.82%
Melaka	1	0.91%
Johor	1	0.91%
Sabah	0	0%
Sarawak	0	0%
Jumlah Keseluruhan	110	100%

Jadual 4.5 menunjukkan jumlah keseluruhan responden berdasarkan negeri bermastautin. Dalam kajian ini, majoriti responden bermastautin di negeri Selangor, dengan jumlah seramai 80 orang (72.73%). Sementara itu, responden yang menetap di Wilayah Persekutuan berjumlah tujuh orang (6.36%). Selain itu, negeri Kelantan mencatatkan jumlah seramai lapan orang (7.27%), diikuti oleh Terengganu dan Perlis

dengan jumlah yang sama, iaitu tiga orang (2.73%). Negeri Pahang dan Negeri Sembilan turut merekodkan bilangan yang sama, dengan seramai dua orang responden (1.9%). Seterusnya, negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Melaka, dan Johor masing-masing mencatatkan jumlah seramai seorang responden (1%). Akhir sekali, tiada responden yang berasal dari negeri Sabah dan Sarawak.

Oleh itu, berdasarkan data yang diperoleh mengenai negeri bermastautin responden, didapati bahawa jumlah responden dari negeri Selangor adalah yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Hal ini disebabkan oleh lokasi Galeri Pusat Warisan Kajang yang terletak di negeri Selangor, menjadikan masyarakat negeri ini lebih mudah mengunjungi galeri tersebut berbanding mereka yang berasal dari luar negeri.

f. Jenis Pekerjaan

Jadual 4.6 Jenis Pekerjaan

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Sektor awam	8	7.3%
Sektor swasta	46	41.8%
Bekerja sendiri	22	20%
Suri rumah	2	1.8%
Tidak Bekerja	32	29.1%
Jumlah keseluruhan	110	100%

Jadual 4.6 menunjukkan lima kategori pilihan pekerjaan responden yang telah disenaraikan dalam borang soal selidik, seperti yang ditunjukkan dalam jadual tersebut. Kategori pekerjaan tersebut merangkumi sektor awam, sektor swasta, bekerja sendiri, pelajar, serta suri rumah. Bilangan responden tertinggi berasal dari sektor swasta, dengan jumlah seramai 46 orang (41.8%), diikuti oleh mereka yang tidak bekerja, seramai 32 orang (29.1%). Sementara itu, sebanyak 22 orang responden (20%)

tergolong dalam kategori bekerja sendiri, manakala lapan orang (7.3%) bekerja dalam sektor awam. Akhir sekali, terdapat dua orang responden (1.8%) yang merupakan suri rumah. Berdasarkan jadual di atas, responden daripada sektor swasta adalah lebih ramai berkunjung ke galeri Pusat Warisan Kajang kerana kecenderungan pengunjung daripada sektor swasta mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi minat dan kemampuan mereka untuk terlibat dalam aktiviti kebudayaan dan pelancongan. (Richards, 2007).

Walau bagaimanapun, individu yang pernah mengunjungi Galeri Pusat Warisan Kajang bukan sahaja terdiri daripada kumpulan pelawat yang disenaraikan dalam Jadual 4.6, malah berdasarkan temu bual yang telah dilaksanakan bersama pengasas galeri, jenis-jenis pengunjung yang hadir ke galeri ini turut merangkumi pelancong asing dari China, masyarakat setempat, orang awam, serta rombongan lawatan dari sekolah dan institusi. Selain itu, waktu operasi galeri adalah terhad kepada hari Sabtu dan Ahad sahaja. Justeru, kebanyakan penduduk tempatan lebih berpeluang melawat Galeri Pusat Warisan Kajang kerana ia dibuka pada hujung minggu, yang juga merupakan hari cuti.

g. Taraf Pendidikan

Jadual 4.7: Taraf Pendidikan

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Taraf Pendidikan	Bilangan	Peratus
SPM	20	18.2%
STPM	18	16.4%
Diploma	39	35.5%
Ijazah	25	22.7%
Master	5	4.5%
Doktor Falsafah	0	0%
Lain-lain	3	2.7%
Jumlah Keseluruhan	110	100%

Merujuk kepada Jadual 4.7, sebanyak enam tahap pendidikan telah dikenal pasti dalam kalangan responden yang telah mengisi borang soal selidik. Majoriti pengunjung yang pernah melawat galeri Pusat Warisan Kajang memiliki kelayakan di peringkat Diploma, iaitu seramai 39 orang (35.5%), diikuti oleh pemegang Ijazah yang merupakan kumpulan kedua tertinggi dengan jumlah seramai 25 orang (22.7%). Selain itu, seramai 18 orang responden (16.4%) mempunyai kelayakan STPM, manakala responden dengan pendidikan SPM pula berjumlah 20 orang (20%). Akhir sekali, terdapat lima orang responden (4.5%) yang mempunyai kelayakan di peringkat Master, sementara tiada responden yang memiliki kelayakan Doktor Falsafah. Seramai tiga (2.7%) orang responden telah memilih lain-lain. Kesimpulannya, kebanyakan responden yang berkunjung ke galeri Pusat Warisan Kajang mempunyai pendidikan di peringkat diploma. Hal ini berkemungkinan tahap pendidikan seseorang mempengaruhi minat mereka terhadap aktiviti kebudayaan dan pelancongan, kerana individu dengan pendidikan sederhana hingga tinggi lebih cenderung menghargai warisan budaya (McKercher dan Du Cros, 2002).

4.2 Jenis-jenis koleksi yang dipamerkan di galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor.

Galeri Warisan Kajang mempamerkan pelbagai koleksi yang mencerminkan sejarah dan warisan tempatan, termasuk alat tradisional, artifak komuniti, dan dokumen penting. Berdasarkan hasil temu bual dengan Informan 1 yang merupakan pengurus galeri Pusat Warisan Kajang, beliau menjelaskan bahawa galeri ini terbahagi kepada beberapa bahagian yang menonjolkan aspek-aspek sejarah dan kehidupan masyarakat Kajang. Kenyataan dari Informan 1 tersebut adalah *“ada juga koleksi buku-buku tentang sejarah Kajang, Hulu Langat, dan golongan etnik yang berbeza. Jadi, ada beberapa seksyen dalam pusat warisan Kajang yang mengkhususkan kepada topik tertentu”*

Berdasarkan kenyataan Informan 1, Galeri Pusat Warisan Kajang terbahagi kepada beberapa seksyen yang memberi fokus khusus kepada topik tertentu seperti sejarah Kajang, Hulu Langat, dan warisan pelbagai golongan etnik. Selain itu, galeri ini turut menampilkan koleksi buku-buku yang mendokumentasikan sejarah dan budaya kawasan tersebut. Pembahagian seksyen ini mencerminkan usaha galeri dalam menyampaikan maklumat secara tersusun untuk membantu pengunjung memahami aspek sejarah dan warisan tempatan dengan lebih mendalam.

Selain itu, terdapat koleksi lain seperti alat penoreh getah dan bijih timah yang pernah digunakan dalam industri yang membangunkan Kajang. Koleksi ini turut merangkumi alat-alat harian masyarakat tempatan yang kini sudah tidak digunakan lagi. Informan tersebut menerangkan:

Koleksinya, macam alat penoreh getah, bijih timah, iaitu industri yang membangunkan Kajang. Jadi, ada alat penoreh getah dan alat untuk mendapatkan bijih timah pada masa dahulu. Selain itu, terdapat banyak alat yang digunakan oleh komuniti tempatan dalam kehidupan harian mereka, tetapi kini sudah tidak digunakan lagi. Contohnya, ada radio lama, barang elektrik lama, cawan-cawan lama yang pernah digunakan sebagai penimbang, dan pelbagai barangan harian lama yang tidak lagi relevan pada masa kini

Berdasarkan pernyataan di atas, Informan 1 menerangkan koleksi yang dipamerkan di Pusat Warisan Kajang yang mencerminkan sejarah dan perkembangan industri yang membentuk Kajang. Selain itu, koleksi ini turut meliputi barangan harian yang digunakan oleh masyarakat tempatan, seperti radio lama, barang elektrik lama, dan cawan-cawan lama yang digunakan sebagai penimbang. Walau bagaimanapun, alat dan barangan ini kini sudah tidak lagi digunakan, dan mereka menjadi saksi sejarah tentang cara hidup masyarakat tempatan di masa lalu yang kini sudah berubah. Koleksi ini bukan sahaja memberi gambaran tentang industri yang membangun Kajang, tetapi juga mencerminkan perubahan dalam cara hidup dan teknologi masyarakat dari masa ke masa.

Menurut informan 1:

Ada banyak barang yang disumbangkan oleh kedai-kedai atau perniagaan lama di Kajang, seperti sebuah kedai emas lama. Tauke kedai emas itu kini sudah bersara, tetapi beliau telah menyumbangkan meja dan peralatan untuk menghasilkan barang kemas. Begitu juga dari kedai ubat Cina lama, mereka menyumbangkan alat untuk membuat ubat tradisional. Bahkan, ada buku teks lama sebelum merdeka yang turut dipamerkan (Informan 1, Temu Bual, 16 Ogos 2024).

Berdasarkan pernyataan Informan 1 di atas, galeri ini bukan sahaja mempamerkan koleksi peribadi, tetapi juga mengandungi sumbangan dari perniagaan dan kedai-kedai lama di Kajang. Sumbangan tersebut termasuk barang-barang yang memiliki nilai sejarah dan budaya yang tinggi, seperti peralatan dari kedai emas lama dan kedai ubat Cina tradisional. Sebagai contoh, seorang tauke kedai emas yang sudah bersara

menyumbangkan meja dan peralatan yang digunakan untuk menghasilkan barang kemas, manakala kedai ubat Cina lama pula menyumbangkan alat-alat untuk pembuatan ubat tradisional. Selain itu, terdapat juga buku teks lama yang diterbitkan sebelum merdeka, yang turut dipamerkan di galeri tersebut. Ini menunjukkan bahawa galeri ini berperanan sebagai pemelihara warisan budaya dan sejarah tempatan melalui sumbangan penting daripada masyarakat dan perniagaan setempat.

Menurut Informan 1 juga, jumlah koleksi galeri ini kini dianggarkan sekitar 700 lebih iaitu beliau berkata *“Sekarang tak sampai ribu, agaknya dalam 700 lebih”* (Informan 1, Temu Bual, 16 Ogos 2024).


Namun begitu, daripada jumlah tersebut, sekitar 200 koleksi masih disimpan dalam stor iaitu Informan 1 juga berkata *“Dan dalam 700 lebih tu ada 200 agaknya dalam stor room”* Informan 1, Temu Bual, 16 Ogos 2024). Berdasarkan pernyataan Informan 1 menyatakan bahawa jumlah koleksi yang ada di galeri Pusat Warisan Kajang pada masa ini dianggarkan sekitar 700 lebih. Walaupun begitu, beliau juga menyebut bahawa sebahagian daripada koleksi tersebut, kira-kira 200 unit, masih disimpan di dalam stor, yang menunjukkan bahawa tidak semua koleksi dipamerkan untuk pengunjung.

Selain itu, terdapat koleksi bersaiz besar seperti mesin getah yang sukar dipindahkan ke ruang pameran utama kerana saiznya yang terlalu besar. Menurut Informan 2 pula iaitu *“Ada lagi satu itu mesin getah di bawah, ia terlalu besar dia tak dapat angkat atas, jadi setakat ini mungkin sudah okay, tapi mungkin untuk masa depan, kita masih nak tambah lagilah”* (Informan 2, Temu Bual, 3 November 2024).

Pernyataan di atas menerangkan bahawa terdapat kesukaran dalam memindahkan mesin getah yang besar ke ruang pameran utama disebabkan oleh saiznya yang terlalu besar. Informan 2 menjelaskan bahawa mesin getah tersebut diletakkan di bahagian bawah galeri kerana tidak dapat dipindahkan ke atas akibat saiznya yang terlalu besar dan sukar untuk diangkat. Koleksi-koleksi ini mencerminkan usaha galeri untuk terus mempelbagaikan pameran mereka, dengan harapan dapat memperbanyakkan jumlah dan variasi koleksi pada masa hadapan bagi menarik lebih ramai pengunjung dan menyokong warisan sejarah Kajang.

Selain itu, koleksi di galeri Pusat Warisan Kajang tidak terhad kepada barang-barang besar atau alat industri sahaja, malah turut merangkumi peralatan dapur tradisional yang mencerminkan kehidupan harian masyarakat terdahulu. Informan kedua turut menyatakan *“Em kalau tak salahlah, di sana (tunjuk ke arah peralatan*

dapur) ada tambahan lagi peralatan dapur, yang lain, sudah lama lah.” [Kalau tidak silap, di sana (tunjuk kearah peralatan dapur) ada tambahan lagi peralatan dapur, manakala selebihnya sudah lama digunakan.] (Informan 2, Temu Bual, 3 November 2024). Koleksi-koleksi ini bukan sahaja mempamerkan evolusi kehidupan masyarakat Kajang tetapi juga menjadi alat pendidikan untuk generasi muda memahami cara hidup yang pernah wujud, ia juga sekaligus memperkukuhkan usaha memelihara warisan budaya tempatan.



Rajah 4.1: Pameran Koleksi

Sumber: Kajian Lapangan, 2024

Rajah 4.1 di atas menunjukkan beberapa koleksi yang terdapat di Galeri Pusat Warisan Kajang. Antara koleksi yang dipamerkan adalah alat permainan yang digunakan pada zaman 1900-an, peralatan elektronik lama, bijih timah, dan pelbagai koleksi lain yang mencerminkan sejarah dan perkembangan masyarakat Kajang. Pameran ini memberi gambaran menyeluruh tentang kehidupan masyarakat tempatan melalui koleksi yang menggambarkan perubahan dalam teknologi, industri, dan kehidupan seharian pada masa lalu.

4.3 Sumber koleksi yang terdapat di galeri Pusat Warisan Kajang

Sumber koleksi yang terdapat di galeri Pusat Warisan Kajang mencerminkan usaha persepakatan masyarakat tempatan untuk memelihara warisan budaya dan sejarah kawasan tersebut. Sebilangan besar koleksi diperoleh melalui sumbangan daripada komuniti Kajang menjadi sumber utama kepada pengumpulan bahan berharga yang dipamerkan di galeri ini. Sumber koleksi yang terdapat di galeri ini merangkumi pelbagai jenis artifak yang mencerminkan kehidupan dan budaya tempatan pada masa lalu. Menurut Informan 1 iaitu *“Semua ni kebanyakannya disumbangkan oleh komuniti Kajang, hanya ada peratusan kecil yang dipinjam kepada kita”* (Informan 1, Temu Bual, 16 Ogos 2024).

Berdasarkan pernyataan Informan 1, walaupun terdapat juga beberapa koleksi yang dipinjam daripada pihak lain, tetapi peratusannya adalah kecil. Hal ini mencerminkan peranan penting komuniti Kajang dalam memastikan kelestarian dan penghargaan terhadap sejarah serta budaya tempatan melalui sumbangan mereka kepada galeri tersebut.

Proses penerimaan sumbangan koleksi di galeri ini dilaksanakan melalui syarat ringkas yang ditetapkan iaitu sebagai institusi kecil. Menurut Informan 1, proses ini biasanya dilakukan melalui saluran media sosial seperti Facebook atau aplikasi WhatsApp, yang mempermudah komunikasi awal dengan penyumbang. Beliau berkata *“Proses kita melalui Facebook atau WhatsApp, jadi kita akan tanya beberapa soalan syaratnya sebelum menerima sumbangan”* (Informan 1, Temu Bual, 16 Ogos 2024).

Menurut Informan 1 juga, terdapat tiga syarat utama yang digunakan untuk menilai kesesuaian koleksi yang diterima: saiz barangan, sejarah dan cerita di sebaliknya, serta kesesuaian dengan koleksi sedia ada di galeri. Sebagai contoh, Informan 1 menyatakan bahawa galeri ini mempunyai batasan ruang, dan oleh itu barangan bersaiz besar mungkin tidak dapat diterima iaitu *“Kalau barang terlalu besar, kita tidak dapat terima kerana ruang kita terhad”* (Informan 1, Temu Bual, 16 Ogos 2024).

Syarat kedua ialah nilai sejarah dan cerita yang terdapat pada barangan tersebut. Barangan yang mempunyai kaitan dengan warisan keluarga atau peristiwa penting masa lalu biasanya lebih mudah diterima. Informan 1 menyebut *“Benda tu kena ada sejarah dan cerita sendiri. Contohnya, barang yang telah diwariskan kepada keluarga*

penyumbang selama tiga generasi, mesti ada kisah yang berkait dengan penggunaannya dahulu” (Informan 1, Temu Bual, 16 Ogos 2024).

Syarat ketiga melibatkan kesesuaian barangan dengan koleksi sedia ada. Jika galeri sudah memiliki barangan serupa, ia tidak akan diterima untuk mengelakkan pengumpulan koleksi berlebihan iaitu Informan 1 menyatakan *“Kalau kita sudah ada barang yang sama dalam galeri, kemungkinan besar kita akan tolak sebab ruang kita tak cukup”* (Informan 1, Temu Bual, 16 Ogos 2024).

Majoriti koleksi adalah hasil daripada sumbangan individu yang ingin memelihara warisan keluarga mereka atau barangan yang tidak dapat dipindahkan ke rumah baharu. Menurut informan 1 iaitu *“Kebanyakannya rumah baru mereka nak buat design moden, jadi mereka antara buang atau sumbang. Mereka akan sumbanglah”* (Informan 1, Temu Bual, 16 Ogos 2024).

Sebahagian kecil koleksi adalah barangan yang dipinjamkan oleh penyumbang. Walaupun pinjaman ini bersifat sementara, barangan tersebut tetap menjadi aset berharga bagi galeri seperti yang diperkatakan oleh Informan 1, *“Ada juga koleksi yang dipinjam, tapi mereka takkan ambil balik kecuali mereka nak pada masa depan. Jadi, barang-barang pinjaman ni hanya untuk sementara”* (Informan 1, Temu Bual, 16 Ogos 2024).

Secara keseluruhan, sumber koleksi di Galeri Pusat Warisan Kajang bukan sahaja mencerminkan semangat komuniti tempatan dalam melestarikan sejarah tetapi juga memperlihatkan hubungan antara generasi lama dan baharu melalui pameran ini. Koleksi ini menjadi medium penting untuk memahami dan menghargai warisan tempatan yang unik.

4.4 Persepsi Pengunjung terhadap Galeri Pusat Warisan Kajang

Bahagian ini merupakan hasil analisis data mengenai persepsi pengunjung berdasarkan teori persepsi, yang sesuai dengan tajuk dan objektif kajian ini. Teori persepsi digunakan kerana ia membantu memahami cara individu membentuk andaian dan pandangan mereka berdasarkan maklumat yang dilihat di persekitaran mereka. Melalui teori ini, persepsi dijelaskan sebagai proses bagi individu mentafsir dan memberi makna kepada rangsangan yang diterima melalui deria mereka.

Terdapat enam bahagian di bawah tema ini iaitu pengetahuan responden, dan persepsi pengunjung terhadap lima seksyen utama dalam analisis ini, iaitu persepsi

pengunjung terhadap koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang, yang merangkumi Seksyen 1 iaitu Perusahaan Ekonomi Tradisional, Seksyen 2 iaitu Peralatan Teknologi Tradisional, Seksyen 3 iaitu Dokumentasi dan Manuskrip Sejarah, Seksyen 4 iaitu Warisan Budaya dan Perdagangan Tradisional, dan Seksyen 5 iaitu Pemetaan Budaya Kajang.

Kajian ini mengaplikasikan skala Likert lima mata dalam menilai persepsi pengunjung, dengan kategori penilaian yang terdiri daripada: sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), neutral (3), setuju (4), serta sangat setuju (5). Data yang dikumpulkan melalui skala Likert dianalisis menggunakan nilai purata (mean) berdasarkan julat berikut: 1.00–1.79 (Sangat Tidak Setuju), 1.80–2.59 (Tidak Setuju), 2.60–3.39 (Sederhana), 3.40–4.19 (Setuju), dan 4.20–5.00 (Sangat Setuju) (Pimentel, 2010). Segala maklumat berkaitan analisis data yang diperoleh daripada borang soal selidik adalah seperti yang dinyatakan berikut:

a) Pengetahuan Responden Terhadap Kewujudan Galeri Pusat Warisan Kajang

Jadual 4.8: Pengetahuan Pengunjung
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

No.	Pengetahuan Responden	Bilangan	Peratus
1	Keluarga	16	14.6%
2	Rakan-rakan	50	45.4%
3	Tradisi	7	6.4%
4	Media Sosial	34	30.9%
5	Orang awam	2	1.8%
6	Lain-lain: Ibu kawan	1	0.9%
Jumlah		110	100%

Jadual 4.8 yang dipaparkan di atas menggambarkan tahap pengetahuan pengunjung berkenaan kewujudan Galeri Pusat Warisan Kajang. Dalam borang kajian soal selidik, terdapat lima pernyataan yang telah dimasukkan seperti yang ditunjukkan dalam jadual tersebut. Seramai 50 (45.4%) menunjukkan pengetahuan pengunjung tentang kewujudan galeri Pusat Warisan Kajang adalah daripada rakan-rakan. Seterusnya, media sosial mencatatkan jumlah kedua tertinggi responden tentang

kewujudan galeri ini iaitu berjumlah 34 (30.9%) orang diikuti seramai 16 (14.6%) responden mengetahui kewujudan galeri ini melalui keluarga manakala hanya seramai 7 (6.4%) orang melalui tradisi yang merangkumi warisan lisan, adat resam, atau amalan turun-temurun yang berkaitan dengan sejarah dan budaya setempat. Akhir sekali, orang awam mencatat hanya 2 (1.8%) orang dan lain-lain yang mencatat jawapan responden sebagai ibu kawan hanya seorang (0.9%). Oleh itu, hasil daripada dapatan kajian mendapati responden mengetahui kewujudan galeri Pusat Warisan Kajang melalui rakan-rakan.

b) Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi di Galeri Pusat Warisan Kajang (Seksyen 1)

Jadual 4.9: Pameran Koleksi Di Seksyen 1: Perusahaan Ekonomi Tradisional
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

No.	Pameran Koleksi (Seksyen 1)	Purata (Mean)	Sisihan Piawaian (SD)
1	Artifak dalam koleksi di galeri ini dipelihara dengan baik. (Linn, et.al, 2017).	4.04	0.73
2	Koleksi yang dipamerkan memberikan pendidikan dan pengalaman yang berharga kepada pengunjung. (Das, 2015)	4.00	0.73
3	Susun atur pameran mudah diikuti. (Luoto, 2018)	3.95	0.79
4	Maklumat yang diberikan tentang koleksi adalah jelas dan mudah difahami. (Ravelli, 1996).	3.94	0.77
5	Koleksi galeri memberikan gambaran yang baik tentang budaya/sejarah yang dipaparkan. (MacDonald, & Alsford, 1995)	3.94	0.68
6	Ruang galeri adalah selesa dan mesra. (Hafiz Zulkifli, et.al, 2019)	3.90	0.81
7	Tema pameran bersesuaian dengan galeri pameran. (Wang, 2015)	3.89	0.68

8	Koleksi pameran di galeri ini disusun rapi. (Suarez & Tsutsui, 2004)	3.81	0.83
9	Penggunaan cahaya yang digunakan sesuai bagi bahan dan meningkatkan pengalaman saya dalam pameran. (Schielke, 2020).	3.80	0.80
10	Label dan maklumat yang dipamerkan bersesuaian dengan artifak pameran. (Fuchsberger, 2016)	3.68	0.81

Jadual 4.9 menunjukkan persepsi responden terhadap pameran koleksi di Seksyen 1 iaitu Perusahaan Ekonomi Tradisional di galeri Pusat Warisan Kajang yang melibatkan sepuluh pernyataan mengenai persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di galeri ini. Responden kajian bersetuju bahawa artifak dalam koleksi di galeri ini dipelihara dengan baik. (M:4.04, SD:0.73) dan koleksi yang dipamerkan memberikan pendidikan dan pengalaman yang berharga kepada pengunjung (M:4:00, SD:0.73). Pernyataan ini selari dengan usaha yang dilakukan oleh Galeri Pusat Warisan Kajang dalam memastikan setiap artifak dipelihara dengan cermat. Penjagaan koleksi di galeri ini lebih tertumpu pada aspek pemeliharaan secara menyeluruh melalui pelbagai langkah pencegahan yang diambil untuk memastikan artifak berharga kekal terjaga. Informan 2 menyatakan:

bukan pemuliharaanla kerana kita takut jugak kalau kita buat nanti ada apa apa rosak, jadi kita more on prevention, kalau ada orang datang kita bagitau jangan sentuh, tengok. Pemuliharaan actually dulu Cikgu Lee yang buatlah, dia bukan sahaja buat alat-alat kat sini, dia pun ada pergi tokong boleh tengok ada beberapa alat macam baru tapi actually dia ada lah go through of the pemuliharaanlah, jadi di sini hanya ada general cleaning sahaja la

[Ia bukan pemuliharaan kerana kami bimbang jika kami melakukan sesuatu, barangan tersebut mungkin akan rosak. Oleh itu, kami lebih menumpukan pada pencegahan, dengan memberitahu pengunjung supaya tidak menyentuh dan hanya melihat. Sebenarnya, pemuliharaan dilakukan oleh Cikgu Lee pada dahulu. Beliau tidak hanya membuat alat-alat di sini, tetapi juga pergi ke tokong untuk melihat beberapa alat yang kelihatan baru, namun sebenarnya telah melalui proses pemuliharaan. Jadi, di sini kami hanya melakukan pembersihan am sahaja] (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024).

Dalam pada itu, dari segi koleksi yang dipamerkan memberikan pendidikan dan pengalaman yang berharga kepada pengunjung juga dapat dilihat melalui kerjasama galeri Pusat Warisan Kajang dengan institusi pendidikan iaitu pelajar-pelajar daripada University College New Era. Pendidikan dan pengalaman ini dapat diterapkan melalui penglibatan mereka dalam membantu galeri menyediakan bahan pameran dan alat promosi. Informan 2 menyatakan, *“Jadi bila kita pindah, kita ada pertolongan pelajar-pelajar New Era, University College New Era, jadi banner-banner ni semua mereka yang buat, papan di belakang pun mereka yang buat, dan sketch book sini pun semua mereka yang buat lah”*. [Jadi, apabila kami berpindah, kami mendapat bantuan daripada pelajar-pelajar dari New Era University College. Banner-banner ini semua mereka yang buat, papan di belakang juga mereka yang hasilkan, dan buku lakaran di sini pun semuanya dihasilkan oleh mereka] (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024).

Hal ini membuktikan bahawa galeri ini juga memberikan pendidikan dan pengalaman kepada pihak universiti dalam aspek penyediaan bahan pameran dan promosi. Bantuan pelajar-pelajar yang berkunjung bukan sahaja memudahkan tugas galeri dalam menjalankan aktiviti, tetapi juga memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari.

Seterusnya, responden juga bersetuju bahawa susun atur pameran mudah diikuti (M:3.95, SD:0.79). Hal ini disokong oleh Saidon (2011) iaitu susun atur ruang membolehkan pengunjung melihat bahan pameran dengan mudah dan selesa mengikut pilihan mereka sendiri. Penyataan bagi maklumat yang diberikan mengenai koleksi adalah jelas serta mudah difahami mencatat skor (M:3.94, SD:0.77). Seterusnya, responden turut memberi skor baik terhadap penyataan koleksi galeri memberikan gambaran yang baik mengenai budaya dan sejarah yang dipaparkan (M:3.94, SD:0.68) kerana ia disokong oleh Abd Jalal et al. (2019), koleksi-koleksi yang bernilai ini merupakan bukti sesuatu peristiwa atau sejarah lampau yang telah berlaku di negara ini. Seterusnya, penyataan ruang galeri adalah selesa dan mesra mencatat skor (M:3.90, SD:0.81) di samping tema pameran yang sesuai dengan galeri pameran juga mendapat penilaian baik dengan skor (M:3.89, SD:0.68). Koleksi pameran di galeri ini disusun rapi mencatat skor ketiga terendah (M:3.81, SD:0.80) kerana menurut Informan 1, *“sebab ruang kita kecil dan susunan kita sekarang ini juga bukan yang terbaik juga,”* (Informan 1, Temu Bual, 16 Ogos 2024). Hal ini membuktikan skor bagi koleksi di galeri ini disusun rapi mendapat rendah daripada keseluruhan responden. Bagi penyataan penggunaan cahaya yang digunakan sesuai bagi bahan dan meningkatkan

pengalaman saya dalam pameran mencatat (M:3.80, SD:0.81) dan skor yang paling rendah iaitu (M:3.68, SD:0.81) bagi pernyataan label dan maklumat yang dipamerkan bersesuaian dengan artifak pameran. Hal ini disokong oleh Tong (2016) iaitu sesetengah pameran tidak mempunyai label dan pihak muzium perlu menyediakan senarai, panduan audio, atau aplikasi untuk membantu pengunjung memahami dan menikmati pameran dengan lebih mudah.

Berdasarkan analisis data, secara keseluruhannya, persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Seksyen 1 Galeri Pusat Warisan Kajang adalah baik. Majoriti responden bersetuju dengan kebanyakan pernyataan yang diberikan, menunjukkan bahawa mereka menganggap koleksi pameran dipelihara dengan baik dan memberikan pengalaman yang bermanfaat. Ruang galeri juga dianggap selesa dan mesra, dengan susun atur pameran yang mudah diikuti serta maklumat yang jelas dan mudah difahami. Ini menunjukkan bahawa pameran di galeri ini berjaya mencapai objektif untuk memberikan pengalaman yang berharga kepada pengunjung, khususnya dalam meningkatkan pemahaman tentang budaya dan sejarah yang dipaparkan. Menurut teori Persepsi Gestalt (Wertheimer, 1938), pengunjung cenderung melihat keseluruhan pameran terlebih dahulu, sebelum memberi perhatian kepada elemen-elemen terperinci seperti susun atur dan pencahayaan. Oleh itu, persepsi mereka terhadap pameran mungkin dipengaruhi oleh cara semua elemen tersebut disusun dan dipersembahkan secara keseluruhan.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di Galeri Pusat Warisan Kajang juga, pameran yang dipamerkan di Seksyen 1 menonjolkan warisan tradisional dan ekonomi tempatan, serta memberikan gambaran yang jelas mengenai aspek budaya, sejarah, dan kehidupan masyarakat pada masa lalu. Pameran ini memberi peluang kepada pengunjung untuk mendalami sejarah dan budaya melalui artifak yang dipamerkan, dengan penyampaian maklumat yang mudah diperoleh dan menyeluruh.

C) Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi di Galeri Pusat Warisan Kajang (Seksyen 2)

Jadual 4.10: Pameran Koleksi Di Seksyen 2: Peralatan Teknologi Tradisional
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

No.	Pameran Koleksi (Seksyen 2)	Purata (Mean)	Sisihan Piawaian (SD)
1	Koleksi galeri memberikan gambaran yang baik tentang budaya/sejarah yang dipaparkan. (MacDonald, & Alsford, 1995)	3.94	0.69
2	Tema pameran bersesuaian dengan galeri pameran. (Wang, 2015)	3.93	0.69
3	Maklumat yang diberikan tentang koleksi adalah jelas dan mudah difahami. (Ravelli, 1996).	3.91	0.80
4	Koleksi yang dipamerkan memberikan pendidikan dan pengalaman yang berharga kepada pengunjung. (Das, 2015)	3.87	0.74
5	Susun atur pameran mudah diikuti. (Luoto, 2018)	3.82	0.83
6	Artifak dalam koleksi di galeri ini dipelihara dengan baik. (Linn, et.al, 2017).	3.79	0.76
7	Ruang galeri adalah selesa dan mesra. (Hafiz Zulkifli, et.al, 2019)	3.77	0.84
8	Koleksi pameran di galeri ini disusun rapi. (Suarez & Tsutsui, 2004)	3.75	0.86
9	Penggunaan cahaya yang digunakan sesuai bagi bahan dan meningkatkan pengalaman saya dalam pameran. (Schielke, 2020).	3.73	0.84
10	Label dan maklumat yang dipamerkan bersesuaian dengan artifak pameran. (Fuchsberger, 2016)	3.65	0.81

Jadual 4.10 menunjukkan persepsi responden terhadap pameran koleksi di Seksyen 2, iaitu Pameran Peralatan Teknologi Tradisional di Galeri Pusat Warisan Kajang. Terdapat sepuluh pernyataan yang berbeza mengenai persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran tersebut. Berdasarkan data yang diperoleh, responden memberikan penilaian yang sangat positif terhadap kebanyakan aspek pameran.

Penyataan pertama mengenai koleksi galeri yang memberikan gambaran yang baik tentang budaya dan sejarah yang dipaparkan mencatatkan skor purata tertinggi (M:3.94, SD:0.69). Hal ini menunjukkan bahawa pengunjung sangat bersetuju bahawa koleksi pameran ini berkesan dalam menggambarkan sejarah dan budaya yang dipamerkan (Falk & Dierking, 2016). Selain itu, pernyataan kedua mengenai kesesuaian tema pameran dengan galeri juga mencatatkan skor purata yang hampir serupa (M:3.93, SD:0.69), yang menunjukkan bahawa tema pameran dianggap sangat sesuai dengan ruang galeri di mana ia dipamerkan. Ini mencerminkan persepsi positif pengunjung terhadap keselarasan antara tema dan ruang pameran (Hooper-Greenhill, 2000).

Dalam konteks ini, persepsi pengunjung terhadap pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang dapat dijelaskan melalui teori persepsi yang dikemukakan oleh Newman (1983), yang menyatakan bahawa "perception is a process in which sensory experiences are organised and made meaningful." Petikan ini bermaksud bahawa persepsi adalah proses di mana rangsangan deria diatur dan diberi makna. Dengan kata lain, persepsi merujuk kepada cara individu memerhatikan, memahami, dan menafsirkan rangsangan deria untuk membentuk pandangan dan pemahaman tentang dunia di sekeliling mereka. Berdasarkan teori ini, dapat difahami bahawa interaksi pengunjung dengan koleksi pameran bergantung kepada bagaimana mereka mengatur dan mentafsir maklumat yang diperoleh melalui deria penglihatan dan pengalaman langsung mereka di dalam galeri.

Bagi pernyataan ketiga, responden bersetuju bahawa maklumat yang diberikan tentang koleksi adalah jelas dan mudah difahami (M:3.91, SD:0.80), yang mencerminkan kejelasan dan kemudahan pencapaiannya oleh pengunjung (Hein, 1998). Selain itu, pernyataan keempat mengenai pengalaman pendidikan yang diberikan oleh koleksi pameran juga menunjukkan skor yang tinggi (M:3.87, SD:0.74), menunjukkan bahawa pameran ini memberi nilai tambah dalam aspek pendidikan sejarah dan teknologi tradisional (Hooper-Greenhill, 2007). Responden juga memberikan penilaian positif terhadap susun atur pameran yang mudah diikuti (M:3.82, SD:0.83), yang

menunjukkan bahawa pengunjung berpendapat susun atur koleksi memudahkan mereka untuk mendapatkan maklumat dengan cara yang sistematik.

Penilaian terhadap pemeliharaan artifak juga baik iaitu mencatat skor (M:3.79, SD:0.76), menunjukkan bahawa artifak yang dipamerkan dipelihara dengan baik dan memberi gambaran yang baik tentang pengurusan galeri (Ambrose & Paine, 2018). Keselesaian ruang galeri turut mendapat penilaian baik dengan skor purata (M:3.77, SD:0.84), menunjukkan bahawa pengunjung berpendapat bahawa ruang galeri menyediakan suasana yang selesa dan mesra (Bitgood, 2011). Skor purata yang lebih rendah sedikit dicatatkan pada pernyataan mengenai susunan koleksi pameran yang rapi (M:3.75, SD:0.86) dan penggunaan cahaya (M:3.73, SD:0.84).

Hal ini dijelaskan oleh Informan 1 selaku pengasas galeri yang menyatakan bahawa “susunannya kita dah try all the best untuk buat susunan yang paling baik untuk pengunjung. Tapi, yang cahayanya kita gunakan warm light lebih sesuai untuk pengunjung” (Informan 1, Temu bual, 16 Ogos 2024) iaitu susunan koleksi telah diusahakan sebaik mungkin untuk memastikan pengalaman terbaik bagi pengunjung, manakala penggunaan pencahayaan jenis *warm light* dipilih bagi mencipta suasana yang lebih selesa dan sesuai dengan bahan pameran. Pengasas galeri turut menjelaskan bahawa mereka telah melakukan yang terbaik dalam menyusun koleksi pameran, namun hasilnya mungkin belum sepenuhnya memuaskan pengunjung. Walaupun begitu, pilihan pencahayaan tetap diutamakan untuk memberikan pengalaman yang lebih baik kepada pengunjung. Akhir sekali, pernyataan berkaitan label dan maklumat yang dipamerkan bersesuaian dengan artifak pameran mencatat skor paling rendah iaitu (M:3.65, SD:0.81).

Secara keseluruhan, berdasarkan analisis data skala Likert, semua pernyataan mencatatkan skor purata di antara 3.40 hingga 4.19, yang berada dalam kategori *Setuju* oleh (Pimentel, 2010). Hal ini menunjukkan bahawa pengunjung memberikan penilaian yang sangat baik terhadap pameran di Seksyen 2, dengan kebanyakan pengunjung menganggap pameran ini berkesan dalam memberikan gambaran budaya, sejarah, dan teknologi tradisional. Dapatan ini juga menyokong teori persepsi Newman (1983), yang menekankan bagaimana pengunjung memproses rangsangan deria mereka untuk membentuk makna daripada pameran yang dilihat.

d) Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi di Galeri Pusat Warisan Kajang (Seksyen 3)

Jadual 4.11: Pameran Koleksi Di Seksyen 3: Dokumentasi Dan Manuskrip Sejarah
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

No.	Pameran Koleksi (Seksyen 3)	Purata (Mean)	Sisihan Piawaian (SD)
1	Koleksi yang dipamerkan memberikan pendidikan dan pengalaman yang berharga kepada pengunjung. (Das, 2015)	3.97	0.80
2	Koleksi galeri memberikan gambaran yang baik tentang budaya/sejarah yang dipaparkan. (MacDonald, & Alsford, 1995)	3.94	0.77
3	Label dan maklumat yang dipamerkan bersesuaian dengan artifak pameran. (Fuchsberger, 2016)	3.91	0.82
4	Artifak dalam koleksi di galeri ini dipelihara dengan baik. (Linn, et.al, 2017).	3.90	0.80
5	Susun atur pameran mudah diikuti. (Luoto, 2018)	3.87	0.78
6	Ruang galeri adalah selesa dan mesra. (Hafiz Zulkifli, et.al, 2019)	3.86	0.83
7	Tema pameran bersesuaian dengan galeri pameran. (Wang, 2015)	3.85	0.74
8	Maklumat yang diberikan tentang koleksi adalah jelas dan mudah difahami. (Ravelli, 1996).	3.83	0.82
9	Koleksi pameran di galeri ini disusun rapi. (Suarez & Tsutsui, 2004)	3.75	0.86
10	Penggunaan cahaya yang digunakan sesuai bagi bahan dan meningkatkan pengalaman saya dalam pameran. (Schielke, 2020).	3.72	0.81

Jadual 4.11 menunjukkan analisis mengenai persepsi pengunjung terhadap pameran koleksi di Seksyen 3: Dokumentasi dan Manuskrip Sejarah di Galeri Pusat Warisan Kajang. Hasil analisis menunjukkan bahawa skor purata bagi setiap aspek berada dalam lingkungan 3.72 hingga 3.97, menandakan bahawa pengunjung memberikan penilaian *Setuju* terhadap pameran koleksi ini. Aspek yang menerima skor tertinggi ialah “*Koleksi yang dipamerkan memberikan pendidikan dan pengalaman yang berharga kepada pengunjung*” (M:3.97, SD:0.80). Dapatan ini selari dengan pandangan Hein (1998), yang menyatakan bahawa pameran berasaskan dokumentasi dan manuskrip berperanan penting dalam menyampaikan ilmu sejarah kepada masyarakat, sekali gus membina kesedaran budaya dalam kalangan pengunjung.

Selain itu, skor purata sebanyak (M:3.94, SD:0.77) bagi aspek koleksi yang mampu menyampaikan sejarah dan budaya membuktikan keberkesanan pameran dalam memberikan kefahaman kepada pengunjung. Menurut Hooper-Greenhill (1994), pameran yang berkesan harus mampu menghubungkan pengunjung dengan warisan sejarah melalui paparan yang jelas dan menarik. Maklumat yang dipamerkan dalam galeri turut mendapat skor tinggi iaitu (M:3.9, SD:0.82), yang membuktikan bahawa label dan keterangan koleksi membantu dalam penyampaian maklumat yang jelas. Falk dan Dierking (2016) menjelaskan bahawa penyampaian maklumat yang sistematik dalam muzium dan galeri dapat meningkatkan kefahaman pengunjung dan memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka.

Dari segi pemeliharaan artifak, galeri menerima skor purata (M:3.90, SD:0.80), menunjukkan bahawa usaha pemeliharaan dan penjagaan koleksi adalah memuaskan. Thompson (2011) menegaskan bahawa pemeliharaan artifak yang baik bukan sahaja memastikan warisan budaya dapat dinikmati oleh generasi akan datang, tetapi juga meningkatkan keberkesanan institusi warisan. Bagi susun atur pameran, responden memberikan skor (M:3.87, SD:0.78), menandakan bahawa pengunjung dapat mengikuti aliran pameran dengan baik. Walau bagaimanapun, berdasarkan temu bual dengan Informan 1, beliau menyatakan:

Sebab ruang kita kecil dan susunan kita sekarang ini juga bukan yang terbaik juga, tapi dalam ruang tu, maksudnya kita nak buat susunan semula, yang ini banyak kerja, jika kita nak ikut susunan paling baik untuk pengunjung, kita tak boleh letak barang terlalu dekat, kita kena letak satu infonya, ceritanya, kita kena ada ruang yang cukup besar untuk sesuatu barang. Jadi, inilah problem yang paling besar setakat ini (Informan 1, Temu bual, 16 Ogos 2024).

Penyataan ini menunjukkan kesukaran yang dihadapi dalam merancang susunan yang tidak hanya memenuhi ruang, tetapi juga memastikan koleksi dipersembahkan dengan jelas dan menarik. Seterusnya, ruang galeri yang selesa dan mesra mendapat skor (M:3.86, SD:0.83), menunjukkan kepuasan pengunjung terhadap persekitaran galeri. Kotler dan Kotler (2007) menyatakan bahawa suasana muzium yang selesa dapat meningkatkan interaksi pengunjung dengan koleksi yang dipamerkan dan memperbaiki pengalaman keseluruhan mereka. Aspek tema pameran pula memperoleh skor (M:3.85, SD:0.74), membuktikan bahawa tema yang dipilih sesuai dengan objektif galeri. Serrell (2015) menekankan bahawa tema pameran yang jelas adalah penting bagi memastikan pengunjung dapat memahami mesej yang ingin disampaikan oleh sesebuah pameran.

Selain itu, maklumat koleksi yang jelas dan mudah difahami mencatatkan skor (M:3.83, SD:0.82), membuktikan bahawa galeri berjaya menyediakan maklumat yang dapat dicapai oleh pelbagai peringkat pengunjung. Pekarik et al. (1999) menyatakan bahawa kejelasan maklumat adalah elemen penitng dalam menarik minat dan mengekalkan perhatian pengunjung terhadap pameran. Seterusnya, pernyataan mengenai koleksi yang disusun rapi memperoleh skor (M:3.75, SD:0.86). Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun susunan koleksi berada pada tahap yang memuaskan, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, khususnya dalam aspek pengurusan ruang yang lebih lancar.

Akhir sekali, aspek pencahayaan dalam galeri menerima skor terendah iaitu (M:3.72, SD:0.81). Walaupun masih dalam kategori “Setuju,” dapatan ini menunjukkan bahawa pencahayaan boleh dipertingkatkan bagi meningkatkan keberkesanan visual pameran. Bitgood (2011) menyatakan bahawa pencahayaan yang sesuai bukan sahaja membantu dalam menyerlahkan keunikan artifak yang dipamerkan, tetapi juga dapat mempengaruhi pengalaman emosi pengunjung terhadap sesebuah pameran.

Dapatan ini juga dapat dikaitkan dengan teori Persepsi Gestalt, yang diperkenalkan oleh Max Wertheimer, Wolfgang Köhler, dan Kurt Koffka dalam bidang psikologi (Wertheimer, 1938). Teori ini menekankan bahawa manusia secara semula jadi cenderung untuk melihat keseluruhan sebelum memberi perhatian kepada bahagian-bahagian yang membentuk keseluruhan. Dalam konteks pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang, pengunjung melihat koleksi sebagai satu ruang sejarah yang menyeluruh sebelum meneliti setiap artifak secara individu. Hal ini menunjukkan bahawa susunan koleksi, pencahayaan, dan susun atur pameran memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi pengunjung terhadap galeri secara keseluruhan.

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa pengunjung mempunyai persepsi baik terhadap koleksi pameran di Seksyen 3: Dokumentasi dan Manuskrip Sejarah. Koleksi ini berjaya memberikan pendidikan yang berharga, menyampaikan maklumat yang jelas, serta mencipta suasana galeri yang selesa. Walau bagaimanapun, aspek pencahayaan dan susun atur koleksi boleh diperbaiki bagi meningkatkan lagi pengalaman pengunjung.

E) Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi di Galeri Pusat Warisan Kajang (Seksyen 4)

Jadual 4.12: Pameran Koleksi Di Seksyen 4: Warisan Budaya Dan Perdagangan Tradisional

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

No.	Pameran Koleksi (Seksyen 4)	Purata (Mean)	Sisihan Piawaian (SD)
1	Koleksi yang dipamerkan memberikan pendidikan dan pengalaman yang berharga kepada pengunjung. (Das, 2015)	4.08	0.77
2	Tema pameran bersesuaian dengan galeri pameran. (Wang, 2015)	4.00	0.76
3	Artifak dalam koleksi di galeri ini dipelihara dengan baik. (Linn, et.al, 2017).	3.98	0.74
4	Ruang galeri adalah selesa dan mesra. (Hafiz Zulkifli, et.al, 2019)	3.96	0.82
5	Maklumat yang diberikan tentang koleksi adalah jelas dan mudah difahami. (Ravelli, 1996).	3.95	0.73
6	Susun atur pameran mudah diikuti. (Luoto, 2018)	3.93	0.85
7	Koleksi galeri memberikan gambaran yang baik tentang budaya/sejarah yang dipaparkan. (MacDonald, & Alsford, 1995)	3.93	0.74

8	Label dan maklumat yang dipamerkan bersesuaian dengan artifak pameran. (Fuchsberger, 2016)	3.90	0.75
9	Penggunaan cahaya yang digunakan sesuai bagi bahan dan meningkatkan pengalaman saya dalam pameran. (Schielke, 2020).	3.81	0.85
10	Koleksi pameran di galeri ini disusun rapi. (Suarez & Tsutsui, 2004)	3.77	0.86

Jadual 4.12 menunjukkan persepsi pengunjung terhadap pameran koleksi di Seksyen 4 yang menumpukan kepada Warisan Budaya Dan Perdagangan Tradisional yang melibatkan sepuluh pernyataan. Berdasarkan seksyen 4, responden bersetuju dengan koleksi yang dipamerkan memberikan pendidikan dan pengalaman yang berharga kepada pengunjung dengan skor tertinggi (M:4.08, SD:0.77). Hal ini menunjukkan bahawa majoriti pengunjung menganggap pameran ini berfungsi sebagai sumber pendidikan yang bermanfaat dan memberikan pengalaman bermakna mengenai warisan budaya dan perdagangan tradisional.

Selain itu, tema pameran dinilai bersesuaian dengan galeri oleh responden dengan skor purata (M:4.00, SD:0.76). Ini selari dengan pandangan Hooper-Greenhill (2000) yang menekankan bahawa tema pameran harus disusun secara strategik agar dapat menyampaikan mesej utama yang jelas dan mudah difahami oleh pelbagai lapisan pengunjung. Selain itu, artifak dalam koleksi dipelihara dengan baik turut mendapat penilaian yang baik iaitu mencatat skor (M:3.98, SD:0.74), yang mencerminkan keberkesanan usaha pemuliharaan yang dilakukan oleh pihak galeri. Menurut Caple (2000), pemeliharaan artifak bukan sahaja melibatkan perlindungan fizikal tetapi juga memastikan artifak dapat disajikan dalam keadaan yang membolehkan pengunjung memahami sejarah dan kepentingannya. Dari segi kemudahan dan pengalaman pengunjung, ruang galeri dinilai selesa dan mesra dengan skor purata (M:3.96, SD:0.82), menunjukkan kepuasan terhadap persekitaran galeri secara keseluruhan. Maklumat yang diberikan dalam pameran juga dinilai jelas dan mudah difahami (M:3.95, SD:0.73), menunjukkan bahawa keterangan yang disediakan membantu pengunjung memahami kandungan pameran dengan baik. Falk dan Dierking (2013) menyatakan bahawa penyampaian maklumat yang berkesan di muzium bergantung kepada kebolehbacaan teks dan bagaimana maklumat diubah suai bagi memenuhi keperluan pembelajaran pengunjung. Selain itu, susun atur pameran yang mudah diikuti

mencatat (M:3.93, SD:0.74) selari dengan koleksi galeri memberikan gambaran yang baik tentang budaya dan sejarah yang dipaparkan mencatat jumlah purata yang sama iaitu (M:3.93, SD:0.85) menunjukkan bahawa pengunjung dapat mengikuti pameran dengan baik tanpa kekeliruan.

Label dan maklumat yang dipamerkan juga dianggap bersesuaian dengan artifak yang dipamerkan (M:3.90, SD:0.75), Hal ini disokong oleh Serrell (1996) yang menunjukkan bahawa label yang baik perlu ringkas, mudah difahami, serta relevan dengan objek pameran bagi meningkatkan pemahaman pengunjung. Seterusnya, responden juga bersetuju dengan "Penggunaan cahaya yang digunakan sesuai bagi bahan dan meningkatkan pengalaman dalam pameran" dengan purata (M:3.81, SD:0.85). Hal ini kerana penggunaan pencahayaan di galeri ini tidak terlepas daripada cabaran. Informan 2 menyebut tentang masalah kerosakan pada peralatan pencahayaan, seperti penggunaan lampu jenis T8 yang kurang sesuai untuk galeri. Walaupun begitu, peralatan tersebut belum dapat diganti disebabkan kekangan masa dan sumber. Menurut informan 2 iaitu *"Kita guna T8 yang ni actually tak beberapa cantikla kalau kita guna dalam galeri tapi banyak yang sudah rosak kita belum perbaiki lagi lah"* (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024).

Informan 2 menyatakan bahawa penggunaan lampu jenis T8 di galeri tidak sesuai kerana ia tidak memberikan pencahayaan yang sempurna, dan banyak peralatan tersebut telah rosak. Walaupun begitu, kekangan masa dan sumber menyebabkan peralatan tersebut belum dapat diganti atau dibaiki. Informan tersebut menyatakan masalah ini dengan jelas, menunjukkan cabaran dalam pengurusan peralatan pencahayaan di galeri. Akhir sekali, koleksi pameran disusun dengan baik mendapat skor paling rendah (M:3.77, SD:0.86),

Secara keseluruhannya, hasil analisis data menunjukkan bahawa persepsi pengunjung terhadap pameran koleksi di Seksyen 4 Galeri Pusat Warisan Kajang adalah baik, dengan semua pernyataan memperoleh skor purata melebihi 3.40 hingga 4.19 mengikut skala linkert Pimental (2020), yang menandakan bahawa responden bersetuju dengan kebanyakan aspek yang dinilai. Hal ini menunjukkan bahawa pengunjung menghargai aspek pendidikan, keselesaan, dan kesesuaian tema pameran, walaupun ada sedikit cadangan untuk peningkatan seperti penyusunan koleksi pameran dan pencahayaan boleh dipertingkatkan bagi meningkatkan pengalaman pengunjung.

F) Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi di Galeri Pusat Warisan Kajang (Seksyen 5)

Jadual 4.13: Pameran Koleksi Di Seksyen 5: Pemetaan Budaya Kajang
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

No.	Pameran Koleksi (Seksyen 5)	Purata (Mean)	Sisihan Piawaian (SD)
1	Koleksi yang dipamerkan memberikan pendidikan dan pengalaman yang berharga kepada pengunjung. (Das, 2015)	4.05	0.76
2	Ruang galeri adalah selesa dan mesra. (Hafiz Zulkifli, et.al, 2019)	4.04	0.80
3	Susun atur pameran mudah diikuti. (Luoto, 2018)	4.02	0.80
4	Tema pameran bersesuaian dengan galeri pameran. (Wang, 2015)	4.02	0.72
5	Maklumat yang diberikan tentang koleksi adalah jelas dan mudah difahami. (Ravelli, 1996).	4.01	0.72
6	Koleksi galeri memberikan gambaran yang baik tentang budaya/sejarah yang dipaparkan. (MacDonald, & Alsford, 1995)	4.01	0.70
7	Label dan maklumat yang dipamerkan bersesuaian dengan artifak pameran. (Fuchsberger, 2016)	3.97	0.74
8	Artifak dalam koleksi di galeri ini dipelihara dengan baik. (Linn, et.al, 2017).	3.91	0.72
9	Penggunaan cahaya yang digunakan sesuai bagi bahan dan meningkatkan pengalaman saya dalam pameran. (Schielke, 2020).	3.89	0.86
10	Koleksi pameran di galeri ini disusun rapi. (Suarez & Tsutsui, 2004)	3.82	0.74

Jadual 4.13 menunjukkan persepsi pengunjung terhadap pameran koleksi di seksyen lima iaitu Pemetaan Budaya Kajang, yang merangkumi sepuluh pernyataan utama. Berdasarkan dapatan kajian, responden paling bersetuju bahawa koleksi yang dipamerkan memberikan pendidikan dan pengalaman berharga kepada pengunjung dengan skor tertinggi (M:4.05, SD:0.76). Hal ini menunjukkan bahawa majoriti pengunjung menganggap koleksi ini sebagai satu sumber pendidikan yang bermakna dan membantu mereka memahami aspek budaya dan warisan tempatan dengan lebih mendalam. Tambahan pula, teori persepsi Gestalt menekankan bahawa pengalaman visual yang menyeluruh terhadap sesuatu objek akan memberikan kefahaman yang lebih mendalam.

Selain itu, ruang galeri dinilai selesa dan mesra oleh responden dengan skor purata (M:4.04, SD:0.80), menunjukkan bahawa keadaan fizikal galeri diterima baik dan memberikan pengalaman lawatan yang menyenangkan. Seterusnya, susun atur pameran yang mudah diikuti juga memperoleh skor yang tinggi (M:4.02, SD:0.80), menunjukkan bahawa pengunjung dapat memahami struktur dan aliran pameran dengan jelas tanpa kekeliruan seiring dengan pernyataan tema pameran yang bersesuaian dengan konsep galeri mendapat skor yang sama (M:4.02, SD:0.72), menunjukkan bahawa kandungan pameran sesuai dengan objektif galeri dalam memperkenalkan warisan budaya Kajang.

Seterusnya, dari segi maklumat yang diberikan tentang koleksi, responden menilai bahawa ia jelas dan mudah difahami (M:4.01, SD:0.72). Hal ini menandakan bahawa teks penerangan yang disediakan di pameran membantu pengunjung memahami konteks sejarah dan budaya setiap koleksi. Selain itu, koleksi galeri memberikan gambaran yang baik tentang budaya dan sejarah yang dipaparkan turut memperoleh skor yang sama (M:4.01, SD:0.70), menunjukkan bahawa pameran ini berjaya menampilkan elemen budaya Kajang secara jelas dan menarik. Hal ini disokong oleh Sharom et al. (2023) iaitu pembangunan galeri atau muzium dapat bantu menyumbang data dan maklumat baharu.

Label dan maklumat yang dipamerkan juga dinilai bersesuaian dengan artifak pameran (M:3.97, SD:0.74), yang menandakan kepentingan penyampaian maklumat yang bersesuaian dalam membantu pemahaman pengunjung terhadap objek pameran. Seterusnya, pernyataan berkaitan pemeliharaan artifak dalam koleksi galeri ini turut mendapat penilaian baik iaitu (M:3.91, SD:0.72) yang menunjukkan usaha dalam mengekalkan keadaan artifak. Hal ini kerana pihak galeri menjaga koleksi yang lebih

sensitif seperti buku dan kertas diberi perhatian khas. Untuk melindunginya daripada sentuhan langsung, koleksi ini disimpan dalam kotak *acrylic*. Langkah ini bertujuan untuk memastikan keadaan koleksi tidak terjejas, dan ini sesuai dengan panduan pemuliharaan yang menghalang koleksi daripada terdedah kepada cahaya UV. Seperti yang dijelaskan oleh Informan 1:

Koleksi kita yang sensitif seperti buku dan kertas kita akan simpan dalam satu acrylic dalam box untuk kita buat cover. Covernya untuk melarang orang sentuh tapi sekarang ini cara terbaik untuk preserve kertas kalau kita ikut text book, renovation artifak kan kita tak boleh kena UV jadi paling baik jangan letak bawah cahaya (Informan 1, Temu bual, 16 Ogos 2024).

Dari aspek pencahayaan dalam galeri pula, responden memberikan skor ($M:3.89$, $SD:0.86$), menunjukkan bahawa penggunaan cahaya dalam pameran membantu dalam meningkatkan pengalaman lawatan. Namun, skor ini sedikit lebih rendah berbanding aspek lain, menandakan masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam pencahayaan pameran.

Akhir sekali, penyataan koleksi pameran disusun dengan baik mencatatkan skor paling rendah dalam analisis ini ($M=3.82$, $SD=0.74$). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun susun atur secara keseluruhan mendapat penilaian yang baik, masih terdapat beberapa aspek dalam penyusunan koleksi yang boleh diperbaiki untuk meningkatkan keteraturan dan aksesibiliti pameran kepada pengunjung.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi pengunjung terhadap pameran koleksi di Seksyen 5 adalah baik, dengan semua pernyataan memperoleh skor purata melebihi 3.80 hingga 4.05 mengikut skala Likert Pimentel (2010). Ini menandakan bahawa responden bersetuju dengan kebanyakan aspek yang dinilai. Pengunjung menghargai nilai pendidikan pameran, keselesaan ruang galeri, serta kejelasan maklumat yang disampaikan dalam koleksi pameran. Walaupun begitu, terdapat beberapa aspek yang boleh ditambah baik, seperti penyusunan koleksi dan pencahayaan, bagi meningkatkan lagi pengalaman lawatan di galeri ini.

4.5 Cabaran Kewangan yang dihadapi oleh Galeri Pusat Warisan Kajang

Galeri Pusat Warisan Kajang menghadapi cabaran kewangan yang utama dalam menguruskan dan memelihara koleksi serta menambah baik infrastruktur galeri mereka. Hal ini berpunca daripada kekurangan sokongan kewangan daripada pihak kerajaan. Menurut pengasas galeri, Galeri Pusat Warisan Kajang bergantung sepenuhnya kepada sokongan masyarakat tempatan untuk menampung kos penyelenggaraan dan pembaikan peralatan. Informan 1 menjelaskan:

Cabaran yang paling utama adalah pusat warisan ini diurus oleh masyarakat tempatan, maksudnya, pusat ini tiada sumbangan atau support kewangan dari kerajaan, jadi cabaran utama tentulah cabaran kewangan untuk kita buat maintenance, membuat baikian hardware semualah, jadi sekarang ni, kos yang dari pusat ni semua disupport oleh masyarakat tempatanlah tak kira kaum, semua kaum akan support (Informan 1, Temu bual, 16 Ogos 2024).

Penggunaan sumber kewangan yang terhad menunjukkan kebergantungan yang tinggi terhadap sumbangan masyarakat yang menjadi faktor utama dalam menggerakkan galeri ini. Tanpa sokongan kewangan daripada kerajaan, pusat warisan ini harus mencari jalan yang lain untuk menjalankan penyelenggaraan dan pembangunan galeri. Walaupun terdapat kekangan, semangat kerjasama masyarakat dalam menjaga warisan mereka, tidak kira latar belakang etnik tidak pernah luntur masyarakat tempatan juga mengambil peduli dalam menjaga warisan mereka.



Rajah 4.2: Ruang pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Rajah 4.2 menunjukkan ruang pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang yang dipenuhi dengan pelbagai koleksi artifak, mencerminkan isu keterbatasan ruang yang dihadapi oleh galeri ini. Susun atur yang padat boleh menyukarkan aliran pergerakan pengunjung serta mengurangkan keselesaan ketika melawat. Selain itu, ruang yang sempit juga mengehadkan susunan artifak dan berpotensi mengurangkan daya tarikan pameran. Oleh itu, penambahbaikan dari segi penggunaan ruang dan penyusunan koleksi perlu dipertimbangkan bagi meningkatkan pengalaman lawatan pengunjung secara keseluruhan.

4.5.1 Cabaran Ruang Pameran Dan Kekurangan Tema di Galeri Pusat Warisan Kajang

Setiap galeri atau muzium menghadapi pelbagai cabaran dalam menguruskan ruang pameran mereka, terutama dalam aspek susunan koleksi, kekangan ruang, dan penyediaan tema yang tepat untuk mempersembahkan koleksi tersebut dengan berkesan. Bagi Galeri Pusat Warisan Kajang, cabaran-cabaran ini memberi kesan kepada cara mereka mengatur dan menyusun koleksi serta tema yang ingin diketengahkan kepada pengunjung.

Selain itu, kekurangan tema yang jelas untuk koleksi mereka juga menjadi halangan dalam mempersembahkan objek-objek fizikal dengan berkesan. Informan 2 menjelaskan bahawa “*dan untuk barang fizikal mungkin sekarang takda tema kerana kita takda buat perubahan la tentang tempat kajang*” (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024).

Kenyataan ini menekankan betapa pentingnya tema yang jelas dan khusus bagi setiap koleksi untuk membolehkan pengunjung memahami kandungan dan makna setiap objek yang dipamerkan.

Kekangan ruang turut menjadi masalah yang lebih besar kerana galeri hanya beroperasi di satu tingkat sahaja, menyebabkan banyak koleksi yang ingin dipamerkan tidak dapat dipaparkan. Informan 1 juga berkata *“dan sekarang kita hanya satu tingkat, jadi ada banyak benda-benda yang nak dipamerkan, tidak cukup ruang. Dan tidak boleh simpan sebab ruang kita limitedlah”* [Pada masa ini, kami hanya menggunakan satu tingkat, jadi terdapat banyak barangan yang ingin dipamerkan, namun ruang yang ada tidak mencukupi. Selain itu, kami juga tidak dapat menyimpan barangan kerana ruang yang terbatas.] (Informan 1, Temu bual, 16 Ogos 2024).

Pernyataan ini menunjukkan cabaran kekurangan ruang di galeri menyebabkan kesukaran dalam mempamerkan keseluruhan koleksi yang ada. Menurut Siregar (2011), keterbatasan ruang dalam sesebuah galeri boleh menimbulkan cabaran dalam usaha mempamerkan keseluruhan koleksi yang dimiliki. Sebagai contoh, Galeri Nasional Indonesia hanya dapat mempamerkan sekitar 5-10% daripada jumlah keseluruhan koleksi, menyebabkan sebahagian besar karya seni tidak dapat dipersembahkan kepada umum. Selain itu, kekurangan ruang juga menyukarkan galeri dalam menyusun dan menyimpan barangan yang tidak dapat dipamerkan, sekali gus memberi impak terhadap keseluruhan pengalaman pengunjung.

Cabaran ruang yang terhad di Galeri Pusat Warisan Kajang dapat dikaitkan dengan Teori Persepsi, khususnya perspektif Gestalt, yang menekankan bahawa manusia cenderung memahami maklumat secara keseluruhan berdasarkan susunan elemen yang disediakan (Wertheimer, 1938). Jika ruang pameran tidak tersusun dengan baik dan koleksi dipersembahkan tanpa tema yang jelas, pengunjung mungkin menghadapi kesukaran dalam menghubungkan maklumat yang dipaparkan serta memahami identiti dan warisan Kajang secara menyeluruh. Dalam konteks ini, prinsip proximity (kedekatan) dan similarity (persamaan) dalam Teori Gestalt menunjukkan bahawa susunan koleksi yang lebih sistematik dan bertema dapat membantu pengunjung membentuk persepsi yang lebih jelas serta meningkatkan pemahaman mereka terhadap warisan yang dipamerkan. Oleh itu, bagi memastikan pengalaman yang lebih berkesan, galeri perlu menstruktur semula ruang pameran dengan mempertimbangkan susunan koleksi yang lebih logik serta penetapan tema yang lebih selaras.

4.6 Promosi dan Kerjasama yang dilakukan oleh Galeri Pusat Warisan Kajang

Setiap organisasi termasuk galeri warisan perlu menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi dan media sosial untuk meningkatkan kebolehlihatan mereka dalam kalangan masyarakat. Galeri Pusat Warisan Kajang tidak terkecuali dalam cabaran ini. Oleh itu, promosi melalui platform digital menjadi salah satu kaedah penting yang digunakan untuk menarik pengunjung di samping bekerjasama dengan komuniti tempatan. Menurut pengasas galeri, usaha mempromosikan galeri melalui media sosial telah dimulakan sejak pengurusan terdahulu, di mana Cikgu Lee telah mengendalikan galeri dan menggunakan Facebook sebagai platform utama. Menurut Informan 1, *“Dulu, semasa Cikgu Lee menguruskan galeri, dia biasa menggunakan Facebook. Tapi sekarang sebab Cikgu Lee dah meninggal, jadi kita masih try untuk menggunakan sosial media yang lain”* (Informan 1, Temu bual, 16 Ogos 2024).


Walaupun Facebook tetap menjadi medium utama, pihak galeri menyedari bahawa platform lain seperti TikTok dan Instagram mempunyai potensi besar dalam menarik perhatian pengunjung yang lebih muda. Seperti yang dinyatakan oleh Informan 2, beliau bercadang untuk lebih fokus pada platform-platform media sosial tersebut di masa depan iaitu *“Tapi masa depan, kita akan fokus dalam sosial media lah. Kita masih cari partner yang boleh tolong kita dalam sosial media lah, seperti TikTok atau Instagram”* (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024).

Sehubungan itu, mereka menghadapi cabaran besar dalam menghasilkan kandungan kreatif untuk platform-platform tersebut, terutamanya TikTok yang memerlukan banyak video pendek. Informan 2 juga menyatakan *“kita juga tahu sekarang yang trending sekarang tu TikTok. Tapi TikTok tu kita kena buat banyak video. Yang itu kita bukan pro lah untuk edit-edit. Dan iya, yang itu kita masih kena belajar dengan orang remaja”* (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024). Hal ini menerangkan kekurangan kepakaran dalam penyuntingan video dan keperluan untuk belajar daripada remaja yang lebih mahir dalam bidang tersebut. Kenyataan ini selaras dengan pandangan Dr. Haryadi (2019), iaitu beliau menekankan pentingnya kolaborasi antara generasi berbeza dalam bidang penyuntingan video. Beliau menyatakan bahawa golongan muda sering membawa perspektif dan kemahiran teknikal yang segar, yang boleh dimanfaatkan oleh generasi lebih tua untuk meningkatkan kualiti penyuntingan video mereka.

Selain menggunakan media sosial, Galeri Pusat Warisan Kajang juga bergantung kepada promosi melalui mulut ke mulut dan aktiviti kolaborasi dengan komuniti tempatan. Informan 2 menjelaskan bahawa pengunjung juga banyak datang melalui maklumat yang disebarkan dalam kalangan masyarakat setempat, selain daripada promosi di Facebook. Mereka juga aktif dalam menjalankan aktiviti bersama komuniti, termasuk menjalin perkongsian dengan persatuan, kampung, dan golongan-golongan tertentu untuk mempromosikan galeri:

Kebanyakan juga melalui Facebook, ada juga melalui mulut orang, cakap-cakaplah dengan komuniti. Sebab kita bukan sahaja buka tempat ini Sabtu Ahad, tapi juga buat aktiviti tempatan dan masyarakat dengan partnering dan kolaborasi dengan persatuan atau kampung atau golongan yang lain (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024).

Secara keseluruhan, Galeri Pusat Warisan Kajang sedang berusaha memperluas capaian mereka melalui penggunaan media sosial, sambil memanfaatkan sokongan dan keterlibatan masyarakat tempatan untuk mempromosikan warisan dan budaya Kajang. Dengan pelaburan dalam kemahiran digital dan kolaborasi strategik dengan generasi muda, galeri ini mempunyai potensi untuk mencapai lebih banyak pengunjung pada masa hadapan.



Rajah 4.3: Hasil Kerjasama bersama Universiti
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Rajah 4.3 menunjukkan hasil kerjasama antara galeri dan universiti, yang dapat dikenal pasti melalui papan latar belakang yang mengandungi maklumat mengenai tokoh, gambar, serta elemen sejarah yang berkaitan. Tulisan pada papan latar berfungsi sebagai penerangan terhadap pameran, sekali gus mencerminkan kajian serta usaha pelajar universiti dalam menyusun dan menyampaikan maklumat secara tersusun. Selain itu, kewujudan objek tergantung yang menyerupai perahu naga dengan tambahan

elemen visual seperti bendera kecil mencerminkan kreativiti pelajar dalam menghasilkan replika seni yang berkaitan dengan warisan dan budaya. Kerjasama ini bukan sahaja memperkayakan kandungan pameran, tetapi turut membolehkan pelajar mengaplikasikan ilmu akademik mereka dalam bentuk yang lebih interaktif dan menarik.

4.7 Kerjasama persatuan, komuniti dan universiti bersama galeri Pusat warisan Kajang

Kolaborasi antara galeri, persatuan, komuniti, dan universiti merupakan elemen penting dalam memastikan kelangsungan serta perkembangan sesebuah pusat warisan. Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor juga bergantung pada usaha bersama ini untuk mempromosikan serta mengekalkan warisan tempatan. Menurut pengasas galeri, pelbagai usaha dilakukan bagi melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan warisan budaya. Informan 1 tersebut menjelaskan:

Cikgu Lee ada buat banyak group atau perancangan bulanan atau aktiviti dengan sebuah kaum untuk melibatkan masyarakat dalam warisan ni. Sekarang juga kita usaha dalam sektor ni dengan melibatkan semua lapisan masyarakat dengan komuniti yang berbeza, sebab sekarang team kita yang uruskan pusat warisan ni (Informan 1, Temu bual, 16 Ogos 2024).

Kenyataan ini menunjukkan betapa pentingnya penglibatan aktif masyarakat dalam usaha galeri untuk memelihara warisan budaya tempatan. Galeri Pusat Warisan Kajang bukan sahaja berusaha melibatkan satu kelompok masyarakat, tetapi juga berusaha untuk merangkumi pelbagai komuniti agar aktiviti dan warisan ini dapat diteruskan dan dipelihara dengan lebih meluas.

Selain itu, galeri ini turut merancang aktiviti-aktiviti khas sempena perayaan tertentu untuk menarik minat masyarakat, seperti yang dinyatakan oleh Informan 2 pula:

Dan kita sebagai satu komuniti, kita ada buat aktiviti mungkin sempena Tahun Baru Cina, sempena Raya, tengoklah kalau dapat wang nanti kita buat, mungkin ada festival, ada kedai-kedai kecil kita buat. Yang ni penglibatan mereka banyaklah kerana kebanyakan kita punya koleksi pun sumbangan mereka. Selain tu juga kalau kita buat aktiviti kan macam mungkin ada perayaan untuk sambutan atau buat festival, banyak volunteer mereka yang tolonglah (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024).

Kenyataan ini memperlihatkan cara galeri ini tidak hanya bergantung kepada sumber kewangan tetapi juga melibatkan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti komuniti dan kebudayaan. Ini menjadikan galeri tersebut lebih berdaya saing, dengan penyertaan masyarakat secara langsung dalam acara dan festival yang dirancang. Penglibatan ini bukan sahaja memperkaya aktiviti galeri, tetapi juga mengeratkan hubungan antara galeri dan komuniti setempat.

Gabungan usaha ini membuktikan betapa pentingnya hubungan erat antara galeri, komuniti, dan institusi pendidikan dalam memastikan pusat warisan seperti Galeri Pusat Warisan Kajang terus berfungsi sebagai pusat pembelajaran dan pemuliharaan budaya. Keberkesanan kolaborasi ini dapat dilihat dalam penglibatan masyarakat setempat dan institusi pendidikan dalam memastikan galeri ini tidak hanya sekadar menjadi tempat pameran, tetapi juga pusat pembelajaran yang berfungsi untuk memelihara dan memartabatkan warisan budaya tempatan.

4.8 Perancangan Penambahbaikan di Galeri Pusat Warisan Kajang

Setiap organisasi warisan mempunyai visi untuk terus berkembang dan memberikan pengalaman yang lebih baik kepada pengunjung. Bagi Galeri Pusat Warisan Kajang, harapan dan perancangan masa hadapan tertumpu pada penambahan ruang pameran, peningkatan tema koleksi, dan perancangan galeri maya untuk memenuhi keperluan masyarakat moden. Berdasarkan temu bual bersama pengasas galeri, perancangan renovasi besar-besaran dirancang untuk tahun hadapan iaitu di tahun 2025. Hal ini termasuk menambah ruang bagi menampung lebih banyak koleksi daripada komuniti Melayu dan India yang telah mula menyumbangkan artifak dan maklumat sejarah:

Tapi sekarang dan tadi saya juga ada katakan kita akan buat renovasi kan, kita akan tambahkan lagi. Sebab belakang tu kita akan tambah lagi banyak koleksi dari masyarakat Melayu dengan masyarakat India, sebab kita dah ada partner dalam golongan-golongan masyarakat Melayu dengan India yang dah start collectkan artifak dan info-info sejarah. Dan sebab jika kata ada dua tempat yang missing ni dah boleh kita tambah lah, dalam 80%.

[Tetapi seperti yang saya katakan tadi, kami akan melakukan renovasi dan menambah lagi koleksi. Di bahagian belakang, kami akan menambah lebih banyak koleksi daripada masyarakat Melayu dan India, kerana kami sudah mempunyai rakan kongsi dalam golongan-golongan masyarakat ini yang telah

mula mengumpul artifak dan informasi sejarah. Jadi, jika ada dua tempat yang masih kosong, kami boleh menambahnya, dan ini akan melengkapkan sekitar 80% koleksi kami.] (Informan 1, Temu bual, 16 Ogos 2024).

Kenyataan ini menunjukkan bahawa penambahan koleksi dari masyarakat Melayu dan India di galeri akan melengkapkan lebih banyak ruang kosong dan memperkayakan koleksi yang ada. Peningkatan ini adalah langkah penting untuk menyemarakkan lagi sejarah dan budaya yang dimiliki oleh kedua-dua komuniti ini.

Selain itu, ruang yang terhad menjadi isu utama dalam perancangan ini. Oleh itu, terdapat rancangan untuk mengembangkan galeri ke tingkat atas yang kini tidak digunakan. Renovasi ini termasuk penyusunan semula laluan pengunjung agar lebih teratur dan lancar. Informan 1 menerangkan lagi:

Plan kita nak tambah lagi satu tingkat, tingkat atas sekarang ini, yang atas tu tidak ada orang guna. Dulu adalah office atau persatuan yang lama lah tapi mereka dah tak guna lama jadi kita pinjam daripada mereka bagi kita guna atau sewa lah. Kita try untuk buat sewa. Lepas ok kita akan buat renovasi yang menggabungkan dua tingkat. Interior design dan jalanan pengunjung tu kita akan design dalam satu arah masuk tingkat bawah dan keluar tingkat atas

[Rancangan kami adalah untuk menambah satu tingkat lagi, iaitu tingkat atas yang sekarang ini tidak digunakan. Dahulu, ruang itu digunakan sebagai pejabat atau persatuan lama, tetapi mereka sudah tidak menggunakannya, jadi kami meminjam atau menyewanya daripada mereka. Kami akan cuba untuk menyewanya. Selepas itu, jika berjalan lancar, kami akan melakukan renovasi untuk menggabungkan kedua-dua tingkat. Rekabentuk dalaman dan laluan pengunjung akan kami susun supaya pengunjung masuk melalui tingkat bawah dan keluar melalui tingkat atas] (Informan 1, Temu bual, 16 Ogos 2024).

Perancangan ini menunjukkan usaha galeri untuk meluaskan capaian kepada pengunjung melalui teknologi dan platform digital, yang memungkinkannya lebih ramai orang di luar kawasan Kajang untuk mengakses dan mempelajari sejarah dan budaya tempatan.

Selain itu, objektif utama galeri adalah untuk menjadi lebih self-sustainable, dengan harapan dapat menjana pendapatan tetap bagi menampung kos operasi tanpa terlalu bergantung kepada dana luar. Informan 1 menambah:

Plan kita untuk buat satu e-gallery atau e-museum lah, buat satu website dan letak artifak dan letakkan latar belakang artifak ini untuk orang ramai, dengan

cerita-cerita dan video temu bual dengan tokoh-tokoh Kajang kita akan letak dalam website. Tapi belum lagi, yang ini plan kita lepas renovasi

[Rancangan kami adalah untuk membangunkan sebuah e-galeri atau e-muzium, iaitu sebuah laman web yang akan memaparkan artifak serta latar belakang setiap artifak tersebut untuk dikongsi dengan orang ramai. Selain itu, kami juga akan menyertakan cerita-cerita dan video temu bual dengan tokoh-tokoh Kajang dalam laman web itu. Namun, perancangan ini akan dilaksanakan selepas renovasi selesai] (Informan 1, Temu bual, 16 Ogos 2024).

Perancangan ini menunjukkan usaha galeri untuk meluaskan capaian kepada pengunjung melalui teknologi dan platform digital, yang memungkinkan lebih ramai orang di luar kawasan Kajang untuk mengakses dan mempelajari sejarah dan budaya tempatan.

Selain itu, untuk meningkatkan pengalaman pengunjung, galeri juga merancang untuk menambah infografik yang lebih lengkap dan interaktif, serta memperbaiki akses dan frontage galeri agar lebih menarik perhatian pengunjung. Informan 2 memberikan penjelasan tentang perancangan ini:

...Mungkin infografik tentang barang, mungkin bagaimana kita buat ceritanya, dari mula sampai habis, kerana sekarang kita dapat tengok kebanyakan adalah isolated lah macam alat-alat saja...dan kita sedang buat planning ada teknologi yang boleh macam Google Map kan, kamu boleh guna streetview yang nampak barang...

[..Mungkin infografik tentang barangan, bagaimana kami membina ceritanya dari mula hingga selesai. Ini kerana, pada masa ini, kebanyakan pameran kelihatan terasing, hanya memaparkan alat-alat sahaja. Kami juga sedang merancang untuk menggunakan teknologi, seperti Google Map, di mana pengunjung boleh menggunakan street view untuk melihat barangan tersebut..] (Informan 2, Temu bual, 16 Ogos 2024).

Dengan adanya elemen interaktif seperti infografik dan penggunaan teknologi canggih, galeri berhasrat untuk menjadikan pengalaman pengunjung lebih menyeluruh dan menarik.

Secara keseluruhannya, visi Galeri Pusat Warisan Kajang adalah untuk berkembang daripada sebuah ruang pengumpulan artifak menjadi sebuah pusat komuniti yang lebih interaktif dan menyeluruh, di mana warisan Kajang dapat terus dihargai dan dikongsi dengan generasi akan datang.

4.8.1 Perancangan pembukaan Café di Galeri Pusat Warisan Kajang

Setiap institusi budaya sentiasa mencari cara untuk menarik perhatian pengunjung dan menambah nilai pengalaman mereka. Pusat Warisan Kajang kini sedang mempertimbangkan perancangan inovatif untuk meningkatkan daya tarikan galeri, termasuk membuka sebuah café di aras bawah bangunan sebagai salah satu inisiatifnya.

Menurut pentadbir galeri iaitu Informan 2, cadangan ini bertujuan untuk mencipta suasana yang lebih mesra pengunjung dan sesuai dengan perkembangan semasa iaitu beliau berkata *“Our ground floor boleh guna untuk sikit pameran juga lah atau kita actually ada satu idea untuk buat café kecil. Kerana kalau boleh untuk menarik perhatian atau menarik mereka punya interest biasanya café la untuk orang sekarang”* (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024).

Konsep café ini akan memberi tumpuan kepada tema menarik dan unik yang dapat menghidupkan suasana pusat warisan. Informan 2 juga menjelaskan bahawa kafe yang menarik dapat meningkatkan daya tarikan galeri iaitu *“Iya especially café yang cute dan ada speciality, jadi kita belum dapat satu persetujuan lah, kalau tak boleh guna ground floor; its okay”* (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024).

Sekiranya ruang di aras bawah tidak dapat digunakan, pihak galeri merancang untuk menggunakan ruang di tingkat atas. Perancangan ini melibatkan susunan ruang yang lebih menarik, termasuk menggabungkan pameran di tingkat satu, dua, dan tiga untuk memberikan pengalaman berbeza kepada pengunjung:

Kita akan guna ruang tingkat satu tingkat dua tingkat tiga kita akan merge kasi dia tiga tingkat untuk pameran, jadi kita idea untuk stage ini kita akan bukak mungkin passiorly kita bukak jadi mungkin tingkat ini boleh nampak tingkat dua, satu part lah, mungkin sini tangga kan, tangga mungkin kita bukak jadi kamu naik tangga boleh nampak dua la, buat dia lebih interestinglah

[..Kami akan menggunakan ruang di tingkat satu, dua, dan tiga, dan menggabungkannya untuk dijadikan satu ruang pameran yang lebih besar. Idea untuk tahap ini adalah untuk membuka bahagian lorong, supaya pengunjung boleh melihat ke tingkat dua dari satu bahagian. Mungkin di sini akan ada tangga, dan apabila pengunjung naik tangga, mereka boleh melihat kedua-dua tingkat, menjadikan pameran lebih menarik..] (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024).

Selain itu, terdapat juga cadangan untuk menggunakan bumbung sebagai ruang santai dengan pemandangan menghadap sungai. Informan 2 juga berkata “*Bumbung mungkin buat macam boleh naik chill-chill tengok menghadap sungai atau macam mana buat kasi lebih lively*” (Informan 2, Temu bual, 3 November 2024).

Perancangan pembukaan café dan pengubahsuaian ruang mencerminkan usaha Pusat Warisan Kajang untuk menjadi lebih berdaya saing, sesuai, dan menarik kepada pelbagai lapisan masyarakat. Ia juga menunjukkan komitmen mereka dalam memperkayakan pengalaman pengunjung sambil memanfaatkan potensi penuh ruang galeri.

4.9 Harapan Galeri Pusat Warisan Kajang

Harapan dan visi masa depan bagi Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor, adalah untuk memastikan kelangsungan operasi galeri secara berterusan dan lestari. Pengasas galeri, yang juga merupakan Informan 1, menekankan keperluan untuk membangunkan modal kewangan yang mampan bagi menampung kos operasi dan pelaksanaan aktiviti galeri. Menurut beliau:

Harapan utama objektif saya ialah untuk bagi pusat ini self-sustainable maksudnya kita tak perlulah kerap cari kewangan untuk cover kos ini cover kos itu tapi kita boleh cari satu modal yang boleh dapat revenue tetap untuk coverkan kos, kos untuk mengurus pusat ni ataupun kos untuk menguruskan aktiviti sebab sekarang ni, aktiviti juga kita mencari kewangan untuk jalankan satu aktiviti. Jadi, saya harap kita boleh carikan modal sendiri untuk cover kos kerana dengan ini, kita ada orang untuk take over atau nak mewariskan pusat warisan, kalau tak, orang akan takutlah sebab ini untuk sukarelawan kadangkala kena masukkan duit juga. Jadi ini tak boleh sustain. Jadi ini harapan kita untuk mendirikan modal yang sustainable supaya pusat warisan kajang ni boleh jalan lebih lama lah.

[..Harapan utama objektif saya adalah memastikan pusat ini dapat menjadi self-sustainable, iaitu tidak bergantung secara kerap kepada pencarian dana bagi menampung pelbagai kos operasi. Matlamatnya adalah untuk mencari sumber modal yang dapat menghasilkan pendapatan tetap bagi menampung kos pengurusan pusat ini, termasuk kos menjalankan aktiviti-aktiviti di dalamnya. Pada masa ini, setiap aktiviti memerlukan usaha untuk mencari dana, dan situasi ini menyulitkan kelangsungan operasi. Saya berharap kita dapat menyediakan

sumber modal yang stabil untuk memastikan pusat ini dapat terus beroperasi dalam jangka masa panjang. Dengan adanya sumber kewangan yang mapan, pusat ini boleh diwariskan kepada generasi akan datang tanpa menimbulkan kebimbangan terhadap beban kewangan, terutamanya kerana ia kini bergantung kepada usaha sukarelawan yang kadangkala memerlukan sumbangan peribadi. Oleh itu, harapan saya adalah untuk membangunkan sistem modal yang mampan agar Pusat Warisan Kajang dapat terus berfungsi dan kekal dalam tempoh yang lebih lama.] (Informan 1, Temu bual, 16 Ogos 2024).

Manakala, Informan 2 pula menyatakan harapan besar terhadap masa depan Galeri Pusat Warisan Kajang, iaitu galeri ini bukan sekadar ruang pameran tetap, tetapi sebagai permulaan untuk usaha yang lebih besar dalam memelihara warisan dan menarik lebih ramai pengunjung. Menurut Informan 2:

Harapan besar lah, hehe kerana apa yang kita buat kan actually kita harap dia adalah satu permulaan sahaja kerana ruang ini dia mati, dia barang semua adalah satu pengumpulan tapi kita harap dengan ini, banyak orang datang, mereka ada wah, kajang merupakan oo macamni punya kita mau lagi buat barang lain mungkin ouh saya suka tempat ini, saya suka mereka menceritakan sejarah-sejarah, dia buat secara is more on like mengumpul la, like untuk buat aa mungkin mereka ada satu ruang sendiri mereka kata oh saya nak buat untuk kominiti, macam kajang ni, pusat warisan kajang ni kita actually harap dia bukan galeri sahaja, bukan untuk muzium sahaja, dia kalau orang datang, mereka akan bawa mungkin barang yang intangible lah

[Harapan kami amat besar, kerana apa yang kami lakukan sebenarnya kami anggap sebagai satu permulaan sahaja. Ruang ini pada asasnya masih belum berkembang sepenuhnya, dengan koleksi yang ada lebih kepada pengumpulan. Namun, kami berharap dengan usaha ini, lebih ramai orang akan datang dan merasai pengalaman yang berbeza. Kami mahu mereka berfikir bahawa Kajang adalah tempat yang memiliki nilai sejarah yang mendalam, dan mungkin mereka akan lebih berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti lain di sini. Kami berharap pusat ini bukan sekadar galeri atau muzium, tetapi juga menjadi ruang yang memberi peluang kepada masyarakat untuk berkongsi warisan tidak ketara (intangible) dan cerita-cerita sejarah yang lebih luas.] (Informan 2, Temu bual, 16 Ogos 2024).

Kenyataan Informan 2 menggambarkan visi galeri untuk menjadi lebih daripada sekadar galeri atau muzium tradisional, tetapi juga sebuah pusat yang berdaya saing untuk komuniti. Harapan utama adalah untuk menjadikan galeri sebagai platform interaktif yang menggalakkan pengumpulan bukan hanya artifak fizikal, tetapi juga elemen warisan tidak ketara seperti cerita dan tradisi. Galeri ini diharapkan mampu menarik minat masyarakat untuk bersama-sama menyumbang, sama ada dalam bentuk sokongan fizikal, seperti koleksi baharu, atau pengalaman budaya yang lebih mendalam.

4.10 Rumusan

Secara keseluruhan, bab ini menjelaskan hasil dapatan kajian yang diperoleh melalui penggunaan kaedah campuran, yang merangkumi pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Bagi kaedah kualitatif, hasil kajian diperoleh menerusi sesi temu bual yang dilaksanakan bersama pengasas galeri serta pembantu tadbir galeri. Sesi temu bual ini dilaksanakan bagi menjawab objektif pertama dan ketiga secara temu bual, iaitu mengenal pasti koleksi seni pameran serta menganalisis peranan pihak galeri dalam menambah baik koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor, termasuk cadangan pembukaan café sebagai langkah penambahbaikan. Dapatan daripada temu bual ini telah dianalisis serta dihuraikan secara terperinci dalam bab ini, merangkumi usaha seperti memperluaskan ruang pameran, membangunkan galeri maya, dan memperkenalkan elemen baharu untuk menjadikan galeri lebih menarik. Dalam pada itu, dapatan kajian bagi pendekatan kuantitatif diperoleh melalui tinjauan (survei) yang dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik menerusi platform media sosial kepada individu yang pernah berkunjung ke Galeri Pusat Warisan Kajang. Pelaksanaan kaedah ini bertujuan untuk menjawab objektif kedua, iaitu meneliti persepsi pengunjung terhadap koleksi yang dipamerkan serta program yang dianjurkan oleh pihak galeri. Dapatan daripada kedua-dua kaedah ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai keadaan semasa serta perancangan masa hadapan galeri. Kajian ini membuktikan bahawa Galeri Pusat Warisan Kajang berusaha untuk memperkukuhkan peranannya sebagai pusat komuniti yang interaktif dan menyeluruh agar warisan Kajang terus dipelihara serta dihargai oleh generasi akan datang..

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini menyimpulkan keseluruhan kajian yang berkaitan dengan persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran serta langkah-langkah penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi koleksi pameran di Galeri Pusat Warisan Kajang, Selangor. Struktur bab ini terbahagi kepada tiga bahagian utama, iaitu rumusan kajian, dapatan utama, dan cadangan.

5.2 Rumusan Kajian

Bab pertama dalam kajian ini memberikan pengenalan yang terperinci mengenai tajuk kajian serta kandungan dan tujuan kajian. Pengenalan ini meliputi definisi galeri warisan yang penting dalam melestarikan nilai sejarah, seni, dan budaya sesuatu komuniti. Fungsi galeri sebagai pusat penyebaran pengetahuan dan pendidikan tentang warisan budaya diakui sebagai elemen penting dalam pengembangan masyarakat. Selain itu, sejarah penubuhan Galeri Pusat Warisan Kajang turut digariskan untuk memberikan gambaran lebih jelas mengenai latar belakang galeri ini serta bagaimana ia berfungsi dalam memelihara warisan tempatan. Lokasi kajian yang terletak di Kajang, Selangor, memberikan kelebihan dalam menjangkau komuniti setempat dan pelancong yang berkunjung ke kawasan tersebut.

Kajian ini menekankan kepentingan memahami persepsi pengunjung terhadap koleksi seni yang dipamerkan di galeri, yang menjadi salah satu aspek utama dalam menilai keberkesanan pameran tersebut. Dengan mengenal pasti koleksi seni yang ada, pengunjung dapat menghargai keunikan dan nilai sejarah yang dipamerkan. Sebagai tambahan, persoalan kajian yang dikemukakan memberi fokus kepada bagaimana pengunjung menilai koleksi seni tersebut dan bagaimana potensi penambahbaikan dapat diterapkan untuk meningkatkan kualiti pameran dan aktiviti galeri. Objektif kajian yang digariskan bertujuan untuk memberikan sumbangan penting terhadap penambahbaikan galeri dengan memberikan pandangan yang lebih mendalam mengenai aspek pengunjung, koleksi, dan aktiviti yang ada.

Skop kajian yang dijalankan adalah luas dan merangkumi kajian tentang koleksi seni yang dipamerkan, serta persepsi pengunjung yang terlibat melalui temu bual dan

pemerhatian. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dengan lebih lanjut tentang bagaimana galeri ini boleh diperbaiki, terutamanya dalam konteks koleksi yang lebih menarik dan pengalaman pengunjung yang lebih interaktif. Ini akan memberikan gambaran yang jelas tentang potensi penambahbaikan yang boleh diterapkan bagi meningkatkan tarikan pengunjung dan memastikan Galeri Pusat Warisan Kajang terus menjadi pilihan utama dalam menyampaikan warisan budaya kepada masyarakat umum.

Bab kedua kajian ini menerangkan kajian literatur serta penerapan teori yang mempunyai kaitan dengan tajuk penyelidikan, di mana teori persepsi diterapkan bagi menganalisis bagaimana pengunjung membuat penilaian terhadap koleksi pameran yang terdapat di Galeri Warisan Kajang. Menurut teori persepsi, proses ini melibatkan cara individu mengatur dan memberi makna kepada pengalaman deria yang diterima melalui pancaindera. Persepsi ini membantu kita memahami bagaimana individu memerhatikan dan mentafsirkan rangsangan deria, seperti objek atau imej yang dilihat, untuk membentuk pandangan terhadap dunia. Dalam konteks ini, pengunjung galeri memberi makna kepada koleksi pameran melalui proses mental yang melibatkan pemerhatian dan tafsiran yang kompleks.

Teori persepsi yang diterapkan dalam kajian ini juga memfokuskan pada cara komunikasi visual diterima oleh individu. Hal ini penting kerana pameran seni dan warisan budaya melibatkan banyak elemen visual yang mesti diterjemahkan oleh pengunjung agar mereka dapat menghargai dan memahami konteks yang lebih luas mengenai setiap koleksi. Prinsip-prinsip yang diterangkan dalam teori ini dapat membantu menganalisis bagaimana pengunjung berinteraksi dengan koleksi pameran, memahami mesej yang ingin disampaikan, serta memberi makna terhadap elemen-elemen pameran yang kompleks dan bersifat simbolik. Penerimaan objek dan koleksi bukan hanya berdasarkan apa yang dilihat tetapi juga melalui cara ia berhubung dengan pengalaman peribadi dan latar belakang pengetahuan pengunjung.

Selain itu, teori Gestalt yang menjadi salah satu teras dalam kajian ini memberikan perspektif tambahan untuk memahami bagaimana pengunjung menilai pameran secara keseluruhan. Teori ini menjelaskan bahawa manusia cenderung melihat objek atau imej dalam bentuk keseluruhan terlebih dahulu sebelum meneliti bahagian-bahagiannya secara terperinci. Oleh itu, pengunjung yang mengunjungi galeri ini akan merasakan dan memberi makna kepada pameran berdasarkan persepsi mereka terhadap keseluruhan koleksi, bukan hanya pada elemen-elemen individu. Prinsip ini sesuai

untuk memahami bagaimana pengunjung membentuk pandangan terhadap pameran di Galeri Warisan Kajang dan memberi makna kepada koleksi yang dipamerkan berdasarkan pengalaman visual dan kontekstual mereka.

Bab ketiga dalam kajian ini menjelaskan metodologi yang digunakan dalam penyelidikan, yang menggabungkan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data yang lebih komprehensif dan memberikan pandangan yang lebih menyeluruh tentang topik yang dikaji. Pengumpulan data dijalankan melalui beberapa teknik, termasuk temu bual dengan kakitangan galeri untuk mendapatkan pandangan dalaman mengenai pameran dan pengurusan galeri. Selain itu, pemerhatian langsung terhadap pameran yang berlangsung juga dilaksanakan untuk memahami bagaimana pameran diterima dan dihayati oleh pengunjung. Tinjauan soal selidik kepada pengunjung juga dilakukan bagi mendapatkan maklum balas tentang persepsi mereka terhadap pameran yang dipamerkan.

Sumber data yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada kedua-dua sumber primer dan sekunder. Data primer diperoleh melalui temu bual, soal selidik, dan pemerhatian langsung, manakala data sekunder merangkumi bahan-bahan yang diperoleh dari artikel, jurnal, dan sumber lain yang tepat. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang pameran di Galeri Warisan Kajang, selain meneliti kaitan antara persepsi pengunjung dengan keberkesanan pameran tersebut. Dalam usaha untuk menganalisis data yang dikumpulkan, pendekatan deskriptif dan tematik digunakan untuk menggambarkan fenomena yang berlaku, serta untuk mengenal pasti pola-pola tertentu yang timbul daripada data yang diperoleh.

Secara keseluruhannya, metodologi yang diterapkan dalam kajian ini memastikan bahawa data yang dikumpulkan adalah pelbagai dan menyeluruh, memberikan gambaran yang jelas mengenai bagaimana pameran di Galeri Warisan Kajang diterima oleh pengunjung. Dengan menggunakan kaedah campuran, kajian ini tidak hanya dapat menganalisis aspek kualitatif mengenai pengalaman pengunjung dan staf galeri, tetapi juga dapat memperincikan dapatan kuantitatif mengenai maklum balas pengunjung. Oleh itu, metodologi yang digunakan dalam kajian ini membolehkan penilaian yang menyeluruh tentang keberkesanan pameran dan aktiviti galeri serta memberikan cadangan yang lebih tepat untuk meningkatkan pengalaman pengunjung.

Bab keempat membincangkan hasil analisis dapatan kajian berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan melalui data pengumpulan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Dapatan menunjukkan bahawa pengunjung mempunyai persepsi yang positif terhadap koleksi yang dipamerkan di Galeri Warisan Kajang. Pengunjung menghargai nilai sejarah dan budaya yang disampaikan melalui koleksi tersebut, yang memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna. Namun, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi dalam meningkatkan tarikan galeri, antaranya adalah kekurangan aktiviti interaktif yang dapat meningkatkan penglibatan pengunjung, serta ruang pameran yang terhad untuk menampung lebih banyak koleksi.

Selain itu, hasil kajian turut menggariskan isu-isu yang perlu diberi perhatian bagi memastikan galeri dapat terus relevan dan menarik kepada pengunjung. Salah satu cabaran utama adalah kekurangan ruang untuk menempatkan lebih banyak koleksi yang pelbagai, terutama koleksi yang melibatkan komuniti Melayu dan India. Isu ruang ini memerlukan perancangan semula bagi mengoptimumkan penggunaan ruang galeri, termasuk renovasi untuk menyusun semula laluan pengunjung dan meningkatkan ruang pameran. Pengunjung juga menyarankan agar ruang pameran dapat dibesarkan agar lebih banyak koleksi dapat dipamerkan dan memberi peluang untuk lebih banyak interaksi dengan artifak.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini memberi gambaran bahawa Galeri Warisan Kajang telah memberikan impak yang positif terhadap persepsi pengunjung mengenai koleksi yang dipamerkan, namun terdapat beberapa aspek yang perlu ditingkatkan. Perancangan untuk menambah aktiviti interaktif dan memperluas ruang pameran adalah langkah penting yang perlu diambil untuk memperbaiki pengalaman pengunjung dan menarik lebih ramai pengunjung ke galeri.

5.3 Dapatan Utama

Dapatan utama kajian ini memperlihatkan hubungan ketara antara koleksi pameran, tanggapan pengunjung, serta usaha penambahbaikan galeri terhadap Pusat Warisan Kajang. Majoriti pengunjung meluahkan kepuasan terhadap koleksi seni yang dipersembahkan, khususnya dari aspek nilai sejarah serta keistimewaan artifak yang dipamerkan. Walau bagaimanapun, terdapat cadangan untuk meningkatkan daya tarikan pameran melalui penggunaan teknologi digital, penyediaan aktiviti interaktif, serta penambahan maklumat yang lebih mendalam mengenai koleksi yang dipamerkan. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa susun atur pameran yang tersusun dan

kemudahan kebolehcapaian dalam galeri telah memberikan pengalaman yang baik kepada pengunjung. Namun, beberapa cabaran telah dikenalpasti, antaranya kekurangan ruang pameran, keperluan penyelenggaraan koleksi yang lebih sistematik, serta tahap promosi yang masih rendah dalam menarik lebih ramai pengunjung. Sejajar dengan peranan galeri sebagai institusi pemeliharaan warisan dan pusat pendidikan, kajian ini menekankan kepentingan pengurusan koleksi yang lebih berkesan, penyediaan aktiviti yang lebih menarik, serta strategi pemasaran yang lebih berkesan bagi memastikan galeri ini terus kekal menarik minat generasi akan datang. Oleh itu, hasil kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai persepsi pengunjung, tetapi juga menjadi asas dalam merangka cadangan penambahbaikan untuk memastikan kelestarian galeri dan meningkatkan pengalaman pengunjung.

5.4 Cadangan

Matlamat utama kajian ini adalah untuk menilai persepsi pengunjung terhadap koleksi serta koleksi yang terdapat di Galeri Pusat Warisan Kajang, selain mengemukakan cadangan penambahbaikan yang bertujuan untuk mempertingkatkan daya tarikan galeri tersebut. Berdasarkan hasil kajian, beberapa langkah penambahbaikan telah dicadangkan untuk menjadikan galeri ini lebih menarik kepada masyarakat. Antara langkah pertama yang dicadangkan ialah pengenalan pameran interaktif berbentuk digital seperti augmented reality (AR) atau virtual reality (VR), yang dapat memberi pengalaman yang lebih mendalam kepada pengunjung. Teknologi ini mampu menghidupkan kembali sejarah atau mempersembahkan koleksi secara maya, seterusnya menarik minat golongan muda yang lebih terdedah kepada kemajuan teknologi. Dengan menggunakan pendekatan digital, pengunjung berpeluang berinteraksi secara langsung dengan objek sejarah, menjadikan pengalaman mereka lebih menarik dan relevan dalam dunia digital masa kini.

Selain itu, galeri juga digalakkan untuk mengadakan aktiviti permainan tradisional warisan Kajang yang boleh dimainkan oleh pengunjung di dalam galeri. Aktiviti seperti permainan, kad, dan tin lama yang dapat memberikan pengalaman yang menyeronokkan sambil memperkenalkan budaya tradisional tempatan Kajang pada zaman dahulu kepada pengunjung. Permainan tradisional ini bukan sahaja dapat meningkatkan interaksi antara pengunjung, tetapi juga memberi peluang untuk mengenal dan menghayati budaya warisan Kajang dengan cara yang lebih

menyeronokkan dan mendalam. Melalui aktiviti ini, galeri dapat menarik perhatian pelbagai golongan masyarakat dan memperkukuh hubungan sosial sambil memberi pengunjung peluang untuk merasai sendiri permainan yang pernah dimainkan oleh generasi terdahulu.

Dari segi ruang, adalah disarankan agar galeri memperluaskan ruang pameran dengan memanfaatkan tingkat atas yang tidak digunakan pada masa ini. Penambahan ruang pameran ini akan memberi lebih banyak ruang untuk menampilkan koleksi serta memberi pengunjung pengalaman yang lebih tersusun dan selesa. Selain itu, dengan pengembangan ruang ini, galeri dapat menyusun pameran dengan tema tertentu, menjadikannya lebih menarik dan relevan kepada pelbagai golongan. Penggunaan ruang atas juga memberikan pengunjung pengalaman pameran yang lebih luas dan tidak sesak, menjadikan suasana galeri lebih menyenangkan.

Selain itu, galeri juga perlu meningkatkan kemudahan seperti tempat letak kereta untuk memudahkan pengunjung. Pengunjung yang datang menggunakan kenderaan sendiri sering menghadapi masalah kekurangan ruang letak kereta, yang boleh mengurangkan pengalaman mereka. Oleh itu, pihak galeri perlu mempertimbangkan untuk meningkatkan jumlah tempat letak kereta dan memastikan laluan pejalan kaki yang mesra pengunjung. Ini dapat memberikan kemudahan dan keselesaan, sekali gus menarik lebih ramai pengunjung untuk datang tanpa bimbang tentang kesulitan tempat letak kereta.

Bagi meningkatkan lagi daya tarikan dan aksesibiliti, galeri disarankan untuk mempertimbangkan pembukaan lebih kerap, termasuk pada hari biasa selain Sabtu dan Ahad. Dengan menambah waktu operasi pada hari bekerja, galeri dapat menarik pengunjung dari kalangan pelancong domestik atau pekerja yang mungkin tidak dapat melawat pada hujung minggu. Pembukaan galeri pada waktu yang lebih fleksibel akan meningkatkan peluang pengunjung yang berbeza latar belakang dan kehendak masa. Di samping itu, galeri juga boleh memperbanyakkan jualan produk berkaitan dengan warisan, seperti cenderamata, buku, atau replikasi koleksi, di kedai galeri. Jualan produk ini bukan sahaja dapat membantu menjana pendapatan tambahan bagi galeri, tetapi juga memberikan pengunjung peluang untuk membawa pulang kenangan daripada lawatan mereka. Langkah ini boleh memperkukuh kemampanan kewangan galeri selain daripada menjadikan pengalaman pengunjung lebih memuaskan.

Akhirnya, galeri perlu mempertingkatkan usaha promosi melalui media sosial untuk menjangkau lebih ramai pengunjung, terutama golongan muda. Dengan

memanfaatkan platform seperti Instagram, Facebook, dan TikTok, galeri dapat mempromosikan koleksi dan aktiviti mereka dengan cara yang lebih menarik dan kreatif. Promosi yang berterusan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang galeri dan menarik lebih ramai pengunjung. Selain itu, kerjasama dengan institusi pendidikan juga boleh dijalinkan bagi menarik pelajar melalui program lawatan sambil belajar atau aktiviti yang berkaitan dengan kurikulum budaya. Dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini, Galeri Pusat Warisan Kajang dapat menjadi lebih proaktif, berdaya saing, dan seiring dengan kehendak pengunjung masa kini, serta terus berfungsi sebagai pusat pemeliharaan dan penghargaan terhadap sejarah dan budaya tempatan.

RUJUKAN

- Abas, N. H. B., & Yusoff, M. Y. M. (2017). Peranan Galeri Sultan Azlan Shah Sebagai Pendidikan Tidak Formal. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1).
- Abd Jalal, A. F., Yusuf, A., Abd Hamid, A. F., & Abd Rahim, R. A. (2019). Kesedaran muzium baru di Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 93-111.
- Abdul, M.N. (2015). Muzium: Pengurusan koleksi pameran di rumah kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad.
- Abdullah. R. (1998). Asas pengurusan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Akta Warisan Kebangsaan (2005). Kuala Lumpur, Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia
- Alexander, E. P. (2019). *Museums in motion: An introduction to the history and functions of museums*. Rowman & Littlefield
- Ambrose, T., & Paine, C. (2018). *Museum Basics* (4th ed.). Routledge.
- Axelsen, M., & Arcodia, C. (2004). Motivations for attending the Asia-pacific triennial art exhibition. In CAUTHE (14th: 2004: Brisbane, Qld.) (pp. 50-60). Brisbane, Qld.: Common Ground Publishing.
- Azmi, I. A. G. (2001). Pengurusan dari perspektif Islam. *Jurnal Syariah*, 9(2), 85-102.
- Azmi, N. A., Ali, M. A. F., Ahmad, A. L., Ab Dulhamid, H., & Sazali, M. F. (2023). Enhancement of Old Shophouses Facade in Urban Development: Case Studies of Kajang Old Town. *International Journal of Business and Technology Management*, 5(S3), 142-148.
- Babbie, E. R. (2020). The practice of social research. Cengage Au.
- Bernama (2024). RM30 Juta Ubah Suai Bangunan Lama BNM Jadi Galeri Shah Alam. *Bernama*. Diakses pada 22 Februari 2025 dari <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2266123>

- Bitgood, S. (2011). *Social Design in Museums: The Psychology of Visitor Studies*. MuseumsEtc.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology*
- Caple, C. (2000). *Conservation Skills: Judgement, Method and Decision Making*. Routledge.
- Chua, Y. P. (2014). *Asas statistik penyelidikan*. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. (2011). *Research methods and statistics book 2: Statistics basic*.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Creswell, J. W., Klassen, A. C., Plano Clark, V. L., & Smith, K. C. (2011). Best practices for mixed methods research in the health sciences. Bethesda (Maryland): National Institutes of Health, 2013, 541-545.
- Das, S. (2015). Using museum exhibits: An innovation in experiential learning. *College Teaching*, 63(2), 72-82.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Reka bentuk. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Falk, J. H., & Dierking, L. D. (2016). *The museum experience revisited*. Routledge.
- Fuchsberger, V., Murer, M., Krischkowsky, A., & Tscheligi, M. (2016, June). Interaction design labels: concepts, inscriptions, and concealed intentions. In *Proceedings of the 2016 ACM Conference on Designing Interactive Systems* (pp. 108-120).
- Goode, G. B. (1895). The relationships and responsibilities of museums. *Science*, 34(2), 197-209.
- Grix, J. (2004). *The Foundations of Research*. Palgrave Macmillan.

- Hafiz Zulkifli, M. A., Abu Bakar, M. S., & Hamidon, N. A. (2019). Museum exhibition marketing strategy: a case study of the Malaysian Islamic Art Museum. In *Forum Komunikasi (FK)* (Vol. 14, No. 2, pp. 64-90). Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA.
- Hamzah. A (2010). *Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya*. Universiti Malaya.
- Harris, C. M. (2006). *Dictionary of architecture & construction*. 4th edition. McGraw-Hill.
- Hassan, A. & Ahmad, A. (1996). *Seni Berfikir Kreatif*. Kuala Lumpur: Utusan Publication
- Hein, G. E. (1998). *Learning in the museum*. Routledge.
- Hooper-Greenhill, E. (1994). *Museums and their visitors*. Routledge.
- Hooper-Greenhill, E. (2007). *Museum and education: Purpose, pedagogy, performance*. Routledge.
- Hooper-Greenhill, E. (2000). *Museums And The Interpretation Of Visual Culture*. Routledge.
- Hornby, A. S. (1995). *Oxford advanced learner's dictionary of current English* (5th ed.). Oxford University Press.
- Hunt, J. D. (1975). Image as a factor in tourism development. *Journal of travel research*, 13(3), 1-7.
- Hussein, H. (2019) #JOM! GO: More than satay. New Straits Times, New Straits Times Press (M) Bhd. Diakses pada 16 Mei 2024 dari <https://www.nst.com.my/lifestyle/jom/2019/12/549214/jom-go-more-satay>
- Ibrahim, F., Alavi, K., & Hassan, N. (2020). *Penulisan tesis kajian kualitatif dan kuantitatif*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- ICOM. (2022). *Museum Definition*. International Council of Museum. Diakses pada 1 Januari 2025 dari <https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/museum-definition/>

- Ismail, M. F. (2015). Pengurusan pembangunan pengunjung di muzium Negeri Perak, Taiping. *Universiti Malaysia Sarawak*.
- Jamal, S. A. (2007). The encyclopedia of Malaysia: Crafts and the visual arts. *Kuala Lumpur: Archipelago*.
- Jasmi, K. A. (2021). Metode Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif untuk Pengajian Islam dan Pendidikan Islam. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Johar. A. B. (2008). *Usaha galeri seni di dalam memartabatkan hasil karya artis tampak tempatan kajian kes: artrageously Ramsay Ong Gallery* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sarawak).
- Juanes, J. A., Ruisoto, P., Obeso, J. A., San-Molina, J., & Prats, A. (2014, October). An advanced visualization system for the neurofunctional study of Parkinson's disease. In *Proceedings of the Second International Conference on Technological Ecosystems for Enhancing Multiculturality* (pp. 27-30).
- Kamarudin. K (2019). *Kajang Heritage Walk Citra Sejarah Bandar Kajang*. Bernama. Diakses pada 25 Julai 2024 <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1800575>
- Kotler, N., & Kotler, P. (2007). Can museums be all things to all people?: Missions, goals, and marketing's role. In *Museum management and marketing* (pp. 313-330). Routledge.
- Linn, A. J., Reuther, J. D., Wooley, C. B., Shirar, S. J., & Rogers, J. S. (2017). Museum cultural collections: pathways to the preservation of traditional and scientific knowledge. *Arctic Science*, 3(3), 618-634.
- Lord, G. D & Lord, B.(2009). *The Manual of Museum Management*. Plymouth: Alta Mira Press.
- Luoto, E. (2018). *Engaging visitors through exhibition design* (Master's thesis).
- MacDonald, G. F., & Alsford, S. (1995). Canadian museums and the representation of culture in a multicultural nation. *Cultural dynamics*, 7(1), 15-36.
- Marican, S. (2006). *Penyelidikan sains sosial: Pendekatan pragmatik*. Edusystem.

- Mason, H. D. (2019). Factors that enhance academic learning and study behaviours: A qualitative study. *Journal of Psychology in Africa*, 29(1), 67-72.
- Mason, R., Robinson, A., & Coffield, E. (2017). *Museum and gallery studies: the basics*. Routledge.
- Mat Isa, M. J. (2022). Perkembangan galeri seni persendirian di Malaysia: 1940 - 1960. *Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA*. Penulis koresponden.
- McKercher, B., & du Cros, H. (2002). *Cultural tourism: The partnership between tourism and cultural heritage management*. Haworth Hospitality Press.
- Newman, E. (1983). *Perception: A Systematic Introduction*. Wadsworth.
- Norizan, B. Y., & Elias, N. (2019). Proses penyesuaian perubahan yang dilalui oleh saudara Muslim: Satu kajian kes di Negeri Kedah Darul Aman. *Journal of Sciences and Management Research*, 61, 1-15.
- Nur'Aeni, N., Suwatno, S., Setyorini, H. P., & Herlina, H. (2019). Public Relations Strategy in Improving Museum Image as Public Education Vehicle and Tourist Attraction. 258 (Icream 2018), 386–389.
- Nur Auni Ugong et. (2018) Melestarikan Pengurusan dan Institusi Pemuziuman Borneo: Pengalaman Sarawak. *Universiti Malaysia Sarawak* 3(2), 73-100
- Pekarik, A. J., Doering, Z. D., & Karns, D. A. (1999). *Exploring satisfying experiences in museums*. *Curator: The Museum Journal*, 42(2), 152–173.
- Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT) (2022) *Pameran*. Diakses pada 21 Februari 2025 dari <https://www.padat.gov.my/v2/index.php/my/perkhidmatan/pameran>
- Pimentel, J. L. (2010). A note on the usage of Likert Scaling for research data analysis. *USM R&D Journal*, 18(2), 109-112.
- Rahman, A., Sari, N. M. W., Fitriani, F., Sugiarto, M., Sattar, S., Abidin, Z., ... & Haryanto, E. (2022). *Metode Penelitian Ilmu Sosial*.
- Ravelli, L. J. (1996). Making language accessible: Successful text writing for museum visitors. *Linguistics and Education*, 8(4), 367-387.

- Richards, G. (2007). *Cultural tourism: Global and local perspectives*. Psychology Press.
- Rozell, M. M. (2014). *The art collector's handbook: a guide to collection management and care*. Ashgate Publishing, Ltd..
- Rusli, N. F. M., Ibrahim, N. F. S. C., Raâ, M., & Nallaluthan, K. (2021). Persepsi Pelajar terhadap Aplikasi Multimedia Interaktif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-2, 6(1), 15-24.
- Ruzlan Md Ali et.al (2018) *Pengumpulan Data Kualitatif dalam Penyelidikan*. Legasi Press Sdn.Bhd
- Safarway (2024) Information about Kajang Heritage Centre. Diakses pada 16 Mei 2024.
- Saidon, H. J. (2011). Penyesuaian Hasil Dapatan Kajian Pelanggan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Strategi Kuratorial Pameran e-CITRA. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 10.
- Salleh, N. H. M. (2022). Mengubah naratif muzium Malaysia bagi menghargai sejarah lampau. *Berita Malaysia Now*.
- Sari, S. P. (2011). Galeri Seni Rupa Kontemporer di Yogyakarta. *Universitas Atma Jaya Yogyakarta*, 4.
- Sarji, A. (2006). *Wacana seni visual Malaysia: Tradisi dan perubahan [Discourse on Malaysian Visual Arts: Tradition and Change]*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Satya, Y., Maziyah, V. N., & Martana, S. P. (2022). Architectural Review Of Indonesian National Gallery Building. *Jurnal Arsitektur Archicentre*, 5(1), 14-21.
- Scherbaum, C. A., & Shockley, K. M. (2015). Analysing quantitative data for business and management students.
- Schielke, T. (2020). Interpreting art with light: Museum lighting between objectivity and hyperrealism. *Leukos*, 16(1), 7-24.
- Serrell, B. (2015). *Exhibit labels: An interpretive approach*. Rowman & Littlefield.
- Sharom, N. A., Narayanen, S., Khaw, N. R., Talib, N. K., & Zainun, N. (2023). Strategi Untuk Mempromosi Galeri Arkeologi Usm Kepada Orang Awam Strategies For

- Promoting The Usm Archaeological Gallery To The Public. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 36(2).
- Siregar, A. (2011). *Kajian tentang pameran seni rupa Nusantara di Galeri Nasional Indonesia*. Disertasi, Institut Kesenian Jakarta..
- Smith, L. (2006). *Uses of heritage*. Routledge.
- Suarez, A. V., & Tsutsui, N. D. (2004). The value of museum collections for research and society. *BioScience*, 54(1), 66-74.
- Sumanto, M. A. (2014). *Psikologi perkembangan*. Media Pressindo.
- Tan, C. K. (1994). *Perintis-perintis seni lukis Malaysia*. Shell Companies in Malaysia.
- Teddle, C., & Yu, F. (2007). Mixed methods sampling: A typology with examples. *Journal of mixed methods research*, 1(1), 77-100.
- Tempo, K. (2013). Galeri itu bukan museum. *Koran Tempo*.
- Thompson, J. (2011). *Manual of curatorship: A guide to museum practice*. Routledge.
- Tong, A. M. (2016) Pendapat Pengunjung mengenai Reka Letak Pameran Urang Sarawak di Muzium Seni Sarawak.
- UNESCO. (1972). Konvensyen mengenai perlindungan warisan budaya dan warisan semula jadi dunia. UNESCO.
- Urry, J. (2002). *The tourist gaze*. Sage.
- Wang, C. M. (2015). Theme Exhibition of Memorial Museums and Social Education of Youngsters. *Journal of Youth Studies* (10297847), 18(1).
- Wertheimer, M. (1938). Laws of organization in perceptual forms. In W. D. Ellis (Ed.), *A source book of Gestalt psychology* (pp. 71–88). Kegan Paul, Trench, Trubner & Company.
- Widuri N. R. (2012) Pameran, Media Komunikasi Antara Perpustakaan Dengan Pengguna. *Pustakawan Pus/it Biologi-LIPI* 28(2) 1-7

- Yusof, N., & Elias, N. (2019). Proses penyesuaian perubahan yang dilalui oleh saudara muslim: Satu kajian kes di negeri Kedah Darul Aman. *Journal of Sciences and Management Research*, 2600, 28-45.
- Yuszaidy Mohd Yusoff Et. Akta Warisan Kebangsaan, (2005). Tinjauan Sepintas Lalu. *Jurnal Melayu* (8) 2011: 173 – 188.
- Zain,I. (1991). Meditation on the Art Market in Malaysia in 33 Years After. Kuala Lumpur: Room at The Top.
- Zainudin, H., & Yapp, A. (2019). Surviving The Kampong Heritage In Rapid Urbanization: The Case Of Kajang Town. *International Journal Of Heritage, Art, And Multimedia*, 2(6), 33-40.